

# **MERINTIS PERUBAHAN MEMPERKASA KEPIMPINAN**



INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
KOMPLEKS PENDIDIKAN NILAI  
71760 BANDAR ENSTEK  
NEGERI SEMBILAN

**Diterbitkan oleh**  
Institut Aminuddin Bakri  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kompleks Pendidikan Nilai  
71760 Bandar Enstek  
Negeri Sembilan  
Tel: 06-7979 200 / Faks: 06-7979 300

<http://www.iab.edu.my>  
iab@iab.edu.my

**Urusan Penerbitan**  
Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi  
Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan  
Institut Aminuddin Bakri

**©Hak Cipta IAB 2015**  
Cetakan  
ISBN: 978-967-0504-23-0



**©Hak cipta terpelihara**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Bakri terlebih dahulu.

**Pengurus Penerbitan**  
Jamilah binti Jaafar Ph.D

**Pencetak**  
Anf Pro Enterprise  
No.10, Jalan SB Jaya 10  
Taman Industri Sungai Buloh Jaya  
47000 Sungai Buloh Selangor  
Tel: 03-6142 3860 / Faks: 03-61507246

**MERINTIS PERUBAHAN  
MEMPERKASA KEPIMPINAN**

**PENAUNG**

YH. Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang  
*Pengarah*


**PENASIHAT**

Zainab binti Hussin Ph.D  
*Timbalan Pengarah Khidmat Profesional*

**SIDANG EDITOR**

Nik Mohd Fakhruddin bin Nik Abd. Rahman  
Jamilah binti Jaafar Ph.D  
Md. Rahaimi bin Rashid @ Yaacob  
Aziyah binti Mohd Yusoff  
Mohd. Amir Shauki bin Ahmad  
Lim Swee Ngen  
Kamran bin Mohamad  
Cheng Lai Lian





## KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah. Syukur alhamdulillah di atas rahmat dan keizinanNya buku ini berjaya diterbitkan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada sidang editor dan semua pengkaji yang terlibat. Bagi saya, buku seperti ini adalah kesinambungan daripada komitmen pensyarah IAB dalam melaksanakan penyelidikan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

Penyelidikan memainkan peranan penting dalam usaha meneroka pengetahuan baru dan mengembangkan pengetahuan sedia ada. Kita semua maklum bahawa pengetahuan dalam apa sahaja bidang bersifat dinamik dan sentiasa berkembang. Cuma, setiap warga perlu rajin meneroka dan menyelidik malalui proses yang sistematis dan saintifik untuk menemui pengetahuan tersebut. Saya menghargai segala usaha yang telah dilakukan dari peringkat awal lagi daripada penyediaan kertas cadangan dan pembentangannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan sehingga ke peringkat pembentangan dalam Mesyuarat Lembaga Pengajian. Disiplin ini perlu sentiasa dipatuhi bagi memastikan kajian yang dijalankan berkualiti, terkini dan relevan dengan fungsi IAB.

Akhir sekali saya menyeru semua warga untuk terus menyumbang kepakaran dalam penyelidikan pendidikan demi merealisasikan visi dan misi IAB menjadi pusat pembangunan kepimpinan terbilang.  
Sekian. Terima kasih.

**Dato' Haji Khairil bin Haji Awang  
Pengarah  
Institut Aminuddin Baki**



# RAKATA

Buku ini merupakan himpunan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pensyarah IAB dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan sepanjang tahun 2012 hingga Februari 2014. Buku Merintis Perubahan Memperkasa Penyelidikan ini mengandungi lima kajian yang telah melalui beberapa tapisan iaitu kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengajian Institut Aminddin Baki (IAB) dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan IAB. Sebelum kajian-kajian ini diangkat ke Mesyuarat Lembaga Pengajian IAB, laporan kajian telah terlebih dahulu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan IAB melalui panel khas bagi menjaga kualiti dan mutu kajian-kajian yang dibentangkan.

Laporan kajian di dalam buku ini disusun mengikut keperluan semasa dan relevan dengan bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Ia mengandungi kajian keberkesanan Kursus pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB), kajian MBMMBI dan kajian *Burnout* serta dua kajian bertemakan ICT.

Sejak program LINUS mula dilaksanakan di sekolah rendah, IAB terlibat melatih pemimpin sekolah bagi memperkasa pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mengurus Program LINUS secara berkesan di sekolah serta memastikan semua murid Tahap 1 menguasai asas literasi dan numerasi.

IAB juga melaksanakan latihan bagi menyokong dasar MBMMBI dengan melatih pemimpin sekolah dalam kemahiran bahasa dan komunikasi. Justeru, kajian yang dijalankan sedikit sebanyak dapat menilai keberkesanan program latihan Jabatan Bahasa dan Komunikasi.

Pengetahuan dan kemahiran kaunseling adalah penting kepada pemimpin sekolah. Justeru, untuk memastikan kecemerlangan sekolah, pemimpin perlu bebas daripada *symptom burnout* iaitu sindrom ketandusan emosi, depersonalisasi dan pengurangan pencapaian peribadi yang berlaku akibat staf mengalami tekanan dan tidak mampu untuk berinteraksi dengan orang lain mereka dan persekitaran kerja mereka. Bertitik tolak dari itu, satu kajian telah dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Murid dan Kaunseling bagi melihat hubungan di antara *burnout* dengan demografi pemimpin sekolah.

Dua kajian terakhir dalam buku ini adalah berkaitan dengan kompetensi literasi teknologi maklumat (TMK) dan ICT pemimpin sekolah. Ia telah memberikan banyak maklumat ke arah penambahbaikan struktur dan kaedah latihan ICT dan TMK di IAB.

Akhir sekali, sidang editor berharap, buku ini dapat menjadi pencetus minda dan memberi manfaat kepada semua warga yang terlibat dengan bidang pendidikan dalam menjulang kecemerlangan organisasi. Sekian.

Editor



## KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Pengarah Institut Aminuddin Baki  
Prakata

v  
vii

### SENARAI KAJIAN

<b>Bahagian I:</b>	<b>Kajian Keberkesanan Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) Tahun 2012</b>	<b>1 - 24</b>
<b>Bahagian II:</b>	<b>Keberkesanan Latihan Jabatan Bahasa dan Komunikasi dalam Pelaksanaan Dasar MBMMBI di Sekolah</b>	<b>25 - 65</b>
<b>Bahagian III:</b>	<b>Hubungan Burnout dan Demografi Pemimpin Sekolah di Malaysia</b>	<b>67 - 86</b>
<b>Bahagian IV:</b>	<b>Kajian Tinjauan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Kalangan Pengurus Sekolah di Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya</b>	<b>87 - 108</b>
<b>Bahagian V:</b>	<b>Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah di Enam Pejabat Pendidikan Daerah</b>	<b>109 - 173</b>



## **KAJIAN KEBERKESANAN KURSUS PENGURUSAN LINUS (KPLUGB) UNTUK GURU BESAR TAHUN 2012**

Nor'Ainun Amir  
Abdul Mu'ti Ahmad  
Rusli Wahab  
Md Rahaimi Rashid@Yaacob  
Chai Sai Hon  
Kamalludin Abd Rani  
Arshad Md Noor  
Nor'Amimah Omar  
Maizatul Akmal Sahudin  
Norzamimi Mohd Zahari  
Hamsiah Mohd Dahalan  
Mastura Ahmad  
Mohd Yusoff Ali

### **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan menentukan keberkesanan Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) yang telah dijalankan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) pada tahun 2012. Pemilihan responden kajian berdasarkan kaedah persampelan bertujuan melibatkan 87 orang Guru Besar yang telah mengikuti KPLUGB sepanjang tahun 2012. Guru Besar diminta memberi respon terhadap instrumen soal selidik pra dan pasca semasa mengikuti KPLUGB. Data juga diperolehi melalui temu bual berstruktur semasa lawatan program konsultasi LINUS di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan KPLUGB telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru besar tentang dasar NKRA LINUS dan kepentingannya. Kajian juga mendapati topik-topik dan kandungan dalam KPLUGB telah membantu mereka dari segi pemantapan pengurusan LINUS khususnya pengurusan saringan literasi dan numerasi, pengurusan murid berkeperluan khas, perancangan strategik untuk menyelesaikan masalah dan pengurusan komuniti. Pemimpin sekolah mendapati dengan kaedah dan kandungan KPLUG dapat memberikan idea dan pendekatan baru dalam menangani isu-isu pengurusan LINUS di sekolah.*

*Kata kunci:* LINUS, kursus pengurusan LINUS, literasi dan numerasi

## PENGENALAN

Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, turut terlibat secara langsung dalam usaha merealisasikan visi bagi program Literasi dan Numerasi (LINUS) kepada semua murid kecuali murid berkeperluan khas. Program ini mensasarkan matlamat supaya semua murid perlu menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun pertama persekolahan rendah. Pada penghujung tahun 2012, murid yang berada di Tahun 3 adalah kohort pertama program LINUS yang telah dimulakan pada tahun 2010.

Selaras dengan fungsinya, penglibatan IAB dalam program LINUS adalah bertujuan untuk mengupayakan Guru Besar mengurus pelaksanaan Program LINUS di sekolah masing-masing secara efektif dan berkesan. Usaha ini perlu diteruskan bukan sahaja setakat merealisasikan visi LINUS tetapi juga untuk menjamin kelestarian visi tersebut dilaksanakan.

Pengupayaan Guru Besar dalam pengurusan dan pelaksanaan LINUS di sekolah dijalankan oleh melalui dua mod operasi iaitu; Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) dan Program Konsultasi dan Mentoring LINUS (*Coaching and Mentoring*). Program ini mensasarkan Guru Besar dari sekolah yang tidak mencapai sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan, iaitu 100% murid menguasai asas literasi dan numerasi selepas Saringan 6 dijalankan.

## PROGRAM LINUS

Program LINUS adalah satu program yang dirancang di bawah Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mensasarkan semua murid menguasai asas Literasi Bahasa Malaysia (LBM) dan Numerasi selepas Tahap 1. LBM merujuk kepada keupayaan membaca, menulis dan memahami ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran serta komunikasi harian. Numerasi adalah kebolehan melakukan operasi asas matematik dan memahami idea matematik yang mudah serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran matematik dalam kehidupan harian.

Semua keupayaan tersebut terangkum dalam 12 konstruk literasi dan numerasi. Sebanyak tiga saringan telah dijalankan dalam tahun 2010 iaitu pada bulan Mac, Jun dan September dengan maklumat tentang bilangan murid yang melepassi konstruk 1 hingga 12 akan dilaporkan oleh guru besar sekolah secara “online” dengan pemantauan dan bantuan oleh Fasilitator Linus di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).

Murid yang melepassi konstruk 8 hingga 12 akan diletakkan dalam kelas arus perdana manakala murid yang gagal melepassi konstruk 1 hingga 7 akan melalui program LINUS. Murid yang berterusan gagal melepassi konstruk 1 dan konstruk 2 perlu mendapatkan nasihat dan pengesahan pakar perubatan. Mereka perlu disalurkan ke saluran sekolah yang sesuai jika berkenaan.

## KURSUS PENGURUSAN LINUS UNTUK GURU BESAR

Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) dikendalikan oleh seramai 20 orang pensyarah IAB. Bagi sekolah yang telah menepati sasaran KPI pada penghujung tahun ini 2012, mereka tidak akan terlibat dengan kursus atau Program *Coaching and Mentoring*. Walau bagaimanapun adalah dijangkakan bilangan sekolah yang tidak mencapai sasaran KPInya adalah kecil dan terdapat sebilangan sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM), Sekolah Murid Orang Asli/ Penan dan Sekolah Pedalaman/ Pulau, atau sekolah yang kadar ponteng muridnya adalah tinggi. Jika ini keadaannya, maka aktiviti pengupayaan Guru Besar akan menggunakan mod operasi *coaching and mentoring*. Rasionalnya ialah cabaran yang dihadapi oleh sekolah-sekolah begini adalah bersifat khusus ataupun unik kepada sekolah berkenaan.

Pada tahun 2012. IAB telah menjalankan sebanyak sepuluh (10) kursus pengurusan LINUS melibatkan 300 Guru Besar di sekolah yang dikenal pasti. Tempoh kursus adalah selama empat hari melalui aktiviti kuliah dan perbengkelan. Pengisian kursus selama 24 jam merangkumi lima tajuk utama iaitu:

- i) Dasar 1Malaysia, NKRA: LINUS,
- ii) Pengurusan Instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan
- iii) Menangani Murid Berkeperluan Khas
- iv) Perancangan Strategik
- v) Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti.
- vi) Membuat Keputusan Berasaskan Data (*Data Driven Decision Making*)

Bagi aktiviti *coaching and mentoring* pula, setiap pensyarah bertanggungjawab terhadap tiga buah sekolah. Aktiviti *coaching and mentoring* melalui Program Konsultasi LINUS 2012 melibatkan seramai 53 orang Guru Besar yang telah menghadiri KPLUGB pada tahun 2012. Pensyarah telah membuat lawatan konsultasi ke sekolah dan pada masa yang sama, pensyarah juga mengumpulkan data kajian melalui soal selidik dan temu bual.

### Pernyataan Masalah

Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) telah dijalankan mulai tahun 2010. Namun, sejauh mana keberkesanan kursus terhadap peningkatan kualiti pengurusan LINUS di sekolah dalam kalangan Guru Besar sekolah tidak pernah dikaji secara saintifik. Sehubungan dengan itu, Jabatan Asas Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (JAPKP), Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan IAB yang menguruskan kursus pengurusan LINUS telah mengambil inisiatif menjalankan kajian keberkesanan kursus ini terhadap peserta yang menghadiri kursus.

Kajian keberkesanan adalah pendekatan untuk melihat sejauh manakah program yang dijalankan mencapai matlamat atau melihat “*causal-effects*” program yang dirancang.

Keberkesanan atau penilaian sesuatu program sangat penting untuk menilai keberkesanan kursus yang telah dijalankan, memberi input untuk penawaran kursus pada masa akan datang, meninjau kemungkinan perluasan kursus, mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh dalam melaksanakan program LINUS di sekolah dan untuk membina perancangan yang tepat dan teliti. Secara ringkas, setiap kursus yang dijalankan seharusnya sentiasa dikaji keberkesanannya bagi tujuan mengelakkan pembaziran dan memastikan pengekalan IAB sebagai institusi yang unggul dalam melatih pemimpin sekolah.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan KPLUGB yang dilaksanakan oleh IAB pada tahun 2012 iaitu di tahun tiga pelaksanaannya dan meneroka sejauh mana guru besar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari semasa hadir berkursus di IAB.

### **Objektif dan Soalan Kajian**

Objektif kajian adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman pengurusan LINUS sebelum dan selepas berkursus dalam kalangan pentadbir sekolah;
- (ii) Mengenal pasti topik dalam sesi latihan KPLUGB yang didapati sangat bernilai untuk pentadbir sekolah;
- (iii) Mengenal pasti isu yang dihadapi oleh pentadbir sekolah yang telah menghadiri KPLUGB; dan
- (iv) Mengenal pasti pelaksanaan program LINUS selepas pentadbir sekolah menghadiri KPLUGB anjuran IAB.

Kajian ini akan menjawab soalan kajian berikut:

- (i) Apakah tahap pengetahuannya dan kefahaman pengurusan LINUS sebelum dan selepas berkursus dalam kalangan pentadbir sekolah?
- (ii) Apakah topik dalam sesi latihan KPLUGB yang didapati sangat bernilai untuk pentadbir sekolah?
- (iii) Apakah isu yang dihadapi oleh pentadbir sekolah yang telah menghadiri KPLUGB?
- (iv) Apakah program LINUS yang telah dilaksanakan selepas pentadbir sekolah menghadiri KPLUGB anjuran IAB?

### **Kepentingan Kajian**

LINUS merupakan program penting ke arah merealisasikan hasrat pendidikan Negara. Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terlibat dengan peranan masing-masing. IAB berperanan memberikan latihan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan LINUS dalam kalangan pemimpin sekolah yang terlibat selaras dengan besarnya peranan pemimpin sekolah terhadap pencapaian murid.

Dapatan kajian ini sangat bermakna bagi memastikan kualiti latihan IAB dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Adalah penting untuk meneroka isu sebenar yang menghalang sekolah tertentu mencapai sasaran yang ditetapkan melalui pengumpulan data secara mendalam daripada pemimpin yang terlibat. Maklumat dapatan kajian akan membolehkan penambahbaikan terhadap modul dan strategi latihan atau program konsultasi yang dijalankan.

Kajian ini juga akan memberikan maklumat tentang aspek-aspek bernilai dalam sesi latihan dan konsultasi yang perlu dikekalkan atau ditambah baik bagi meningkatkan kualiti kursus dari segi pelaksanaan dan kandungan modul kursus pada masa akan datang.

Bidang kepimpinan pendidikan merupakan salah satu bidang yang menarik minat ramai pengkaji. Kajian dalam keberkesanan program LINUS NKRA khusus dalam bidang pengurusan dan kepimpinan sekolah memberikan maklumat bermakna bagi membantu pemimpin meningkatkan pencapaian sekolah dan mengurangkan bilangan murid LINUS di sekolah khususnya dalam masa tiga tahun pertama persekolahan di sekolah rendah. Kenyataan ini disokong oleh Hoy dan Miskel (2001) dengan menegaskan bahawa pengurusan dan kepimpinan mempengaruhi keberkesanan sekolah.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Bahagian ini akan membincangkan tujuan Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) serta hubungannya dengan aspek profesionalisme pemimpin sekolah.

### **Tujuan KPLUGB**

Selaras dengan fungsi IAB sebagai pusat latihan kepimpinan pendidikan, KPLUGB dijalankan bertujuan melatih pemimpin sekolah dalam semua aspek kepimpinan dan pengurusan. Program LINUS seperti program lain merupakan salah satu program Instruksional yang perlu diuruskan secara berkesan oleh pemimpin sekolah. Tiga aktiviti utama berdasarkan model kepimpinan instruksional yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin atau pengurus sekolah untuk memastikan kejayaan program instruksional ialah melalui aktiviti mengkoordinasi, menyelia dan menilai pelaksanaan program dan memantau pencapaian murid dalam LINUS (Hallinger, P & Murphy, J. 1985).

Dalam hal ini, latihan yang diberikan kepada guru besar yang berkaitan akan memberikan mereka kesedaran tentang peranan mereka dalam merancang dan melaksanakan pengurusan yang berkesan. Di samping itu, peserta juga didedahkan dengan contoh amalan terbaik pemimpin sekolah yang telah berjaya melalui strategi yang kreatif dan inovatif.

Berdasarkan data NKRA 2009, masih ramai lagi murid di negara kita yang tidak mempunyai kemahiran asas dalam literasi dan numerasi. Data KIA2M 2008 menjelaskan seramai 54,000 murid Tahun 1 tidak mempunyai kemahiran asas literasi, manakala data PROTIM 2008, seramai 117,000 murid Tahun 4 tidak mempunyai kemahiran asas numerasi.

Sehubungan dengan itu, Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar dijalankan memberi latihan/pendedahan kepada guru besar yang di sekolahnya masih mempunyai ramai murid LINUS/LINUS Tegar.

Guru Besar diharapkan akan memahami situasi sebenar di sekolah (organisasi berkenaan), menghadapi isu-isu yang memerlukan perhatian dan sentiasa perlu mencari jalan menambah baik pelbagai aspek pengurusan sekolah.

### **Asas Pembangunan Profesionalisme Guru**

Pembangunan profesional guru didefinisikan sebagai perkembangan profesional guru untuk membangunkan keupayaan guru, membentuk amalan tertentu di sekolah dan untuk membina komuniti yang gemar akan ilmu. Banyak aktiviti yang boleh dikaitkan dengan pembangunan profesional seperti seminar, bengkel, persidangan dan kursus yang dapat menambah baik pengajaran guru dan pentadbiran sekolah. Walau bagaimanapun benarkah aktiviti tersebut dapat membangunkan profesional guru? Yong Ok Jong (2009) dalam Yoon, Park & Hong (1999) berpendapat guru tidak semestinya mendapat faedah daripada program tersebut, malah kadang kala mereka berasa kecewa kerana membazirkan masa dan tenaga untuk menghadiri program yang dianggap tidak berfaedah itu. Oleh itu, sesuatu program pembangunan profesionalisme yang dijalankan, seharusnya memberi kesan yang maksimum kepada peserta.

Pembangunan profesional yang berkesan juga termasuk untuk melahirkan pemimpin berkesan, strategik, komited terhadap organisasi dan berorientasikan perancangan. McNiff dan Whitehead (2005) mencadangkan guru sebagai penyelidik yang sentiasa berusaha memperbaiki aspek kerja masing-masing sebagai satu tanggung jawab. Jadi, kajian ini adalah selaras dengan usaha untuk sentiasa meningkatkan kualiti latihan yang dijalankan.

### **Kerangka Kajian**

Kajian ini menggunakan model asas Stufflebeam (2000) yang telah diringkaskan. Model berkenaan, mencadangkan penilaian program dilihat melalui input, proses dan output. Kerangka kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Kerangka Kajian**

INPUT	PROSES	OUTPUT
<ul style="list-style-type: none"><li>● Bilangan responden menghadiri kursus</li><li>● Kurikulum Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar yang diajar dalam kursus</li></ul>	<p>A. Penilaian</p> <ul style="list-style-type: none"><li>● Soal-selidik pra dan pasca</li><li>● Penilaian pelaksanaan kursus BK9</li><li>● Protokol Temu bual</li></ul> <p>B. Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"><li>● Kuliah</li><li>● Bengkel</li><li>● Pembentangan</li><li>● Perbincangan</li></ul>	Mengetahui Memahami Melaksana

Peserta yang mengikuti kursus KPLUGB dilatih dan mereka terlibat dengan aktiviti kuliah, bengkel, pembentangan dan perbincangan berkaitan pengurusan LINUS di sekolah. Adalah diharapkan peserta yang selesai mengikuti KPLUG akan menjadi pemimpin sekolah yang tahu, faham, mampu merancang dan melaksanakan program LINUS di sekolah secara berkesan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana kaedah campuran (*mixed method*) dilihat sebagai lebih sepudu, rasional dan mantap (*rigorous*) (Ridenour & Newman, 2008). Kaedah campuran dilihat lebih praktikal dan berkesan kerana soalan kajian menghendaki dua aspek tersebut diterokai yang bersifat statistik dan teks. Tambahan lagi, kaedah ini memberi lebih banyak kesan, boleh mengesahkan data dan dapat menerokai aspek kualitatif yang tidak dapat dijana melalui soal-selidik.

### Persampelan dan Responden Kajian

Sampel terhadap soal selidik ditentukan berdasarkan pendekatan *purposive sampling* iaitu melibatkan semua peserta yang telah mengikuti KPLUGB anjuran IAB sepanjang tahun 2012. Seramai 98 guru besar telah menghadiri KPLUGB sepanjang tahun 2012 namun, hanya 87 peserta yang terlibat dalam pengumpulan data kuantitatif. 87 peserta ini juga terlibat sebagai responden dalam pengumpulan data secara lebih terperinci tentang amalan pelaksanaan pengurusan LINUS di sekolah. Pemilihan responden untuk data yang lebih mendalam berdasarkan persetujuan responden KPLUGB untuk ditemu bual semasa Program Konsultasi LINUS 2012 yang telah dijalankan pada 28 Oktober hingga 1 Disember 2012.

## Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan empat jenis instrumen untuk mengumpul data kuantitatif dan protokol temu bual untuk pengumpulan data kualitatif. Berikut ialah instrumen kajian;

- (i) Borang Soal Selidik (Penilaian Kendiri) sebelum kursus (Apendik1)
- (ii) Borang Soal Selidik (Penilaian Kendiri) selepas kursus (Apendik 2)
- (iii) Borang Maklum Balas Sesi Latihan (BK09)
- (iv) Protokol Temu Bual (Apendik 5)

### Borang Soal Selidik (Penilaian Kendiri)

Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mengukur pengetahuan dan kefahaman responden tentang program LINUS sebelum dan selepas KPLUGB. Borang soal selidik merangkumi maklumat demografi responden, pengenalan kepada dasar NKRA dan sub-NKRA, mengenal ciri dan menangani murid berkeperluan khas, menyenarai *tools* dalam Perancangan Strategik, dan memahami konsep literasi, numerasi dan saringan, refleksi amalan pengurusan, tujuan kajian, soalan kajian, metodologi kajian, pengumpulan data, analisis data dan penyediaan kertas cadangan. Instrumen ini menggunakan skala 1 hingga 6 yang ditandakan dengan 1 = tiada langsung, 2 = sangat sedikit, 3 = sedikit, 4 = sederhana, 5 = banyak, dan 6 = sangat banyak.

Kajian rintis telah dijalankan kepada 24 orang responden melibatkan responden daripada Guru Besar di daerah Gua Musang dan Kuala Krai. Data yang diperoleh telah dianalisis untuk mendapatkan pekali *Alpha Cronbach*. Jadual 2 menunjukkan perbandingan ujian kesahan bagi soal selidik pra dan soal selidik pasca bagi menyatakan persepsi kompetensi – Kajian Rintis yang telah dijalankan.

**Jadual 2: Perbezaan Pekali Kebolehpercayaan**

Perbandingan Ujian Kesahan Bagi Soal Selidik Pra dan Soal Selidik Pasca Bagi Penyataan Persepsi Kompetensi – Kajian Rintis			
Test Type	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
Pre-Test	0.947	0.95	14
Post-Test	0.964	0.96	14

Instrumen soal selidik pra dan soal selidik pasca bagi Kajian rintis yang telah diuji kepada 24 orang responden menunjukkan pekali kebolehpercayaan adalah 0.947 bagi soal selidik pra dan 0.964 bagi soal selidik pasca. Nilai ini melebihi 0.90 ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan kedua-dua instrumen adalah sangat baik.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan ujian kesahan bagi soal selidik pra dan soal selidik pasca bagi menyatakan persepsi kompetensi – Kajian Sebenar yang telah dijalankan kepada 87 orang responden.

**Jadual 3: Perbezaan Pekali Kebolehpercayaan**

Perbandingan Ujian Kesahan Bagi Soal Selidik Pra dan Soal Selidik Pasca  
Bagi Penyataan Persepsi Kompetensi – Kajian Sebenar

Test Type	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
Pre-Test	0.949	0.950	14
Post-Test	0.951	0.952	14

Instrumen soal selidik pra dan soal selidik pasca yang telah diuji kepada 87 orang responden semasa kajian sebenar, menunjukkan pekali kebolehpercayaan adalah 0.949 bagi soal selidik pra dan 0.951 bagi soal selidik pasca. Nilai ini melebihi 0.90. Ini bermakna tahap kebolehpercayaan kedua-dua instrumen juga adalah sangat baik.

### **Instrumen Maklum Balas Sesi Latihan (BK09)**

Borang maklum balas BK09 adalah borang penilaian yang digunakan oleh IAB bagi mendapatkan maklum balas responden tentang kursus dan aspek yang perlu ditambah baik. Bagi kajian ini, pengkaji menganalisa borang BK09 bagi menjawab soalan kajian yang kedua. Instrumen ini mengandungi tujuh item soalan bertujuan mendapatkan maklum balas peserta tentang kualiti sesi latihan yang telah dijalankan.

### **Protokol Temu Bual dan Analisis Dokumen**

Data kajian juga dikutip melalui sesi temu bual berstruktur dan analisis dokumen pengurusan LINUS. Temu bual berstruktur dengan peserta KPLUGB telah dijalankan dari Oktober hingga November 2012 oleh kumpulan penyelidik (pensyarah IAB) semasa Program Konsultasi LINUS. Di samping itu, penyelidik juga membuat semakan dokumen pengurusan LINUS di sekolah. Antara dokumen yang disemak adalah fail pengurusan LINUS, minit mesyuarat, profil murid, pelaporan program intervensi, dan dokumen penyeliaan kelas.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Semua responden yang terlibat dalam KPLUGB diminta mengisi borang soal selidik sebelum dan selepas kursus. Respon bagi setiap kumpulan dikumpulkan dan dianalisa.

Lawatan ke sekolah dijalankan semasa Program Konsultasi LINUS dan data daripada temu bual dan analisa dokumen diperoleh bagi menjawab soalan kajian tentang pelaksanaan dan isu pengurusan LINUS di sekolah.

## **Prosedur Analisis Data**

Data kuantitatif dianalisa secara deskriptif. Nilai min digunakan bagi mengukur perbezaan min pengetahuan dan kefahaman responden sebelum dan selepas mengikuti KPLUGB dengan menggunakan soal selidik pra dan soal selidik pasca.

Analisis data temu bual dijalankan berdasarkan cadangan Warden & Wong (2007) iaitu melalui empat langkah iaitu i) mengumpul data ii) mengambil nota iii) mengekod data, dan iv) *memoing* (proses merekod pemikiran dan idea penyelidikan yang timbul secara evolusi semasa proses pengumpulan data). Data yang telah diproses disisih sebelum laporan dihasilkan. Data daripada kajian yang telah direkodkan disisihkan, ditulis kembali dan disusun menurut tema dengan tujuan untuk menjawab soalan kajian. Transkrip temu bual dianalisis dan dikategorikan mengikut tema tertentu dalam amalan pengurusan LINUS di sekolah.

Data kualitatif melibatkan dua sumber iaitu maklum balas item terbuka BK09 dan temu bual berstruktur. Sebanyak 205 maklum balas BK09 telah diterima daripada responden berdasarkan lima kumpulan tema KPLUGB. Data dianalisis dan dikategorikan mengikut tema. Sesi temu bual telah dirakamkan dan ditranskripsikan secara verbatim. Transkrip temu bual telah diteliti, dianalisis, dikod dan dikategorikan untuk tujuan melihat sejauh mana perlaksanaan program LINUS di sekolah.

## **DAPATAN KAJIAN**

Fokus utama kajian adalah untuk menjawab soalan kajian berikut: (i) Apakah persepsi responden terhadap pengetahuan dan kefahaman mereka tentang pengurusan LINUS sebelum dan selepas kursus?, (ii) Apakah topik dalam sesi latihan KPLUGB yang didapati sangat bernilai untuk responden kursus?, (iii) Apakah isu yang dihadapi oleh para responden yang telah menghadiri KPLUGB?, dan (iv) Sejauh manakah pelaksanaan program LINUS berjaya dilaksanakan selepas pentadbir sekolah menghadiri KPLUGB anjuran IAB?

### **Profil Responden**

Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 87 responden telah mengikuti KPLUGB. Daripada jumlah tersebut, 32 responden adalah dari negeri Selangor (36.78%), 30 responden dari negeri Sabah (34.48%) dan 25 responden dari negeri Perak (28.73%).

**Jadual 4: Bilangan Responden KPLUGB 2012  
Mengikut Negeri**

<b>Negeri</b>	<b>Bil. Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
Selangor	32	36.78
Sabah	30	34.48
Perak	25	28.73
<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>100</b>

Jadual 5 menunjukkan taburan jawatan responden yang mengikuti KPLUGB. 52 responden adalah Guru Besar (59.77%), 15 responden Penolong Kanan Akademik (17.24%), 11 responden FasiLINUS (12.64%), enam responden Penolong Kanan Petang (6.90%), dua responden Penyelaras Linus (2.30%) dan satu responden Penolong Kanan HEM (1.15%).

**Jadual 5: Bilangan Responden KPLUGB Mengikut Jawatan**

<b>Jawatan</b>	<b>Bil. Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
Guru Besar	52	59.77
Penolong Kanan Akademik	15	17.24
Fasilinus	11	12.64
Penolong Kanan Petang	6	6.90
Penyelaras Linus	2	2.30
Penolong Kanan HEM	1	1.15
<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>100</b>

Jadual 6 menunjukkan sampel kajian yang terdiri daripada 87 Guru Besar dan pegawai pendidikan daripada pelbagai organisasi yang telah mengikuti KPLUGB. Jadual menunjukkan 66 (71.74%) sampel kajian adalah Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK), 14 (14.74%) Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Kurang Murid (SKM) masing-masing mencatatkan 5 (5.43%) dan 1 (1.09%). Sebanyak 6 (9.59%) sampel adalah FasiLINUS yang bertugas di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).

**Jadual 6: Bilangan Responden KPLUGB Mengikut Organisasi**

<b>Organisasi</b>	<b>Bil. Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
SK	66	71.74
SJKC	14	14.74
PPD	6	9.59
SJKT	5	5.43
SKM	1	1.09
<b>JUMLAH</b>	<b>92</b>	<b>100</b>

Jadual 7 menunjukkan taburan gred jawatan sampel yang terlibat dalam kajian. Responden kajian terdiri daripada gred DGA29 hingga DG44. Seramai 26 (28.26%) gred DGA34 dan 23 (25.00%) gred DGA32. 10 (10.87%) responden gred DGA38, manakala hanya 1 (1.09%) responden gred DGA29. Seramai 25( 27.17%) responden bergred DG41 dan 7 (7.61%) bergred DG44.

**Jadual 7: Bilangan Responden KPLUGB Mengikut Taburan Gred Jawatan**

<b>Gred Jawatan</b>	<b>Bil. Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
DG41	25	27.17
DG44	7	7.61
DGA34	26	28.26
DGA29	1	1.09
DGA32	23	25.00
DGA38	10	10.87
<b>JUMLAH</b>	<b>92</b>	<b>100</b>

## **Tahap Pengetahuan dan Kefahaman**

Peserta KPLUGB diminta memberi maklum balas terhadap soal selidik pra dan pasca Kursus. Instrumen yang digunakan terdiri daripada 14 item yang mengukur persepsi peserta sebelum dan selepas mengikuti KPLUGB. Analisis perbandingan min dilakukan bagi menentukan perbezaan penguasaan kompetensi mereka terhadap program LINUS. Jadual 8 di bawah menunjukkan perbandingan min yang diperoleh.

**Jadual 8 : Perbandingan Min Bagi Soal Selidik Pra dan Soal Selidik Pasca Mengikut Kumpulan Kompetensi**

Kumpulan Kompetensi	Soal Selidik Pra	Soal Selidik Pasca	Beza Min	Peratus (%)
A. Pengenalan Dasar NKRA LINUS	3.38	5.17	1.80	29.92
B. Konsep Literasi, Numerasi, Saringan	3.33	5.10	1.77	29.44
C. Menangani Murid Berkeperluan Khas	3.25	5.10	1.85	30.78
D. Perancangan Strategik LINUS	3.12	5.14	2.02	33.67
E. Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti	2.17	3.54	1.37	22.89

Perbandingan nilai min menunjukkan terdapat peningkatan dalam pengetahuan dan kefahaman kompetensi responden. Beza min bagi kompetensi Pengenalan Dasar NKRA-LINUS adalah sebanyak 1.80 (29.92%). Beza min bagi kompetensi Konsep Literasi, Numerasi, Saringan adalah sebanyak 1.77 (29.44%). Beza min bagi kompetensi Menangani Murid Berkeperluan Khas sebanyak 1.85 (30.78%). Beza min bagi kompetensi Perancangan Strategik Linus sebanyak 2.02 (33.67%). Manakala beza min bagi kompetensi Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti adalah sebanyak 1.37 (22.89%). Kesimpulannya, terdapat peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman responden selepas mengikuti KPLUGB.

## **Topik Sesi Latihan Yang Sangat Bernilai**

Sebanyak 205 maklum balas untuk semua kumpulan kompetensi dalam KPLUGB telah dianalisis. Maklum balas ini dianalisis dan dikategorikan mengikut subkompetensi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Seramai 87 responden telah membuat penilaian keberkesanan KPLUGB dan menjawab beberapa soalan secara online dalam borang BK09 bagi setiap topik dalam KPLUGB. Responden telah memberi maklum balas tentang aspek-aspek yang dianggap sangat bernilai dalam setiap topik KPLUGB.

Sebanyak 57 maklum balas diterima bagi topik Dasar 1Malaysia, NKRA: LINUS, 51 maklum balas bagi topik Perancangan Strategik, 36 diterima bagi topik Menangani Murid Berkeperluan Khas, 32 maklum balas bagi topik Pengurusan Instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan, serta 25 maklum balas bagi topik Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti.

**Jadual 9: Maklum Balas Responden Mengikut Topik**

Topik dan Tema	Kekerapan
<b>1. Dasar 1Malaysia, NKRA : LINUS</b> - Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman	57
<b>2. Pengurusan Instruksional : Literasi, Numerasi dan Saringan</b> - Menambah pengetahuan dan Kefahaman - Membantu dalam aspek pengurusan dan kepimpinan LINUS - Kandungan kursus sesuai	15 10 7
<b>3. Menangani Murid Berkeperluan Khas</b> - Mendedahkan ciri-ciri murid berkeperluan khas - Sangat sesuai dengan bidang tugas pengurusan LINUS - Menambah ilmu dan input terkini yang berguna untuk diaplikasikan di sekolah - Membantu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.	15 11 5 5
<b>4. Perancangan Strategik</b> - Sesuai, berguna dan membantu dalam bidang tugas - Penting/diperlukan untuk pengurusan sekolah - Sumber rujukan dan Perkongsian	24 16 11
<b>5. Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti</b> - Sesuai dengan bidang tugas/membantu pengurusan - Meningkatkan ilmu pengetahuan - Kursus ini perlu diberikan kepada semua Guru Besar	16 6 3

### **Topik dalam KPLUGB**

Dapatan kajian menunjukkan topik Pengenalan Dasar NKRA-LINUS adalah sangat diperlukan oleh peserta KPLUGB, diikuti oleh Perancangan Strategik, Menangani Murid Berkeperluan Khas, Pengurusan Instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan, Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti.

Berdasarkan temu bual dengan responden semasa Program Konsultasi LINUS, memandangkan LINUS merupakan program baru NKRA dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP), semua responden menyatakan bahawa banyak maklumat baru dan terkini tentang LINUS disampaikan kepada mereka semasa menghadiri KPLUGB anjuran IAB, terutamanya dalam topik Pengenalan Dasar NKRA-LINUS.

**a. Dasar 1Malaysia, NKRA : LINUS**

Dasar 1Malaysia, NKRA: LINUS merupakan salah satu topik dalam kandungan Kursus KPLUGB. Berdasarkan analisis maklum balas responden, sebanyak 57 maklum balas menyatakan bahawa KPLUGB dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang dasar tersebut. Responden menyatakan bahawa isi kandungan kursus dapat memberi kefahaman dan menjelaskan kepentingan program LINUS. Maklumat yang diperoleh semasa kursus sangat berguna untuk guru besar bagi membantu mereka melaksanakan pengurusan LINUS secara cekap dan berkesan di sekolah.

**b. Pengurusan Instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan**

Bagi kumpulan kompetensi Pengurusan Instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan, sebanyak 32 maklum balas telah diterima daripada responden. Berdasarkan maklum balas tersebut, 15 responden menyatakan bahawa topik ini telah berjaya mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang pengurusan pelaksanaan dan saringan LINUS sementara 10 responden yang lain menyatakan bahawa topik ini berupaya memperkasa pengurusan dan kepimpinan LINUS di sekolah. Tujuh responden pula menyatakan bahawa kandungan topik ini sesuai untuk mereka.

Responden menyatakan bahawa topik ini sangat berguna untuk pengurusan LINUS dan membantu guru besar memahami pengurusan saringan literasi dan numerasi di sekolah. Responden juga menyatakan bahawa KPLUGB banyak memberikan idea baru kepada mereka melalui aktiviti percambahan idea.

**c. Menangani Murid Berkeperluan Khas**

Sebanyak 36 maklum balas dianalisis untuk kompetensi Menangani Murid Berkeperluan Khas. Daripada jumlah ini, 15 maklum balas menyatakan bahawa topik ini telah memberi pendedahan tentang ciri-ciri murid berkeperluan khas, 11 maklum balas menyatakan bahawa topik ini sangat sesuai dengan bidang tugas guru besar dalam pengurusan murid berkeperluan khas, sementara lima maklum balas menyatakan bahawa topik ini meningkatkan ilmu serta memberikan input terkini. Selain itu, lima maklum balas berpendapat bahawa sesi latihan ini membantu guru-guru melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran murid berkeperluan khas dalam kelas. Responden menyatakan bahawa latihan ini membantu mereka mengenal pasti murid berkeperluan khas, memahami masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid dan memberikan cadangan untuk membantu mereka.

#### **d. Perancangan Strategik**

Melalui pelaksanaan KPLUGB, 51 maklum balas diterima tentang kompetensi Perancangan Strategik. Daripada bilangan maklum balas ini, 24 maklum balas menyatakan bahawa topik Perancangan Strategik adalah sesuai, berguna dan membantu guru besar dalam pengurusan LINUS. Responden menyatakan bahawa isi kandungan topik ini menyeluruh dan dapat meningkatkan pemahaman untuk mengaplikasikan data *driven decision making* dalam pengurusan LINUS.

Sebanyak 16 maklum balas menyatakan bahawa topik ini penting dan diperlukan dalam pengurusan LINUS. Responden melaporkan bahawa topik ini membantu memantapkan sistem pengurusan LINUS di sekolah. Kaedah membuat interpretasi data murid untuk pengurusan LINUS juga membantu meningkatkan kecekapan pengurusan LINUS. Selain itu, 11 maklum balas menyatakan bahawa sesi latihan ini amat membantu melalui perkongsian contoh dan maklumat amalan terbaik di sekolah.

#### **e. Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti**

Untuk kompetensi Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti, sebanyak 25 maklum balas telah diterima. Sebanyak 16 maklum balas menyatakan bahawa topik ini sesuai dengan bidang tugas Guru Besar dan membantu pengurusan LINUS. Enam maklum balas melaporkan bahawa topik ini meningkatkan ilmu pengetahuan responden sementara tiga maklum balas menyatakan bahawa kursus ini perlu diberikan kepada semua guru besar. Responden telah menegaskan bahawa topik ini sangat penting untuk keperluan tugas mereka sebagai pemimpin sekolah. Malah seorang responden menyatakan bahawa sesi ini menüpukan semangat mereka untuk menangani masalah LINUS di sekolah.

Dapatkan menunjukkan bahawa responden yang menjawab soalan tersebut berpendapat bahawa kandungan dan topik dalam KPLUGB telah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang dasar NKRA LINUS serta kepentingan dasar tersebut. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa topik-topik dan kandungan KPLUGB telah membantu guru besar memantapkan pengurusan LINUS khususnya pengurusan saringan literasi dan numerasi di sekolah, pengurusan murid berkeperluan khas, perancangan strategik untuk menyelesaikan masalah dan pengurusan komuniti. Hal ini menunjukkan bahawa kandungan KPLUGB adalah relevan dan penting kepada guru besar. Responden KPLUGB mendapati kursus ini dapat memberikan idea dan pendekatan baru untuk menangani isu-isu pengurusan LINUS di sekolah dan merupakan wadah terbaik untuk percambahan dan perkongsian idea.

#### **Program Dan Isu Pelaksanaan Linus Di Sekolah**

Sekolah telah melaksanakan berbagai-bagai program dan intervensi bagi mengatasi isu dan meningkatkan pencapaian LINUS di sekolah. Program intervensi yang dikenal pasti semasa pelaksanaan Program Konsultansi LINUS 2012 telah diadakan di tiga buah negeri.

## **Program LINUS di Sekolah**

Program Konsultasi LINUS 2012 di 57 buah sekolah di negeri Selangor, Perak dan Sabah ditunjukkan seperti dalam Jadual 10. Sebanyak 81 maklum balas telah diperoleh dan dikategorikan mengikut lima tema iaitu kepelbagaian strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) luar bilik darjah, kolaborasi sekolah dan komuniti, bimbingan dan motivasi, kepelbagaian strategi PdP dalam bilik darjah dan lain-lain.

**Jadual 10: Pelaksanaan Program LINUS di Sekolah**

<b>BIL PERKARA/PROGRAM</b>	<b>RESPON (% RESPON) n=81</b>
1. <b>Kepelbagaian Strategi Pdp Luar Bilik Darjah</b> - Program Bacaan Pagi - Pembelajaran di pondok LINUS - Guru mengajar murid secara sukarela di rumah - Program Sinar Pagi (murid baca kad dan dipantau oleh guru) - Program Guru Muda - Program Sekolahku Rumahku - Program Lingkaran Ilmu - Stesen LINUS - Kerjasama semua guru mengajar LINUS	28 (34.6)
2. <b>Kolaborasi Sekolah Dan Komuniti</b> - Program Anak Angkat - Program Bimbining Ibu Bapa - Sokongan PIBG dan komuniti setempat - Pemantauan ibu bapa terhadap pembelajaran anak - Taklimat LINUS kepada ibu bapa	21 (25.9)
3. <b>Bimbining Dan Motivasi</b> - Program Mentor Mentee - Program Rakan Pembimbining - Memberi penghargaan kepada murid dan guru - Semua guru memberi bimbining dan motivasi kepada murid LINUS pada waktu senggang guru	16 (19.8)
4. <b>Kepelbagaian strategi pdp dalam bilik darjah</b> - Mewujudkan bilik LINUS - Kaedah PdP yang berkesan - Latih tubi dan bengkel - Menyediakan modul khas untuk murid LINUS	15 (18.5)
5. <b>Lain-Lain</b> - Penekanan Literasi dan Numerasi sejak prasekolah lagi	1 (1.2)

Didapati sekolah paling banyak melaksanakan strategi dan program PdP di luar bilik darjah bagi menyokong murid menguasai LINUS. Antara program yang dijalankan oleh sekolah ialah:

- Program Bacaan Pagi
- Pembelajaran di pondok LINUS
- Guru mengajar murid secara sukarela di rumah
- Program Sinar Pagi (murid baca kad guru pantau)
- Program Guru Muda
- Program Sekolahku Rumahku
- Program Lingkaran Ilmu
- Stesen LINUS
- Kerjasama semua guru mengajar LINUS

Sesetengah program adalah secara berkolaboratif dengan komuniti setempat seperti melalui program seperti program anak angkat, bimbingan ibu bapa, Program PIBG dan pemantauan. Sementara itu, kepelbagaiannya strategi dalam bilik darjah semasa PdP masih rendah dan perlu ditingkatkan.

### **Isu Pelaksanaan Program LINUS**

Isu pelaksanaan LINUS di sekolah dikenal pasti melalui analisis dokumen pengurusan LINUS di sekolah dan protokol temu bual berstruktur yang dikendalikan oleh pensyarah IAB semasa lawatan Program Konsultasi LINUS 2012 di 87 buah sekolah terpilih di negeri Selangor, Perak dan Sabah. Lawatan Program Konsultasi LINUS ini dilaksanakan di sekolah yang guru besarnya telah menghadiri kursus KPLUGB anjuran IAB.

Sebanyak 96 maklum balas berkenaan isu pelaksanaan LINUS di sekolah telah dianalisis dan dikategorikan mengikut lima tema utama iaitu pengurusan, guru, murid, ibu bapa/komuniti dan prasarana lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

### Jadual 11: Isu Pelaksanaan LINUS di Sekolah

BIL	PERKARA/ISU
1.	<b>Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Tidak menghadiri prasekolah</li><li>- Tidak hadir sekolah</li><li>- Murid lemah (<i>slow learner</i>)</li><li>- Murid kurang zat makanan</li></ul>
2.	<b>Ibu Bapa/Komuniti</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Kurang komitmen ibu bapa</li><li>- Tahap sosio ekonomi keluarga rendah</li><li>- Ibu bapa warga asing</li><li>- Tidak mengakui kelemahan anak</li><li>- Kurang kesedaran ibu bapa</li></ul>
3.	<b>Pengurusan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pengurusan fail yang tidak lengkap</li><li>- Pengurusan kurang peka kepada kebajikan murid</li><li>- Perancangan Strategik tidak dilaksanakan</li><li>- Tiada rekod pemantauan PdP</li></ul>
4.	<b>Guru</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Guru bukan opsyen</li><li>- Guru tidak terlatih</li><li>- Guru tidak komited</li><li>- Guru kerap bertugas di luar</li><li>- Guru pemulihan khas tidak mencukupi</li></ul>
5.	<b>Isu Lain</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Kurang bekalan alat tulis</li><li>- Bahan bantu mengajar tidak mencukupi</li><li>- Prasarana sekolah yang kurang lengkap</li><li>- Perselitan yang tidak kondusif</li></ul>

Jadual 11 menunjukkan bahawa isu pelaksanaan LINUS di sekolah yang paling banyak dibangkitkan adalah isu berkaitan dengan murid. Guru Besar menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah murid tidak menghadiri prasekolah, murid tidak hadir ke sekolah, murid lemah dalam pelajaran (*slow learner*) dan mudah lupa, dan murid kurang zat makanan.

Murid tidak menghadiri prasekolah didapati lambat menguasai LINUS. Seorang guru besar menegaskan isu ini:

*“Ada yang tak masuk pra. Macam sekolah kami macam sekolah pemulihan. Murid daftar masuk lewat, tegar atau dalam kumpulan linus. Ada yang tidak melalui pra. Ada yang daftar di pra tapi tidak hadir.”*

Isu murid sukar menguasai LINUS kerana mudah lupa pelajaran juga ditimbulkan dalam kajian ini. Ini ketara dengan pernyataan seorang guru besar, “*Majoriti pelajar sini Bajau. Yang asli. Yang campuran itu pendatang. Masalah sini, kita sudah ajar. Cuti saja dua hari dia pun lupa.*”

Murid juga lambat menguasai LINUS kerana lewat mendaftar sekolah. Ini dinyatakan oleh seorang Guru Besar, “*Ada yang terus masuk Tahun 3. Hasil pemutihan. Mereka menetap sini, tidak tahu menguruskan surat beranak. Buat perakuan dan daftar.*”

Isu kedua yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan ibu bapa/komuniti iaitu kurang komitmen ibu bapa, tahap sosioekonomi keluarga yang rendah, ibu bapa terdiri daripada warga asing, ibu bapa tidak mengakui kelembahan anak dan kurangnya kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan.

Ibu bapa kurang komitmen terhadap pelajaran anak dan desakan tahap sosioekonomi yang rendah dikatakan salah satu isu utama yang dihadapi oleh sekolah. Seorang guru besar menyatakan bahawa ibu bapa merantau keluar bekerja di luar dan menyerahkan tanggungjawab mendidik anak kepada nenek di kampung.

“*Ibu bapa pula kerja tempat jauh.*”

Apabila diminta mengulas lagi, guru besar menyatakan bahawa ada murid yang tidak hadir ke sekolah dan nenek yang menjadi penjaga pula buta huruf.

“*Ramai budak sini bukan dengan ibu bapa yang menjaga. Tapi dengan nenek. Maklumat yang kami dapat, nenek. Nenek sini, banyak yang buta huruf.*”

Guru Besar juga menerangkan bahawa penjaga kurang memberi perhatian kepada pelajaran anak dan dibiarkan tidak hadir ke sekolah.

“*Kita ada program. Masuk kampung ini. Kalau tidak hadir berturut-turut tiga hari, kita dapatkan laporan daripada guru kelas. Kita datang tengok. Bawa sedikit ole-ole. Maksudnya kita nak berinteraksi dengan ibu bapa ... nenek-nenek. Jadi di situ kita nampak, bukan ibu bapa. Kalau nenek turun laut...itulah budak tinggal di rumah.*”

Isu Pengurusan juga dikenal pasti sebagai isu yang dihadapi oleh sekolah. Analisis dokumen dan temu bual menunjukkan bahawa masih ada sekolah yang tidak mempunyai pengurusan fail yang lengkap, dan kurang peka terhadap kebajikan murid. Terdapat sekolah yang tidak mempunyai perancangan strategik LINUS dan tiada rekod yang menunjukkan bahawa pemantauan PdP LINUS dijalankan oleh pengurusan sekolah.

Isu Guru juga dihadapi oleh sekolah iaitu guru bukan opsyen Bahasa Malaysia dan Matematik mengajar kelas LINUS. Guru Besar juga menyatakan bahawa ada guru yang tidak komited terhadap program LINUS dan ada guru kelas LINUS yang kerap terlibat dalam tugas di luar sekolah.

Selain daripada isu-isu murid, ibu bapa dan komuniti, pengurusan dan guru, dapatkan kajian juga mendapati sekolah juga menghadapi isu lain seperti kekurangan bekalan alat tulis dan bantu mengajar yang sesuai. Responden juga menyatakan bahawa prasarana sekolah kurang lengkap dan persekitaran sekolah kurang kondusif.

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan menentukan keberkesanan KPLUGB yang dilaksanakan oleh IAB dalam tahun 2012. Kajian ini telah mengenal pasti perlaksanaan pengurusan LINUS di sekolah. Maklum balas terhadap semua instrumen kajian dianalisis bagi menjawab empat soalan kajian yang berikut:

- (i) Apakah tahap pengetahuan dan kefahaman pengurusan LINUS sebelum dan selepas berkursus dalam kalangan pentadbir sekolah?
- (ii) Apakah topik dalam sesi latihan KPLUGB yang didapati sangat bernilai untuk pentadbir sekolah?
- (iii) Apakah isu yang dihadapi oleh pentadbir sekolah yang telah menghadiri KPLUGB?
- (iv) Apakah program LINUS yang telah dilaksanakan selepas pentadbir sekolah menghadiri KPLUGB anjuran IAB?

Bagi menjawab soalan pertama kajian, soal selidik pra dan pasca kursus menentukan tahap pengetahuan dan kefahaman pengurusan LINUS sebelum dan selepas berkursus dalam kalangan pentadbir sekolah telah dijalankan kepada 87 orang responden yang terdiri daripada peserta KPLUGB.

Bagi menjawab soalan kedua kajian, topik dalam sesi latihan KPLUGB yang didapati sangat bernilai kepada responden kursus ialah topik Dasar 1Malaysia,NKRA:LINUS, diikuti oleh topik pengurusan instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan, Perancangan Strategik, Menangani Murid Berkeperluan Khas, , Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti. Data ini diperoleh secara *online* melalui borang BK 09.

Bagi menjawab soalan ketiga berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh pentadbir sekolah setelah menghadiri KPLUGB, kajian mendapati terdapat lima tema iaitu pengurusan,guru, murid, ibu bapa/komuniti dan prasarana lain. Tema ini timbul berdasarkan temu bual berstruktur yang dijalankan terhadap 20 orang peserta KPLUGB semasa Program Konsultasi LINUS ini dilaksanakan.

Bagi menjawab soalan keempat berkaitan dengan program LINUS yang dijalankan selepas mereka menghadiri kursus ini, kajian ini mendapat terdapat lima tema yang dikenal pasti iaitu program kepelbagaian strategi PdP luar bilik darjah, program kolaboratif sekolah dan komuniti, bimbingan dan motivasi, kepelbagaian strategi PdP dalam bilik darjah dan lain-ain program.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapat KPLUGB berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah tentang pengurusan LINUS di sekolah. Terdapat peningkatan min dalam pengetahuan dan kefahaman kompetensi responden. Min bagi setiap topik dalam KPLUGB selepas kursus didapati meningkat berbanding dengan min sebelum kursus.

Kajian mendapat isu pelaksanaan LINUS di sekolah yang paling banyak dibangkitkan oleh responden adalah isu berkaitan dengan murid dan penglibatan ibu bapa/komuniti. Isu murid yang dinyatakan banyak melibatkan murid tidak menghadiri prasekolah, murid tidak hadir ke sekolah, murid lemah dalam pelajaran (*slow learner*) dan murid kurang zat makanan.

Isu ibu bapa/komuniti pula berkaitan dengan tiada komitmen ibu bapa, tahap sosioekonomi keluarga yang rendah, ibu bapa terdiri daripada warga asing, ibu bapa tidak mengakui kelemahan anak dan kurangnya kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan. Isu lain yang turut dikenal pasti adalah isu pengurusan, guru dan prasarana.

Dapatan daripada lima tema program LINUS yang dikenal pasti, program LINUS yang lazim dilaksanakan oleh pihak sekolah ialah program kepelbagaian strategi PdP luar bilik darjah, program kolaboratif sekolah dan komuniti, bimbingan dan motivasi, kepelbagaian strategi PdP dalam bilik darjah dan program-program lain.

Daripada temu bual berstruktur yang dijalankan semasa program konsultasi LINUS juga didapati program LINUS yang dilaksanakan telah membantu guru besar dalam membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan pengurusan program LINUS di sekolah. Ramai responden berpendapat KPLUGB ini sangat berguna kepada mereka kerana sebelum menghadiri kursus mereka tiada atau hanya mempunyai sedikit maklumat tentang program LINUS.

Mereka juga berpendapat KPLUGB diteruskan supaya dapat memberi maklumat atau perkembangan terkini tentang LINUS NKRA kepada pemimpin sekolah dalam menguruskan pelaksanaan program LINUS di sekolah masing-masing.

KPLUGB didapati berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah tentang pengurusan LINUS di sekolah. Topik Pengenalan Dasar NKRA-LINUS adalah sangat diperlukan oleh peserta KPLUGB, diikuti oleh Perancangan Strategik, Menangani Murid Berkeperluan Khas, Pengurusan Instruksional: Literasi, Numerasi dan Saringan, Kepimpinan Instruksional dan Penglibatan Komuniti.

Isu pelaksanaan LINUS di sekolah adalah isu murid dan penglibatan ibu bapa/komuniti. Isu lain yang turut dikenal pasti adalah isu pengurusan, guru dan prasarana. Bagi menangani isu-isu tersebut, pihak sekolah telah melaksanakan program kepelbagaian strategi PdP luar bilik darjah, program kolaboratif sekolah dan komuniti, bimbingan dan motivasi, serta kepelbagaian strategi PdP dalam bilik darjah. Temu bual berstruktur yang dijalankan semasa program konsultasi LINUS menyokong dapatkan kajian di atas dalam membuat penambahbaikan dalam pengurusan program LINUS di sekolah.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

### **Implikasi Terhadap Pemimpin Sekolah**

Pada keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan KPLUGB telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah mengenai pengurusan LINUS di sekolah. Pengetahuan dan kemahiran ini membolehkan aktiviti pengurusan LINUS dapat diuruskan secara lebih berkesan di sekolah. Usaha ini membolehkan pemimpin sekolah menyelesaikan isu-isu pengurusan dan kepimpinan LINUS secara profesional.

Semua pemimpin sekolah perlu mengambil peluang mengikuti KPLUGB bagi meningkatkan profesionalisme mereka dalam mengurus LINUS di sekolah secara lebih berkesan. Pelaksanaan pengurusan LINUS yang berkesan secara berterusan akan membentuk budaya kerja positif yang memberi impak terhadap pencapaian murid dalam literasi dan numerasi.

Syor daripada Laporan Program Konsultasi LINUS (2011) juga menyatakan bahawa Guru Besar di sekolah yang mempunyai murid LINUS yang ramai wajib menghadiri Kursus Pengurusan LINUS supaya mereka dapat memantapkan pengurusan LINUS di sekolah masing-masing.

Program Konsultasi Pengurusan LINUS oleh pensyarah IAB untuk Guru Besar yang telah menghadiri Kursus Pengurusan LINUS hendaklah diteruskan supaya mereka boleh diberi bimbingan dan khidmat nasihat.

KPM perlu mengambil tindakan segera terhadap isu-isu yang timbul seperti kekurangan guru opsyen, kekurangan guru pemulihan,

### **Implikasi Terhadap Institut Aminuddin Bakri**

Dapatkan menunjukkan terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak IAB sebagai Bahagian di KPM yang bertanggungjawab menyediakan latihan kepada pemimpin sekolah. Kualiti latihan dalam KPLUGB boleh ditingkatkan melalui penambahbaikan berikut:

- (i) Memperuntukkan masa yang sesuai bagi aktiviti perbincangan, bengkel dan pembentangan.
- (ii) Meningkatkan kualiti kemahiran dan pengetahuan pensyarah dalam bidang yang diajar.

#### **Cadangan:**

- (i) Memantapkan penyampaian latihan KPLUGB dengan memberi fokus kepada penyelesaian isu-isu di sekolah seperti isu murid, ibu bapa dan guru.
- (ii) KPLUGB menekankan aspek pembangunan profesionalisme guru-guru untuk menangani isu guru bukan opsyen, guru tidak terlatih dan guru tidak komited.
- (iii) KPLUGB menerapkan Sarana Ibu Bapa untuk membina kesedaran komuniti tentang program LINUS di samping mewujudkan jalinan dengan pihak ibu bapa untuk membantu pembelajaran anak.
- (iv) KPLUGB memberi penekanan kepada pengurusan sekolah untuk merancang, melaksana, memantau dan melapor semua program LINUS di sekolah. Selaras dengan ini, pengurusan fail dan rekod LINUS dikemas kini.
- (v) Menyediakan bahan bantu kuliah yang sesuai bagi membantu kefahaman peserta seperti nota kajian yang lepas.
- (vi) Meluaskan sasaran kursus kepada guru-guru penolong kanan dan guru kanan mata pelajaran.

Kajian juga mendapati walaupun pengurusan LINUS dilaksanakan di sekolah, bidang kajian adalah terhad kepada bidang pengurusan tertentu sahaja seperti bidang pengurusan Instruksional dan perancangan strategik. Pihak IAB perlu mengambil langkah supaya pemimpin sekolah melaksanakan pengurusan LINUS berdasarkan Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) atau Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2010. Kajian ini hanya menfokuskan kepada usaha menentukan keberkesanannya KPLUGB bagi pemimpin sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan kursus ini telah meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka.

#### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Kajian lanjutan boleh dilakukan bagi meneroka secara lebih mendalam isu-isu berkaitan amalan dan pelaksanaan LINUS di sekolah. Berikut adalah beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan:

- (i) Melibatkan ibu bapa dan murid dalam kajian pengurusan LINUS di sekolah.
- (ii) Melibatkan FasiLINUS dalam kajian pengurusan LINUS di sekolah.
- (iii) Kajian ini lebih menekankan kepada dapatan data dari soal-selidik tentang kefahaman dan kemahiran pemimpin sekolah. Kajian yang lebih mendalam perlu dilaksanakan melibatkan lebih ramai pemimpin sekolah atau penolong kanan ditemu bual bagi

- mendapat maklumat tentang sejauh mana pemimpin bertindak sebagai penyelaras atau fasilitator di sekolah. Bagi meninjau matlamat ini, pengkaji boleh menganalisis dokumen dan membuat pemerhatian terhadap aktiviti pelaksanaan LINUS di sekolah.
- (iv) Kajian tambahan boleh dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara lebih mendalam tentang proses bagaimana pemimpin sekolah melaksanakan pengurusan LINUS di sekolah.

Dapatan daripada kajian-kajian yang dicadangkan seperti di atas akan memberikan maklumat bermakna kepada Jabatan Asas Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan dan pihak pengurusan IAB dalam usaha berterusan IAB untuk memenuhi kehendak pelanggannya.

Kajian keberkesanan KPLUGB telah memberi input berkenaan keberkesanan tahap pengetahuan dan kemahiran semasa sesi latihan kepada pihak pelaksana kursus iaitu Jabatan Asas Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi titik tolak terhadap penambahbaikan kursus secara berterusan dan tindakan susulan pada masa akan datang dalam usaha melatih golongan pentadbir menjayakan Program LINUS-NKRA.

## RUJUKAN

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (2008) *Buku Manual Kajian Tindakan*. Edisi Ketiga
- Carl, W. & Kemmis, S. (1986). *Becoming critical education, knowledge and action research*. London: Falmer Press.
- Cohen, L; Manion, L and Morrison, K (2008) *Research Methods in Education*. Routledge: London
- Ferrance, E (2000) *Action Research*, Northeast and Islands Regional Educational Laboratory At Brown University (Diakses dari Web: [www.lab.brown.edu](http://www.lab.brown.edu) pada 7 Julai 2011)
- Hoy, W.K & Miskel. (2001). *Educational administration: competencies for analysis and application*. Ed. Ke 6. New Jersey: Prentice Hall. Inc
- Program evaluation* diakses pada 6 Julai 2011. [http://en.wikipedia.org/wiki/Program\\_evaluation](http://en.wikipedia.org/wiki/Program_evaluation)

## **KEBERKESANAN LATIHAN JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI DALAM PELAKSANAAN DASAR MBMMBI DI SEKOLAH**

Mat Zizi bin Ismail  
Yong Chee Ken  
Daud bin Naim  
Tai Mei Kin  
Sarina binti Salim  
Zuriah binti Mad Ali  
Fadzilah binti Abdullah  
Faridah binti Mohamed  
Netty Yushani binti Yusof  
Mislinah binti Makin  
Norhayati binti Aziz @ Esa  
Karpanan a/l Manikam  
Chin Choon Tow  
Thanabal a/l M. Palanisamy  
Sapinah binti Zakaria

**Jabatan Bahasa dan Komunikasi Pendidikan  
Pusat Kepimpinan, Komunikasi dan Pengurusan Pejabat**

### **Abstrak**

*Kajian ini melihat sejauh mana pemimpin sekolah mengaplikasikan input kursus bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) daripada Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) diaplikasikan dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Kaedah campuran telah digunakan dalam kajian ini. Satu tinjauan yang melibatkan 294 pemimpin sekolah dari lima (5) negeri telah dilaksanakan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual yang melibatkan sepuluh pemimpin sekolah dan kaedah pemerhatian berdasarkan senarai semak. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa kursus BM IAB dapat membantu pemimpin sekolah dalam memantapkan bahasa Malaysia sebagai a) alat perpaduan, b) bahasa perhubungan utama dan c) bahasa ilmu dalam kalangan warga sekolah dan didapati kursus BI JBK dapat membantu pemimpin sekolah dalam a) mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris di sekolah, b) meningkatkan keyakinan diri murid menggunakan bahasa Inggeris, c) menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dengan baik, d) menggalakkan murid berkomunikasi secara bertulis dengan baik, dan e) membolehkan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk memenuhi*

*hubungan sosial. Kursus-kursus BM dan BI yang dijalankan oleh JBK di IAB berkesan dalam membantu pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Kursus-kursus tersebut telah berjaya meningkatkan kesedaran dan mengubah tingkah laku pemimpin sekolah menuju ke arah penambahbaikan sekolah.*

*Kata kunci: Dasar MBMMBI, pemimpin sekolah, program latihan*

## PENGENALAN

Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010 bagi menggantikan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang telah dimansuhkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 (SPI Bil. 12/2011). Pelaksanaan dasar ini telah menjadikan murid Tahun Satu Sekolah Kebangsaan mengikuti mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia manakala murid Tahun Satu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam bahasa ibunda masing-masing.

Dasar Memperkuuh Bahasa Inggeris pula dilaksanakan kerana bahasa ini merupakan bahasa komunikasi yang perlu dikuasai oleh generasi muda Malaysia bagi mempersiapkan diri mereka untuk bersaing di peringkat nasional dan global. Mohd Solihin Badri (2011) menyatakan bahawa usaha memartabatkan Bahasa Malaysia dilaksanakan menerusi beberapa langkah di sekolah seperti:

- (i) Melalui penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran PdP Sains dan Matematik.
- (ii) Menambah masa PdP mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJK sebanyak 90 minit menjadikannya 300 minit bagi Tahap Satu (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3), manakala bagi Tahap Dua (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) masanya ditambah 90 minit menjadikannya 240 minit.
- (iii) Penambahbaikan dalam kurikulum sekolah dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang meliputi kaedah pengukuhan dan penguasaan atas kemahiran berbahasa melalui pendekatan modular bersepadau, seimbang dan holistik menerusi PdP.
- (iv) Menyediakan guru Bahasa Malaysia mencukupi dan berkualiti.
- (v) Memperluas penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam PdP khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Penguasaan Bahasa Inggeris (BI) pula diperkuuh dengan menambah masa bagi PdP BI sebanyak 90 minit menjadikan jumlahnya 330 minit di Sekolah Kebangsaan (SK) dan juga tambahan 90 minit menjadikan 150 minit di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) bagi Tahap Satu. Bagi Tahap Dua pula, tambahan masa sebanyak 90 minit menjadikan 300 minit di SK dan tambahan 60 minit menjadikan 150 minit di SJK.

Dalam menyokong usaha pelaksanaan Dasar MBMMBI, Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK), Institut Aminuddin Baki (IAB) telah mengorak langkah dengan menawarkan kursus-kursus yang mampu menjana keberkesanan pelaksanaan dasar ini di sekolah. JBK menerusi Unit Bahasa Malaysia telah menawarkan kursus-kursus yang mampu menyokong Dasar MBMMBI seperti Kursus Pengucapan Awam, Kursus Komunikasi Berkesan, Kursus Penulisan Surat dan Memo Berkualiti dan Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti. Unit Bahasa Inggeris pula telah menawarkan kursus-kursus seperti *Management of English Language in Schools*, *Effective Communication*, *Professional Reading and Writing* dan *Public Speaking*. Dengan mengikuti kursus-kursus ini, diharapkan para pemimpin sekolah lebih sedar akan kepentingan pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah dan seterusnya dapat menggunakan input kursus BM dan BI dalam merealisasikan dasar tersebut di sekolah. Perkara ini akan membantu mencapai matlamat Dasar MBMMBI bagi melahirkan murid yang fasih dan yakin menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam komunikasi mereka.

### **Pernyataan Masalah**

Dasar Memartabatkan BM bermaksud meletakkan BM pada kedudukan yang sepatutnya sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlumbagaan Malaysia. BM juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1986. Dasar Memperkuuh BI bermaksud memantapkan penguasaan BI sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam pelaksanaan dasar ini, JBK telah memainkan peranan dengan memberi latihan BM dan BI kepada para pemimpin sekolah menerusi kursus-kursus yang telah dilaksanakan, tetapi pihak JBK tidak pasti sejauh mana input tersebut telah diaplikasikan dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Justeru, penyelidikan ini diharapkan dapat mengenal pasti sejauh mana input yang telah disampaikan semasa kursus BM dan BI di JBK diaplikasikan dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mencapai objektif yang berikut: di SK dan tambahan 60 minit menjadikan 150 minit di SJK.

- (a) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam pengaplikasian input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BM dan BI daripada JBK IAB;
- (b) Mengesan sejauh mana input latihan BM dan BI JBK sesuai dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI; dan
- (c) Mengenal pasti sejauh mana Dasar MBMMBI dilaksanakan di sekolah.


## **Soalan Kajian**

Soalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam pengaplikasian input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BM dan BI daripada JBK IAB?
- (b) Sejauh manakah input latihan BM dan BI JBK sesuai dalam pencapaian matlamat Dasar MBMMBI?
- (c) Sejauh manakah Dasar MBMMBI dilaksanakan di sekolah?

## **Kerangka Kajian**

Kajian ini menggunakan model asas Stufflebeam (2000) yang diringkaskan. Beliau mencadangkan agar penilaian program dilihat melalui input, proses dan output. Input program ini terdiri daripada kandungan kursus yang termaktub dalam Rancangan Sesi Latihan (RSL) dan Nota Sesi Latihan (NSL). Kuliah, bengkel, latih amal, perbincangan, pembentangan pula dijalankan semasa proses pelaksanaan kursus. Pada peringkat output pula, apa yang ingin dilihat adalah perubahan pengetahuan, kemahiran dan sikap responden. Kerangka kajian ini ditunjukkan seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Model Keberkesanan Kursus JBK Terhadap Pelaksanaan Dasar MBMMBI

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana dapat membekalkan maklumat tentang keberkesanan latihan yang disampaikan oleh JBK khususnya kursus BM dan kursus BI. Kajian ini dapat mengenal pasti tahap pelaksanaan input latihan di peringkat sekolah khasnya dalam pelaksanaan dasar MBMMBI. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai refleksi kursus-kursus yang ditawarkan oleh JBK dan sebagai input untuk penambahbaikan kursus-kursus BM dan BI yang ditawarkan oleh JBK.

## **Batasan Kajian**

Responden kajian ini terdiri daripada 250 orang pengetua dan guru besar yang telah menghadiri kursus BM dan kursus BI anjuran JBK mulai Jun 2011 hingga Jun 2012. Responden kajian berkhidmat di negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya), Negeri Sembilan dan Pahang.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Kepimpinan sekolah merupakan unsur yang amat penting dalam kejayaan sesebuah sekolah. Kepentingan kepimpinan sekolah terhadap keberkesanan dan penambahbaikan sekolah telah menjadi subjek mustahak dalam kajian di kebanyakan negara. Sistem pendidikan di negara yang berlainan mengalami pelbagai perubahan dari semasa ke semasa serta menekankan kepentingan kepimpinan untuk keberkesanan dan penambahbaikan sekolah (Naseer, 2010). Para pengkaji dan pelaksana di arena antarabangsa tidak berhenti-henti menonjolkan kepentingan kepimpinan sekolah dalam penambahbaikan sekolah (Gurr et al., 2005; Hargreaves et al., 1998; West et al., 2000). Pelbagai kajian juga menunjukkan pengaruh yang dibawa oleh kepimpinan sekolah terhadap komitmen dan motivasi guru (Day et al., 2006). Selain itu, kualiti kepimpinan sekolah turut berkorelasi secara positif dengan pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah (Hopkins, 2001; Sammons, 1999).

Selain keberkesanan dan penambahbaikan sekolah, kepimpinan sekolah juga mempunyai kaitan yang amat rapat dengan prestasi murid. Kajian menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi murid (Bishop, 2004; Leithwood et al., 2006). Pemimpin sekolah juga didapati memainkan peranan utama dalam mewujudkan sesuatu budaya yang merangsang para guru secara profesional bagi membawa perubahan terhadap pembelajaran murid (Ainley et al., 2005).

Menurut Hill et al. (1999), pembangunan kepimpinan merupakan isu utama dalam membawa reformasi pendidikan dan penambahbaikan sekolah. Pemimpin sekolah perlu mewujudkan keadaan yang mendatangkan proses aktif dalam penambahbaikan sekolah yang berterusan. Untuk memenuhi keperluan ini, pemimpin sekolah perlu belajar untuk menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran secara profesional. Spillane dan rakan-rakan (2009) pula menegaskan bahawa melalui pembelajaranlah guru dan pemimpin sekolah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka mengamalkannya dalam cara yang baru atau cara yang ditambah baik. Dengan ini adalah diharapkan bahawa mereka memajukan pembelajaran murid. Spillane dan rakan-rakan (2009) juga mengkaji peluang pembelajaran bagi para pemimpin sekolah dari segi pembangunan profesional dalam kurikulum dan pengajaran, penilaian, pembangunan organisasi, dan komuniti sekolah.

Leithwood, Harris dan Hopkins (2008) pernah meninjau literatur antarabangsa secara ekstensif lalu menghasilkan tujuh pernyataan tentang pemimpin sekolah. Pernyataan-pernyataan itu adalah seperti yang berikut:

1. Kepimpinan sekolah menduduki tempat kedua selepas pengajaran bilik darjah sebagai satu pengaruh terhadap pembelajaran murid.
2. Hampir ke semua pemimpin yang berjaya mempraktikkan amalan-amalan kepimpinan asas yang sama.
3. Cara-cara pemimpin ini mengaplikasikan amalan kepimpinan asas ini menunjukkan ketindakbalasan mereka terhadap konteks kerja yang dialami mereka.
4. Pemimpin sekolah meningkatkan pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung, dan secara paling berpengaruh terhadap motivasi staf, komitmen dan keadaan kerja.
5. Kepimpinan sekolah mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap sekolah dan murid jika disebarluaskan secara meluas.
6. Sesetengah pola penyebaran (*patterns of distribution*) adalah lebih berkesan daripada yang lain.
7. Beberapa ciri personal menjelaskan satu kadar yang tinggi bagi variasi yang wujud dalam keberkesanannya kepimpinan.

Di Cyprus, satu kajian telah dilakukan terhadap pembangunan profesional dalam kalangan pemimpin sekolah oleh Michaelidou dan Pashiardis (2009). Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pemimpin sekolah, yang termasuk pemimpin dan penolong pemimpin sekolah rendah dan menengah, mempunyai tahap kepuasan yang ‘sederhana’ setelah menghadiri aktiviti latihan dalam perkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan yang terhad secara umum. Pemimpin-pemimpin ini percaya bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti latihan perkhidmatan sebenarnya tidak meningkatkan pembangunan profesional mereka. Selain itu, kajian tersebut mendapati bahawa para pemimpin sekolah lebih suka akan kaedah latihan yang tidak berpusat dan lebih praktikal.

Ke semua literatur tersebut menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah merupakan satu faktor yang signifikan dalam membawa keberkesanannya dan penambahbaikan terhadap sekolah. Sekolah yang berjaya dan berkesan mempunyai kaitan yang rapat dengan aktiviti kepimpinan berkesan yang dilaksanakan oleh pemimpin sekolah (Naseer, 2011). Oleh sebab itu, tindakan para pemimpin sekolah yang menghadiri kursus di IAB perlu dikaji, khususnya pengaplikasian input kursus dalam pelaksanaan dasar MBMMBI. Tindakan para pemimpin sekolah amat penting kerana kejayaan sesuatu dasar bergantung kepada keberkesanannya kepimpinan sekolah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Instrumen bagi kaedah kuantitatif ini ialah soal selidik yang terdiri daripada 15 item untuk BM dan 16 item untuk BI. Manakala kaedah kualitatif kajian ini menggunakan soalan temu bual berstruktur iaitu tiga (3) soalan untuk BM dan lima (5) soalan untuk BI. Senarai semak yang terdiri daripada 12 item untuk BM dan 12 item untuk BI telah disediakan lebih awal oleh penyelidik menerusi perbincangan. Senarai semak ini digunakan dalam pemerhatian pengkaji untuk mengesan unsur-unsur pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah responden.

### **Persampelan Dan Populasi**

Responden kajian terdiri daripada pengetua dan guru besar yang telah mengikuti kursus-kursus BM dan BI yang dianjurkan oleh JBK mulai Jun 2011 hingga Jun 2012. Menurut Mohd. Majid Konting (1998) persampelan merupakan strategi penyelidikan bila mana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu (sampel) yang menganggotai populasi tersebut. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji. Pemilihan responden kursus ini adalah secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Bagi penyelidikan ini, sebanyak 294 responden (lelaki dan perempuan) yang terdiri daripada 145 responden untuk BM dan 149 orang untuk BI telah dipilih. Responden terdiri daripada pengetua dan guru besar sekolah bandar dan luar bandar di negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya), Negeri Sembilan dan Pahang.

Kaedah temu bual dan pemerhatian berdasarkan senarai semak yang dilakukan terhadap 10 responden terpilih iaitu lima (5) responden lelaki dan lima (5) responden perempuan. Dua (2) responden dipilih bagi setiap negeri yang terlibat dengan kajian ini. Pengagihan responden bagi setiap negeri adalah satu (1) responden bagi kursus BM dan satu (1) responden bagi kursus BI.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Proses mengumpul data dilaksanakan melalui tiga (3) cara. Soal selidik dihantar kepada responden melalui pos. Bagi senarai semak dan temu bual, penyelidik pergi ke lokasi untuk tujuan temu bual dan menjalankan pemerhatian. Keseluruhan proses temu bual ini dirakamkan untuk digunakan bagi membuat transkripsi terhadap temu bual tersebut. Pemerhatian dilaksanakan dan penyelidik menandakan item-item pada senarai semak.

## **Proses Penganalisisan Data**

Data kuantitatif yang diperoleh menerusi soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan SPSS. Dapatan temu bual dianalisis secara manual (berdasarkan tema). Senarai semak pula dianalisis secara statistik deskriptif. Jadual di bawah memberi gambaran yang jelas tentang metodologi kajian ini.

**Jadual 3.1 Kaedah Penganalisisan**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kaedah Penganalisisan</b>
1.	Item-item kajian dalam soal selidik	Statistik Deskriptif
2.	Temu bual dengan responden terpilih (sebagai triangulasi kepada data kuantitatif)	Cara manual (berdasarkan tema)
3.	Pemerhatian – Senarai semak	Statistik Deskriptif

## **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dijalankan pada bulan Julai hingga Ogos 2012 yang melibat seramai 60 responden; 30 untuk BM dan 30 untuk BI. Kajian rintis ini dijalankan secara pos dan panggilan telefon. Selepas data kajian rintis diperoleh dan dianalisis menggunakan SPSS, penyemakan dan penambahbaikan telah dijalankan terhadap item-item instrumen sehingga menghasilkan soal selidik yang mantap.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dibincangkan dalam dua (2) bahagian iaitu dapatan kajian kursus BM dan dapatan kajian kursus BI.

### **Dapatan Kajian Kursus Bahasa Malaysia**

Dapatan kajian Kursus BM dibincangkan dalam lima bahagian iaitu a) demografi responden, b) dapatan kajian soal selidik, c) dapatan kajian temu bual, dan d) dapatan kajian berdasarkan pemerhatian (senarai semak) yang dipaparkan seperti yang berikut:

#### **a) Demografi Responden**

Terdapat lapan (8) jenis sekolah yang berbeza terlibat dalam kajian ini. Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan (39.2%), Sekolah Kebangsaan (34.5%), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (14.5%) membentuk 88.2% (128 buah) daripadanya. Kebanyakan sekolah yang terlibat dalam kajian ini terletak di luar bandar (63.5%) dan bandar (24.1%). Sebanyak 27.6% (40 buah) sekolah itu merupakan sekolah di Pahang, 23.4% (34 buah) di Perak dan 20.7% (30 buah) di Selangor.

**Jadual 4.1. Demografi Responden**


<b>Demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Jenis Sekolah	SK	50	34.5
	SJKC	21	14.5
	SJKT	9	6.2
	SMK	57	39.2
	SMJK	1	0.7
	SMKA	3	2.1
	SBT	1	0.7
	SABK	3	2.1
Lokasi Sekolah	Bandar Raya	12	8.3
	Bandar	35	24.1
	Pinggir Bandar	6	4.1
	Luar Bandar	92	63.5
Negeri	Negeri Sembilan	24	16.6
	Selangor	30	20.7
	Perak	34	23.4
	Pahang	40	27.6
	WPKL	16	11.0
	Wilayah Putrajaya	1	0.7
Jantina	Lelaki	63	56.6
	Perempuan	82	43.4
Umur	Bawah 35 Tahun	6	4.1
	36-40 Tahun	5	3.4
	41-45 Tahun	14	9.7
	46-50 Tahun	51	35.2
	51-55 Tahun	59	40.7
	Lebih 56 Tahun	10	6.9
Jawatan	Pengetua Cemerlang	4	2.8
	Pengetua kanan	2	1.4
	Pengetua	39	26.8
	GB Cemerlang	4	2.8
	GB	67	46.2
	GPK	29	20.0
Bilangan Tahun Memegang Jawatan	Kurang 1 Tahun	15	10.3
	1-5 Tahun	76	52.4
	6-10 Tahun	26	17.9
	11-15 Tahun	16	11.0
	Lebih 15 tahun	12	8.4

Sebanyak 56.6% (82 orang) responden terdiri daripada perempuan manakala 43.4% (63 orang) terdiri daripada lelaki. Kebanyakan mereka merupakan guru besar iaitu sebanyak 46.2% (67orang) diikuti dengan pengetua sebanyak 26.9% (39 orang). Golongan yang berumur 51 hingga 55 tahun merupakan golongan yang terbesar iaitu sebanyak 40.7% (59 orang) diikuti dengan golongan yang berumur 46 hingga 50 tahun iaitu 35.2% (51 orang). Kebanyakan daripada mereka memegang jawatan berkenaan selama 1 hingga 5 tahun iaitu sebanyak 52.4% (76 orang), diikuti dengan 6 hingga 10 tahun yang sebanyak 17.9% (26 orang) dan 11 hingga 15 tahun sebanyak 11% (16 orang). Jadual 4.1 memaparkan ciri-ciri demografi responden kajian ini.

**b) Dapatkan Kajian Soal Selidik**

**Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam pengaplikasian input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BM daripada Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) IAB?**

Pada keseluruhannya terdapat perubahan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam mengaplikasikan 15 jenis input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BM (Lampiran A). Berdasarkan Rajah 4.1, julat perbezaan min pengaplikasian input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus adalah antara 0.99 dan 1.46. Tiga perkara yang mengalami perubahan paling tinggi ialah a) memastikan setiap minit curai mematuhi format yang disyorkan oleh IAB (1.46), b) memastikan setiap memo mematuhi format yang disyorkan oleh IAB (1.40), dan c) memastikan setiap teks ucapan mematuhi format yang disyorkan oleh IAB (1.31). Manakala tiga perkara yang mengalami perubahan paling rendah ialah a) penggunaan laras bahasa yang betul dalam ucapan (0.99), b) memastikan murid menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan (1.00), dan c) memastikan guru menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan (1.02).



Rajah 4.1: Perbandingan Min Dalam Pengaplikasian Input Latihan Sebelum dan Selepas Mengikuti Kursus Bahasa Malaysia

### c) Dapatan Kajian Melalui Temu Bual

**Sejauh manakah input latihan BM IAB membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah?**

Untuk meninjau sejauh mana input latihan BM IAB dapat membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah, tiga (3) faktor telah dikaji melalui temu bual iaitu sama ada Kursus BM IAB dapat membantu pemimpin sekolah dalam memantapkan bahasa Malaysia sebagai i) alat perpaduan; ii) bahasa perhubungan utama dan iii) bahasa ilmu dalam kalangan warga sekolah.

#### i. Bahasa Malaysia Sebagai Alat Perpaduan

Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa majoriti responden (80%) bersetuju Kursus BM yang dipelajari di JBK dapat membantu memantapkan bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan dalam kalangan warga sekolah. Responden menyatakan mereka menggunakan BM untuk membina hubungan baik dengan warga sekolah kerana penggunaan BM dapat memudahkan persefahaman:

“...bila berbincang dengan guru-guru...mesti saya gunakan bahasa Melayu supaya tiada seorang yang tertinggal dan juga dapat faham apa yang saya sampaikan...”

(M2, B11-B14)

“...bila perhimpunan saya gunakan bahasa Melayu...Dalam minggu Bahasa Melayu saya juga ucapkan dalam bahasa Melayu supaya mereka boleh faham dan boleh ikut apa yang saya ingin sampaikan.”

(M2, B18-B21)

Selain daripada mewujudkan hubungan baik, responden juga berpendapat bahawa Kursus BM IAB menjadi sebagai penggalak kepada pentadbir sekolah dalam pembinaan pasukan kerja di sekolah:

“Selepas berkursus saya cuba untuk berubah dan menggunakan pendekatan memujuk...sejak awal tahun ini lagi saya cuba membentuk pasukan kerja saya dan saya harap pasukan ini semakin besar dan semua guru sentiasa bekerja dalam satu pasukan yang sama dengan satu tujuan yang dikongsi bersama-sama menjayakan misi dan visi sekolah.”

(M5, B20-B28)

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa Kursus BM seperti Kursus Pengucapan Awam dapat memantapkan perpaduan kaum dalam kalangan warga sekolah:

“Ya, kalau dilihat kursus ini amat membantulah... Pengucapan Awam utamanya, dia mengajar kita bagaimana nak membuat satu pengucapan awam yang bertatasusila, menggunakan bahasa-bahasa yang sesuai dengan budaya, masyarakat, kita memberi pengucapan. Kita nampak di situ, *something* membantu memantapkan bahasa dan juga alat perpaduanlah dalam kalangan warga sekolah. Jadi penggunaan-penggunaan bahasa amat penting kerana saya ialah sekolah *multiracial* yang memerlukan penggunaan bahasa yang sesuai dengan masyarakat di sekolah. Jadi dengan adanya pembelajaran itu atau kursus ini amat membantu, sangat-sangat membantu.”

(M4, B7-B20)

“Dari segi perpaduan kita gunakan BM dalam menyampaikan maklumat seperti mesyuarat, taklimat yang kita adakan dalam BM dan perhimpunan dengan pelajar pun dalam BM.”

(M3, B12-B14)

“Dari segi kursus itu kita dapat maklumat untuk mengendalikan majlis untuk memberi ucapan dalam satu majlis rasmi contohnya yang mana kita boleh sampaikan kepada guru-guru dan para pelajar cara yang betul dari segi protokol. Dari segi perpaduan isi diperbanyakkan...”

(M3, B4-B7)

## **ii. Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Perhubungan Utama**

Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa majoriti responden (80%) bersetuju Kursus BM yang dipelajari di JBK dapat membantu memantapkan bahasa Malaysia sebagai bahasa perhubungan dalam kalangan warga sekolah. Empat daripada lima responden (80%) bersetuju bahawa bahasa kebangsaan digunakan dalam semua urusan rasmi selaras dengan kehendak dasar MBMMBI:

“Saya cuba mengamalkan komunikasi BM yang baik semasa berhubung dengan guru-guru. Contohnya semasa perjumpaan dengan guru-guru sama ada semasa mesyuarat panitia, mesyuarat post mortem dan LADAP.”

(M5, B9-B11)

Seorang responden daripada SJKT menjelaskan bahawa beliau tidak menggunakan sepenuhnya bahasa Malaysia apabila berkomunikasi dengan guru-guru India di sekolahnya. Namun begitu, kebanyakan aktiviti yang dijalankan di sekolah beliau menggunakan bahasa Malaysia:

“Eh... Ya. Bukan seratus peratus. Sekolah ini SJKT, jadi bila berhubung dengan kebanyakannya Melayu saya gunakan bahasa Melayu.”

(M2, B4-B6)

Responden juga sangat menggalakkan murid menggunakan bahasa Malaysia secara meluasnya iaitu merentas semua aktiviti yang dijalankan. Pihak sekolah mengadakan aktiviti bahasa misalnya Bulan Membaca atau Karnival Bahasa Melayu. Antara aktiviti bahasa yang dipertandingkan adalah seperti syarahan, sajak dan pidato. Aktiviti sebegini dapat memantapkan penggunaan bahasa dalam kalangan murid sebagai bahasa perhubungan utama:

“Ya kita ada buat pertandingan. Misalnya minggu bulan membaca. Kita ada buat pertandingan pidato, sajak, syarahan dan sebagai.”

(M3, B26-B29)

“Kami buat Karnival Bahasa Melayu. Dalam karnival itu kami buat aktiviti-aktiviti dalam bahasa Melayu. Dalam itu kami akan bagi hadiah untuk menggalakkan murid mengambil bahagian dalam karnival...”

(M2, B31-B33)

Bahasa Malaysia turut digunakan sepenuhnya dalam urusan pengurusan sekolah terutama dalam menyediakan pendokumentasian seperti surat, minit mesyuarat, maklum balas dan minit curai. Responden bersetuju kursus bahasa yang dianjurkan oleh IAB dapat membantu mereka memantapkan bahasa dalam perhubungan secara bertulis. Dengan menghadiri kursus seperti ini, responden dapat meningkatkan mutu dokumen yang disediakan oleh pihak sekolah dan mengikut format yang sepatutnya:

“...pihak sekolah memang memerlukan kursus sebegini untuk meningkatkan pengetahuan tentang pendokumentasian yang betul dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai.”

(R5, 16-18)

“Apa sahaja surat-menurut saya akan buat dalam bahasa Melayu.....saya akan semak sekali lagi surat supaya bahasa itu tidak tersilap.”

(M2, 49-53)

### **iii. Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Ilmu**

Daripada dapatan kajian ini, secara keseluruhan responden bersetuju kursus BM IAB dapat membantu memantapkan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu di sekolah. Misalnya, responden rata-rata menyokong bahawa kursus JBK amat membantu ke arah penggunaan laras bahasa yang betul:

“...dalam pengucapan awam, dia mengajar kita bagaimana untuk membuat rujukan sebelum membuat ucapan. Jadi kita membuat persiapan mengikut laras atau laras budaya itu.“

(M4, B39-B43)

“...dengan berkursus sebegini dapat memberikan sumber terkini kepada sekolah untuk diamalkan terutamanya yang berkaitan dengan penggunaan bahasa yang sopan dan bertatasusila.”

(M5, B31-B36)

Responden juga memastikan agar bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia kerana ia harus berfungsi sebagai bahasa akademik yang lengkap dengan laras-laras bahasa:

“Cikgu itu cikgu Bahasa Melayu jadi dia seratus peratus menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar... sekurang-kurangnya murid akan berhubung dengan dia dalam bahasa Melayu...”

(M2, B96-98)

Sesi temu bual juga menunjukkan bahawa responden menggalakkan guru-guru membaca buku ilmiah untuk memantapkan bahasa Malaysia mereka:

“Ya...saya cadangkan buku-buku ilmiah untuk guru-guru saya membaca untuk menambahkan pengetahuan. Jadi, mereka akan mencari buku-buku itu untuk membaca....untuk memantapkan bahasa Melayu mereka...”

(M2, B4-7)

#### **d) Dapatan Kajian Berdasarkan Pemerhatian (Senarai Semak)**


##### **Sejauh manakah tahap pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah?**

Pemerhatian dengan menggunakan senarai semak telah dijalankan di lima (5) buah sekolah untuk memastikan tahap pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Tahap pelaksanaan Dasar MBMMBI dinilai berdasarkan peratus skor pencapaian dan interpretasinya seperti yang terdapat dalam Jadual 4.2 berikut:

**Jadual 4.2 Peratus skor pencapaian dan interpretasinya (tahap)**

Peratus Skor Pencapaian	Interpretasi (Tahap)
0-20	Sangat rendah
21-40	Rendah
41-60	Sederhana
61-80	Tinggi
81-100	Sangat tinggi

Berdasarkan Rajah 4.2, terdapat tujuh (7) perkara dalam Dasar MBMMBI telah dijalankan oleh lima (5) buah sekolah berkenaan pada tahap yang sangat tinggi (100%) iaitu a) memastikan warga sekolah berkemampuan menjalankan aktiviti MBMMBI, b) program NILAM dikaitkan dengan aktiviti MBMMBI, c) pematuhan kepada waktu P&P yang ditetapkan dalam Dasar MBMMBI, d) unsur didik hibur dan apresiasi bahasa ditekankan dalam PdP, e) penggunaan BM standard merentas kurikulum, f) guru BM menghadiri kursus pembangunan profesional, dan g) pelaksanaan program memartabatkan BM. Selain itu, ‘penggunaan ICT dalam pelaksanaan dasar MBMMBI’ mencapai tahap tinggi (80%) manakala ‘jalinan kerjasama dengan pihak luar dalam melaksanakan aktiviti MBMMBI’ mencapai tahap sederhana (60%). ‘PdP BM dijalankan di makmal bahasa’ dan ‘jadual waktu mingguan penggunaan makmal Bahasa MBMMBI disediakan’ berada pada tahap rendah (40%). ‘Menjalankan penandaarasan ke sekolah yang berjaya melaksanakan dasar MBMMBI’ pula berada pada tahap sangat rendah (20%). Secara purata, lima (5) buah sekolah yang diperhatikan telah mencapai tahap tinggi dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah.



Rajah 4.2: Tahap Pelaksanaan Dasar MBMMBI Di Sekolah

## **DAPATAN KAJIAN KURSUS BAHASA INGGERIS**

Dapatkan kajian Kursus BI dibincangkan dalam lima (5) bahagian iaitu a) demografi responden, b) dapatan kajian soal selidik, c) dapatan kajian temu bual, dan d) dapatan kajian berdasarkan pemerhatian (senarai semak) yang dipaparkan seperti yang berikut:

### **i. Demografi Responden**

Sebanyak tujuh (7) jenis sekolah yang berbeza terlibat dalam kajian ini. Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan (45%), Sekolah Kebangsaan (32.2%), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (11.4%) membentuk 88.6% (132 buah) daripadanya. Kebanyakan sekolah tersebut terletak di luar bandar (40.3%), bandar (26.8%) dan pinggir bandar (16.3%). Sebanyak 25.5% (38 buah) sekolah tersebut merupakan sekolah di Negeri Sembilan, 20.1% (30 buah) di Pahang dan 18.8% (28 buah) di Selangor.

Sebanyak 64.4% (96 orang) responden terdiri daripada perempuan manakala 35.6% (53 orang) terdiri daripada lelaki. Kebanyakan mereka merupakan guru besar iaitu sebanyak 48.3% (72 orang) diikuti dengan pengetua sebanyak 42.3% (63 orang). Golongan yang berumur 51 hingga 55 tahun merupakan golongan yang terbesar iaitu sebanyak 75.2% (112 orang) diikuti dengan golongan yang berumur 46 hingga 50 tahun iaitu 12.1% (18 orang). Kebanyakan daripada mereka memegang jawatan berkenaan selama 1 hingga 5 tahun iaitu sebanyak 69.8% (104 orang), diikuti dengan 6 hingga 10 tahun yang sebanyak 24.8% (37 orang). Jadual 4.3 memaparkan ciri-ciri demografi responden kajian ini.

**Jadual 4.3. Demografi Responden**

<b>Demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Jenis Sekolah	SK	48	32.2
	SJKC	12	8.1
	SJKT	17	11.4
	SMK	67	45.0
	SMJK	2	1.3
	SMKA	1	0.7
	SBT	2	1.3
Lokasi Sekolah	Bandar Raya	23	15.4
	Bandar	40	26.8
	Pinggir Bandar	25	16.8
	Luar Bandar	60	40.3
	Pendalaman	1	0.7


<b>Demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Negeri	Negeri Sembilan	38	25.5
	Selangor	28	18.8
	Perak	22	14.8
	Pahang	30	20.1
	WPKL	26	17.4
	Wilayah Putrajaya	5	3.4
Jantina	Lelaki	53	35.6
	Perempuan	96	64.4
Umur	Bawah 35 Tahun	1	0.7
	36-40 Tahun	0	0.0
	41-45 Tahun	2	1.3
	46-50 Tahun	18	12.1
	51-55 Tahun	112	75.2
	Lebih 56 Tahun	16	10.7
Jawatan	Pengetua Cemerlang	6	4
	Pengetua kanan	3	2
	Pengetua	63	42.3
	GB Cemerlang	1	0.7
	GB	72	48.3
	GPK	4	2.7
Bilangan Tahun Memegang Jawatan	Kurang 1 Tahun	7	4.7
	1-5 Tahun	104	69.8
	6-10 Tahun	37	24.8
	11-15 Tahun	1	0.7
	Lebih 15 tahun	0	0.0

## ii. Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik

**Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam pengaplikasian input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BI daripada Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) IAB?**

Pada keseluruhannya terdapat perubahan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam mengaplikasikan input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BI (Lampiran B). Berdasarkan Rajah 4.3, julat perbezaan min pengaplikasian input latihan adalah antara 0.13 hingga 1.23. Tiga (3) perkara yang mengalami perubahan yang paling tinggi ialah a) pemantauan penggunaan ICT dalam PdP (1.23), b) memastikan mesyuarat Panitia Bahasa Inggeris dijalankan dalam bahasa Inggeris (1.22), dan c) memastikan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris semasa PdP Bahasa Inggeris (1.21). Terdapat tujuh (7) perkara yang perbezaan minnya kurang daripada satu iaitu a) menulis surat dalam bahasa Inggeris

berkaitan *Corporate Social Responsibility* (0.13), b) pembacaan bahan bahasa Inggeris (0.29), c) memberi taklimat dalam bahasa Inggeris kepada pemegang taruh (*stakeholders*) (0.36), d) menulis teks BI sendiri (0.41), e) mengolah semula bahan yang dibaca dalam BI (0.43), f) berkongsi maklumat bahan BI yang dibaca dengan guru dan murid (0.48), dan g) berucap di perhimpunan menggunakan BI (0.95).



Rajah 4.3: Perbandingan Min Dalam Pengaplikasian Input Latihan Sebelum dan Selepas Mengikut Kursus Bahasa Inggeris

### **iii. Dapatkan Kajian Melalui Temu Bual**

**Sejauh manakah input latihan BI IAB membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah?**

Untuk memahami sejauh mana input latihan BI IAB dapat membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah, lima (5) faktor telah ditinjau melalui temu bual iaitu sama ada Kursus BI JBK dapat membantu pemimpin sekolah dalam a) mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris di sekolah; b) meningkatkan keyakinan diri murid menggunakan bahasa Inggeris; c) menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dengan baik; d) menggalakkan murid berkomunikasi secara bertulis dengan baik; dan e) membolehkan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk menuhi hubungan sosial.

#### **iii. (a) Mewujudkan Budaya Suka Menggunakan Bahasa Inggeris Di Sekolah**

Semua responden bersetuju bahawa kursus BI yang dianjurkan oleh JBK dapat membantu mereka mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris di sekolah. Responden mempelbagaikan aktiviti menggunakan bahasa Inggeris di sekolah masing-masing. Sebagai contoh, responden pertama, R1 berhujah bahawa beliau menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris (B40) serta mengeluarkan idea untuk mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris (B51). Responden kedua, R2 juga bersetuju bahawa kursus BI IAB boleh membantu mewujudkan budaya tersebut di samping menggalakkan pelbagai aktiviti seperti *choral speaking* dan koir (B16). Responden ketiga, R3 pula mengimplementasikan pelbagai program bahasa Inggeris di sekolah beliau (B9) sama ada di dalam atau di luar bilik darjah (B17). Dalam proses mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris di sekolah, responden keempat, R4 melaksanakan pelbagai aktiviti, misalnya mengadakan perhimpunan dalam bahasa Inggeris dan Bulan Bahasa Inggeris (B7). R5 pula mengadakan program MBMMBI bagi memperkuuh bahasa Inggeris dalam kalangan murid beliau (B19).

Selain mempelbagaikan aktiviti menggunakan bahasa Inggeris, terdapat responden yang menggalakkan guru Bahasa Inggeris supaya menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Misalnya R3 berkata,

“Saya jemput guru-guru, guru kanan, guru BI untuk menggerakkan mereka supaya guna sepenuhnya BI terutama kelas pertama.”

(B21)

### **iii. (b) Meningkatkan Keyakinan Pemimpin Sekolah Menggunakan Bahasa Inggeris**

Seramai tiga (3) responden (60%) menyatakan bahawa kursus BI yang dianjurkan oleh JBK dapat membantu mereka meningkatkan keyakinan mereka menggunakan bahasa Inggeris dengan mempelbagaikan aktiviti menggunakan Bahasa Inggeris di sekolah:

“Kita mengadakan minggu bahasa, Bulan bahasa Inggeris, ucapan ringkas dalam perhimpunan...”

(R2,B12)

R3 pula menggalakkan warga sekolah berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan memberi bimbingan berulang kali:

*“They know the answer so you give them some hints or you ask the friends to help them then you ask them to repeat. After a while you go back to him again so he has a lot of opportunities. Even yesterday the one you asked may forget how to say that again. So you ask him again. Whenever you see him in the school he keeps saying ‘Good morning teacher’. At least he try to greet you.”*

(R3, B24-B29)

Untuk meningkatkan keyakinan dalam menggunakan bahasa Inggeris, responden kelima, R5 sentiasa mengambil peluang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris terutama dengan seorang guru yang merupakan penutur jati. Seterusnya R5 juga menggalakkan murid-murid untuk berkomunikasi dengan penutur jati tersebut.

*“I knew a native teacher at Raub. I even went to his house. He came to my school and spoke to the students. They tried to talk to him in English. I noticed also our students when meet with Mat Saleh, they try to talk in English.”*

(R5, B64-B67)

### **iii. (c) Menggalakkan Pemimpin Sekolah Berkomunikasi Secara Lisan dengan Baik**

Seterusnya, responden bersetuju Kursus BI yang dihadiri dapat membantu mereka menggalakkan murid berkomunikasi dengan guru dan murid secara lisan dengan baik. Misalnya, salah satu cara ialah pemimpin sekolah dan guru-guru Bahasa Inggeris menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Inggeris yang betul:

“Saya menggerakkan guru-guru BI supaya menggalakkan pelajar guna BI yang betul...”

(R2, B5)

Selain itu, responden juga memastikan bahasa Inggeris digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris (R2, B14). Untuk menggalakkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik, pemimpin sekolah memastikan pelajar menggunakan bahasa Inggeris dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum:

*“Reading aloud competition, choral speaking, action song...That one every week also different, every month also different...”*  
(R3, B10-11).

Responden juga menekankan bahawa diri sendiri memainkan peranan sebagai teladan dalam menggalakkan murid berkomunikasi dengan menggunakan BI:

*“...saya guna bahasa *broken* dan campur-campur kemudian meminta guru bahasa membetulkannya...”*  
(R2, B26-27).

**iii. (d) Pemimpin Sekolah Dapat Berkomunikasi Secara Bertulis dengan Baik dan Membantu dalam Menggalakkan Murid Menguasai Kemahiran Tersebut**

Majoriti responden (80%) bersetuju bahawa kursus BI yang diikuti dapat membantu mereka berkomunikasi secara bertulis dengan baik dan mereka juga menggalakkan murid dapat menguasai kemahiran tersebut. Misalnya, untuk mencapai matlamat tersebut, responden menitikberatkan peranan yang dimainkan oleh panitia bahasa Inggeris:

*“Yang bertulis tu saya lebih menggalakkan panitia Bahasa Inggeris sendiri yang bertindak...”*  
( R1, B92-B93)

Selain itu, responden telah menggunakan pelbagai cara untuk menggalakkan murid berkomunikasi secara bertulis dengan menggunakan bahasa Inggeris. Antaranya, pada peringkat awal kekerapan menggunakan bahasa Inggeris lebih dipentingkan daripada isu kualitinya:

*“I say it doesn’t matter how your English. You just write.”*  
(R3, B26)

Walau bagaimanapun, R2 pula memberi pandangan yang berbeza iaitu kursus BI yang diikuti tidak banyak memberi dorongan kepada dirinya untuk menggalakkan murid berkomunikasi secara bertulis dengan menggunakan bahasa Inggeris:

*“Saya tak beri penekanan...Keadaan sekolah masih sama sebelum dan selepas berkursus.”*  
(R2, B3-B4)

Menurut respondan tersebut keadaan ini terjadi kerana a) beliau sendiri kurang fasih dalam bahasa Inggeris (B39-40), b) kursus sekali sahaja kurang dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris beliau (B13), dan c) latar belakang murid yang rata-ratanya tidak fasih dalam bahasa Inggeris (B42).

### **iii. (e) Membolehkan Pemimpin Sekolah Berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris untuk Memenuhi Hubungan Sosial**

Kebanyakan responden (80%) menyatakan bahawa selepas berkursus usaha telah dijalankan oleh mereka bagi menggalakkan murid menggunakan bahasa Inggeris bukan sahaja dalam kelas malahan di luar bilik darjah:

“Ini memang biasa digunakan...digalakkan pelajar tapi khasnya di luar kelas, dalam kelas, dalam perhimpunan, di dalam kelas, masa BI..lah. Waktu biasa dan luar waktu.”

(R4, B25-B27)

Walau bagaimanapun, R2 pula menyatakan bahawa penekanan kurang diberi dalam program yang membolehkan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris keranakekangan masa dan kelemahan murid sendiri:

“Terus- terang tidak beri penekanan tetapi saya minta guru-guru laksanakan program kerana kekangan masa dan kelemahan murid, sukar dilaksanakan.”

(R2, B4-B6)

R1 pula menggalakkan murid berlainan kaum duduk bersebelahan supaya kurang menggunakan bahasa ibunda:

“Apa yang boleh dibuat ialah kita mungkin susunkan murid supaya terpaksa menggunakan bahasa lain, macam budak Cina duduk dengan budak India atau buat kumpulan-kumpulan.”

(R1, B118-B121)

### **iv. Dapatan Kajian Berdasarkan Pemerhatian (Senarai Semak)**


#### **Sejauh manakah tahap pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah?**

Pemerhatian dengan menggunakan senarai semak telah dijalankan di lima (5) buah sekolah untuk memastikan tahap pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Tahap pelaksanaan dinilai berdasarkan peratus skor pencapaian dan interpretasinya seperti yang terdapat dalam Jadual 4.4.

**Jadual 4.4. Peratus skor pencapaian dan interpretasinya (tahap)**

<b>Peratus Skor Pencapaian</b>	<b>Interpretasi (Tahap)</b>
0-20	Sangat rendah
21-40	Rendah
41-60	Sederhana
61-80	Tinggi
81-100	Sangat tinggi

Berdasarkan Rajah 4.4, terdapat lima (5) perkara dalam Dasar MBMMBI telah dijalankan oleh lima buah sekolah berkenaan pada tahap yang sangat tinggi (100%) iaitu a) persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk melaksanakan Dasar MBMMBI, b) pemantauan kepada waktu PdP yang ditetapkan dalam Dasar MBMMBI, c) PdP dijalankan menggunakan *Standard British English*, d) guru BI menghadiri kursus pembangunan profesional, dan e) pelaksanaan program memperkuuh BI. Selain itu, ‘jalinan kerjasama dengan pihak luar dalam melaksanakan Dasar MBMMBI’ mencapai tahap tinggi (80%) manakala ‘P&P dijalankan secara modular’, ‘penguasaan asas BI menekankan kepada phonics’, ‘unsur didik hibur dan apresiasi bahasa ditekankan dalam P&P dan ‘P&P BI dijalankan di makmal bahasa’ mencapai tahap sederhana (60%). ‘Jadual waktu mingguan penggunaan makmal bahasa MBMMBI disediakan’ dan ‘lawatan penandaarasan dijalankan ke sekolah yang berjaya melaksanakan Dasar MBMMBI’ pula berada pada tahap sangat rendah (<20%). Secara purata, lima (5) buah sekolah kajian telah mencapai tahap tinggi (70%) dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah.



Rajah 4.4. Tahap Pelaksanaan Dasar MBMMBI Di Sekolah

Perbincangan dan cadangan kajian ini dibincangkan dalam dua (2) bahagian iaitu perbincangan dan cadangan kajian kursus BM dan perbincangan dan cadangan kajian kursus BI.

### **i. Perbincangan dan Cadangan Kursus BM**

Dapatan kajian daripada soal selidik, kita dapat melihat bahawa terdapat perubahan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam mengaplikasikan 15 jenis input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BM di IAB dengan julat perbezaan min antara 0.99 dan 1.46 (Rajah 4.1). Ini bererti kursus BM yang dijalankan oleh JBK IAB, dapat mengubah tingkah laku pemimpin sekolah menuju ke arah penambahbaikan sekolah. Selain itu, untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan kursus BM, tiga (3) jenis input latihan yang julat perbezaan min antara 0.99 dan 1.02 harus diberikan perhatian iaitu a) penggunaan laras bahasa yang betul dalam ucapan (0.99), b) memastikan murid menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan (1.00) dan c) memastikan guru menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan (1.02) (Rajah 4.1). Dengan perkataan lain, komponen ‘penggunaan laras bahasa yang betul’ dalam kursus BM perlu dikaji semula agar dapat menyusun strategi membantu pemimpin sekolah dalam mengaplikasikan input latihan berkenaan dengan lebih berkesan di sekolah.

Dapatan kajian melalui temu bual pula menunjukkan kebanyakan responden (80%) mengakui Kursus BM yang dipelajari di JBK dapat membantu mereka dalam usaha mencapai matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah iaitu sama ada Kursus BM IAB dapat membantu mereka dalam memantapkan bahasa Malaysia sebagai a) alat perpaduan, b) bahasa perhubungan utama, dan c) bahasa ilmu dalam kalangan warga sekolah.

Dari segi memantapkan bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan dalam kalangan warga sekolah, responden menggunakan bahasa Malaysia untuk menjalin hubungan baik dengan warga sekolah kerana penggunaan bahasa Malaysia dapat memudahkan persefahaman. Melalui kursus BM, responden belajar mengguna bahasa yang sesuai dengan konteks masyarakat di sekolah. Selain itu, kursus BM telah dijadikan sebagai penggalak kepada pentadbir sekolah dalam pembinaan pasukan kerja di sekolah.

Dari segi memantapkan bahasa Malaysia sebagai bahasa perhubungan utama dalam kalangan warga sekolah, responden memastikan bahasa Malaysia digunakan dalam semua urusan rasmi misalnya dalam menyediakan pendokumentasian seperti surat, minit mesyuarat, maklum balas dan minit curai. Bahasa Malaysia juga digunakan secara meluas iaitu merentas semua aktiviti yang dijalankan misalnya dalam aktiviti kokurikulum agar selaras dengan kehendak dasar MBMMBI.

Dari segi memantapkan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dalam kalangan warga sekolah, responden rata-rata menyokong bahawa kursus BM amat membantu ke arah penggunaan laras bahasa yang betul. Kesedaran responden juga tinggi agar bahasa Malaysia

digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia kerana ia harus berfungsi sebagai bahasa akademik yang lengkap dengan laras-laras bahasa. Responden juga menggalakkan guru-guru membaca buku ilmiah untuk memantapkan bahasa Malaysia mereka.

Jelasnya, selepas berkursus responden dapat mempelbagaikan cara dan mengambil tindakan yang positif untuk memartabatkan kedudukan bahasa Malaysia di sekolah. Mereka amat bersetuju kursus BM dapat membantu mereka dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah kerana kursus berkenaan dapat membantu mereka memantapkan bahasa Malaysia sebagai a) alat perpaduan, b) bahasa perhubungan utama, dan c) bahasa ilmu dalam kalangan warga sekolah.

Dapatan kajian berdasarkan pemerhatian (senarai semak) pula menunjukkan secara keseluruhannya lima (5) buah sekolah yang diperhatikan telah mencapai tahap tinggi dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Dua perkara iaitu P&P BM dijalankan di makmal bahasa dan jadual waktu mingguan penggunaan makmal Bahasa MBMMBI disediakan, berada pada tahap rendah kerana antara dua buah sekolah yang terlibat tidak mempunyai makmal bahasa. Selain itu, justifikasi yang diberikan oleh kebanyakan sekolah yang tidak menjalankan penandaaranan ke sekolah yang berjaya melaksanakan dasar MBMMBI (80%) ialah pihak sekolah tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan terkini tentang mana-mana sekolah yang telah berjaya melaksanakan Dasar MBMMBI. Dengan itu, dicadangkan kursus BM yang akan datang dapat memberikan perhatian dalam hal ini dengan menyediakan maklumat berkenaan atau menjelaskan cara bagaimana peserta boleh mendapatkan maklumat berkenaan melalui saluran tertentu.

Kesimpulannya, berdasarkan tiga (3) dapatan kajian tersebut, kursus-kursus BM yang dijalankan oleh JBK di IAB berkesan dalam membantu pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Kursus-kursus BM telah berjaya meninggikan kesedaran dan mengubah tingkah laku pemimpin sekolah menuju ke arah penambahbaikan sekolah serta membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Justeru, kursus-kursus BM yang berkenaan perlu diteruskan dengan membuat penambahbaikan dalam bidang tertentu seperti yang dicadangkan agar kualiti dapat dikenalkan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa dan seterusnya menjayakan Dasar MBMMBI secara lebih tersusun dan mantap di sekolah.

## **ii. Perbincangan dan Cadangan Kursus BI**

Daripada dapatan kajian soal selidik, kita dapat melihat bahawa terdapat perubahan yang signifikan bagi pemimpin sekolah dalam mengaplikasikan 16 jenis input latihan sebelum dan selepas mengikuti kursus BI di IAB dengan julat perbezaan min antara 0.13 dan 1.23 (Rajah 4.3). Walau bagaimanapun, secara perbandingan, dapatan kajian menunjukkan pemimpin sekolah lebih mengaplikasikan input latihan dalam bidang pemantauan terhadap

usaha atau aktiviti yang dapat membantu meningkatkan pembelajaran dan memperkuuh BI di sekolah (perbezaan min terendah = 0.71) daripada usaha diri sendiri meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan harian di sekolah dan penambahbaikan penguasaan bahasa Inggeris diri sendiri (perbezaan min terendah = 0.13).

Misalnya, julat perbezaan min adalah kecil iaitu kurang daripada 1.0 (Rajah 4.3) dalam bidang menulis surat dalam bahasa Inggeris berkaitan *Corporate Social Responsibility*, membacaan bahan bahasa Inggeris, memberi taklimat dalam bahasa Inggeris kepada *stakeholders*, menulis teks BI sendiri, mengolah semula bahan yang dibaca dalam BI, berkongsi maklumat bahan BI yang dibaca dengan guru dan murid, dan berucap di perhimpunan menggunakan BI. Barangkali ini disebabkan a) pemimpin sekolah sendiri tidak berkeyakinan menggunakan BI dalam urusan harian; b) penguasaan BI pemimpin sekolah masih pada tahap tidak menggalakkan; c) peluang menggunakan BI dalam pengurusan harian di sekolah adalah terhad berbanding dengan BM yang merupakan bahasa pengantar utama.

Justeru, untuk membantu pemimpin sekolah mengatasi masalah (a) dan (b), dicadangkan kursus BI yang berfokus meningkatkan penguasaan BI pemimpin sekolah amatlah perlu diadakan oleh JBK pada masa terdekat.

Dapatan kajian temu bual pula menunjukkan kebanyakan responden (80%) mengakui Kursus BI IAB dapat membantu mereka dalam usaha mencapai matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Ini termasuk sama ada kursus berkenaan dapat membantu mereka dalam mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris di sekolah, meningkatkan keyakinan diri murid menggunakan bahasa Inggeris, menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan baik atau membolehkan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk memenuhi hubungan sosial.

Yang jelas sekali, selepas berkursus responden dapat mempelbagaikan cara dan menyusun strategi untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah. Mereka cuba mengambil tindakan untuk membudayakan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah dengan mempelbagaikan aktiviti mengguna bahasa Inggeris di dalam dan di luar bilik darjah, menggerakkan Panitia Bahasa Inggeris memainkan peranan sewajarnya, memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dijalankan dengan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dan mereka sendiri sebagai contoh teladan dalam usaha meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah.

Walau bagaimanapun, antaranya terdapat responden berpendapat kursus yang hanya diikuti sekali sahaja tidak banyak membawa impak kepada peserta. Akibatnya responden sendiri tidak yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya dapatan ini selaras dengan dapatan kajian soal selidik yang menunjukkan kebanyakan pemimpin sekolah sendiri kurang menggunakan BI dalam urusan harian di sekolah seperti yang dibincangkan sebelum ini. Implikasinya, JBK perlu mengadakan kursus BI yang dapat

membantu pemimpin sekolah agar dapat menguasai BI secara berkesan. Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh responden bahawa kursus yang hanya sekali sahaja tidak akan dapat membawa impak besar. Sebenarnya mengikut Joyce dan Calhoun (2010), program pembangunan profesional yang sekali sahaja biasanya tidak akan membawa keberkesanan. Justeru, kursus lanjutan perlu dipertimbangkan untuk mula dilaksanakan pada masa terdekat oleh JBK agar dapat benar-benar membantu pemimpin sekolah meningkatkan penguasaan BI mereka secara berkesan.

Dapatan kajian berdasarkan pemerhatian (senarai semak) pula menunjukkan secara keseluruhan lima (5) buah sekolah yang dalam pemerhatian telah mencapai tahap tinggi dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Hanya dua (2) perkara iaitu ‘Jadual waktu mingguan penggunaan makmal bahasa MBMMBI disediakan’ dan ‘lawatan penandaarasan dijalankan ke sekolah yang berjaya melaksanakan Dasar MBMMBI’ berada pada tahap sangat rendah. Perkara pertama disebabkan sekolah berkenaan tidak mempunyai maklmal bahasa. Manakala justifikasi yang diberikan oleh kebanyakan sekolah yang tidak ‘menjalankan penandaarasan ke sekolah yang berjaya melaksanakan dasar MBMMBI’ ialah pihak sekolah tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan terkini tentang mana-mana sekolah yang telah berjaya melaksanakan dasar MBMMBI. Dengan itu, seperti yang dicadangkan sebelum ini untuk kursus BM, kursus BI yang akan datang harus memberikan perhatian dalam hal ini dengan menyediakan maklumat berkenaan atau memperkenalkan cara bagaimana peserta boleh mendapatkan maklumat berkenaan melalui saluran tertentu.

Kesimpulannya, berdasarkan tiga (3) dapatan kajian tersebut, jelasnya kursus-kursus BI yang dijalankan oleh JBK di IAB adalah berkesan dalam membantu pelaksanaan dasar MBMMBI di sekolah. Kursus-kursus BI telah berjaya mengubah tingkah laku pemimpin sekolah menuju ke arah penambahbaikan sekolah serta membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah. Justeru itu, kursus-kursus BI yang berkenaan perlu diteruskan dengan mengekalkan kualiti yang ada. Selain itu, kursus lanjutan perlu diadakan kerana kursus yang sekali sahaja tidak akan membawa impak yang besar. Di samping itu, kursus yang berfokus membantu pemimpin sekolah menguasai bahasa Inggeris perlu diadakan pada masa terdekat agar pemimpin sekolah lebih yakin berkomunikasi dan fasih dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya dalam era globalisasi dan modenisasi ini, bahasa Inggeris merupakan bahasa sumber yang penting dan pemimpin sekolah yang menguasai bahasa Inggeris dapat memenuhi dasar kerajaan untuk pemimpin institusi pendidikan mendalamai lebih daripada dua bahasa.

## **IMPLIKASI KAJIAN TERHADAP JBK, IAB**

Dapatan kajian ini diharapkan dapat:

- (i) Membantu JBK, IAB menambah baik kursus BM dan BI supaya selaras dengan pelaksanaan Dasar MBMMBI serta menepati keperluan pelanggan;
- (ii) Mendapatkan input untuk merancang dan melaksanakan kursus baharu;
- (iii) Mengenal pasti keberkesanan kursus BM dan BI yang ditawarkan kepada pemimpin sekolah dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI; dan
- (iv) Digunakan sebagai input untuk refleksi kursus BM dan BI, JBK.

## **CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Berdasarkan dapatan kajian ini, maka beberapa cadangan dibuat untuk kajian berikutnya, iaitu:

- (i) Kajian melibatkan responden dan kakitangan di bawah kepimpinan responden di semua negeri supaya dapatan kajian lebih menggambarkan keadaan sebenar.
- (ii) Kajian melibatkan lebih ramai responden (minimum 30 responden) yang terlibat dengan senarai semak supaya lebih mewakili populasi dan lebih relevan untuk penggunaan peratusan dalam analisis data.
- (iii) Kajian untuk melihat *outcome* kursus BM dan BI yang dihadiri oleh pemimpin sekolah terhadap murid.

Dapatan daripada kajian yang dicadangkan tersebut akan memberikan input yang lebih tepat kepada Jabatan Bahasa dan Komunikasi serta pihak IAB dalam menyediakan kursus yang mampu memenuhi keperluan pelanggan.

## **PENUTUP**

Pelaksanaan Dasar MBMMBI adalah untuk menggantikan PPSMI. Untuk membantu pemimpin sekolah merealisasikan dasar ini, JBK menawarkan kursus BM dan BI yang menekankan pelaksanaan dasar tersebut. Bagi memastikan input kursus BM dan BI ini diaplikasikan di peringkat sekolah, maka kajian ini telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah yang terpilih. Dapatan kajian menunjukkan pemimpin sekolah telah mengaplikasikan input yang diperoleh melalui kursus BM dan BI dalam melaksanakan Dasar MBMMBI di sekolah. Diharapkan peserta lain yang tidak terlibat dengan kajian ini turut mengaplikasikan segala input yang dipelajari dalam kursus BM dan BI bagi menjayakan Dasar MBMMBI di sekolah.

## RUJUKAN

- Ainley, J., Frydenberg, E. and Russell, J. (2005). *Schooling issues digest: student motivation and engagement*, available at [www.dest.gov.au/sectors/school\\_education/publications\\_resources/profiles/schooling\\_issues\\_digest\\_motivation\\_engagement.htm](http://www.dest.gov.au/sectors/school_education/publications_resources/profiles/schooling_issues_digest_motivation_engagement.htm)
- Bishop, P. (2004). "Stories from within: leadership, learning and lives in a high-poverty school", paper presented at AARE, Melbourne.
- Day, C., Stobart, G., Sammons, P., Kington, A., Gu, Q., Smees, R. and Mujtaba, T. (2006). *Variation in teachers' work, lives and effectiveness*, Research Brief RB743, (VITEA), Department for Education and Skills, London.
- Gurr, D., Drysdale, L. and Mulford, B. (2005). *Successful principal leadership: Australian case studies*, Journal of Educational Administration, Vol. 43 No.6, 539-551.
- Hargreaves, A., Lieberman, A., Fullan, M. and Hopkins, D. (1998). The International Handbook of Educational Change. Vol. 4, Kluwer, Dordrecht.
- Hill, S., Harvey, M., Harrison, B.T. and Clarke, R. (1999). *School leaders as learners: what attitudes and preferences do they have?* , Asia-Pacific Journal of Teacher Education, Vol. 27, No.1, 1999.
- Hopkins, D. (2001). School Improvement for Real. London: Falmer Press.
- Joyce, B., & Calhoun, E. (2010).*Models of professional development: A celebaration of educatiors*. USA: Corwin.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2010:Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)*. Putrajaya: Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2011:Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)*. Putrajaya: Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
- Leithwood, K., Day, C., Sammons, P., Harris, A. and Hopkins, D. (2006). Seven strong claims about successful school leadership. National college of School Leadership, Nottingham.
- Leithwood, K., Harris, A. and Hopkins, D. (2008). *Seven strong claims about successful school leadership*, School Leadership & Management: Formerly School Organisation, 28:1, 27-42.
- Michaelidou, A. and Pashiardis, P. (2009). *Professional development of school leaders in Cyprus: is it working?* , Professional Development in Education, Vol. 35, No. 3, September 2009, 399-416.
- Mohd. Majid Konting (1998) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Solihin Badri (2011). *MBMMBI Mampu Melahirkan Generasi Fasih Melayu, Inggeris*, Berita Harian, 6 Januari 2011.

Naseer Ahmad Salfi (2011). *Successful leadership practices of head teachers for school improvement: Some evidence from Pakistan*, Journal of Educational Administration, Vol. 49 Iss:4, 414-432.

Sammons, P. (1999). *School Effectiveness: Coming of Age in the Twenty-first Century*. Lisse:

Swets and Zeitlinger. Spillane, J.P., Healey, K. and Parise, L.M. (2009). *School leaders' opportunities to learn: a descriptive analysis from a distributed perspective*.

Educational Review, Vol. 61, No. 4, November 2009, 407-432.

West, M., Jackson, D., Harris, A. and Hopkins, D. (2000). *Leadership for School Improvement* in Riley, K. and Seashore-Louis, K. (Eds). *Leadership for Change*. London: Routledge Falmer.

## Lampiran B

### Kursus Bahasa Inggeris – Ujian T

Item	Sebelum/Selepas	Min	S.P	t	d.k.	sig. (2 hrg)
1	Sebelum	3.1745	.74191	52.230	148	.000
	Selepas	4.2886				
2	Sebelum	3.0470	.69102	53.824	148	.000
	Selepas	4.2013				
3	Sebelum	3.4362	4.21279	9.957	148	.000
	Selepas	4.1477				
4	Sebelum	2.9396	.72809	49.283	148	.000
	Selepas	4.1678				
5	Sebelum	3.0604	.79038	47.264	148	.000
	Selepas	4.2282				
6	Sebelum	3.0067	.68277	53.754	148	.000
	Selepas	4.1477				
7	Sebelum	2.8523	.88818	39.201	148	.000
	Selepas	4.0671				
8	Sebelum	1.1745	.52930	27.086	148	.000
	Selepas	1.2953				
9	Sebelum	1.3960	.71489	23.836	148	.000
	Selepas	1.7584				
10	Sebelum	2.0067	2.03847	12.016	148	.000
	Selepas	2.3020				
11	Sebelum	1.5839	.67884	28.481	148	.000
	Selepas	2.0134				
12	Sebelum	1.6510	.75271	26.774	148	.000
	Selepas	2.1342				
13	Sebelum	1.3893	.67495	25.125	148	.000
	Selepas	1.7987				
14	Sebelum	1.8792	.64633	35.490	148	.000
	Selepas	2.8322				
15	Sebelum	2.3624	.69956	41.221	148	.000
	Selepas	3.5705				
16	Sebelum	2.2148	.63207	42.772	148	.000
	Selepas	3.3960				

## **TERHAD**



### **BORANG SOAL SELIDIK**



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

### **KAJIAN KEBERKESANAN LATIHAN JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI DALAM PELAKSANAAN DASAR MBMMBI DI SEKOLAH**

#### Pengenalan

Assalamualaikum wbt./ Selamat sejahtera,  
Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan Pengetua/Guru Besar  
Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Institut Aminuddin Baki (IAB) akan menjalankan satu kaji selidik kepada peserta yang telah menghadiri kursus Bahasa Malaysia (BM) dan Bahasa Inggeris (BI), Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK), IAB dari bulan Jun 2011 sehingga bulan Jun 2012 yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar. Kaji selidik ini bertujuan untuk menentukan sejauhmanakah kekerapan pemimpin sekolah telah mengaplikasikan input latihan BM dan BI daripada JBK dalam pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah.

Dapatan daripada kajian ini akan memberi maklumat kepada IAB untuk melaksanakan penambahbaikan kepada kursus-kursus BM dan BI yang akan datang agar dapat menjadikan IAB lebih relevan dalam menerajui dan mengendalikan kursus-kursus BM dan BI khususnya untuk mencapai hasrat Dasar MBMMBI.

Semoga dapatan kajian ini dan perkongsian ilmu pengetahuan serta pengalaman Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam bidang pengurusan BM dan BI di sekolah dapat dimanfaatkan dengan sewajarnya. Maklumat yang Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan Pengetua dan Guru Besar akan digunakan untuk penyelidikan semata-mata dan ia adalah sulit dan menjadi bahan terkawal di IAB.

Kerjasama dan keprihatinan Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan Pengetua/ Guru Besar untuk memberi jawapan yang jujur dan ikhlas amatlah disanjung tinggi dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

Pengarah  
Institut Aminuddin Baki, KPM  
Sri Layang 69000 Genting Highlands  
Pahang darul Makmur  
(u.p. Cik Nor Hayati Aziz@Esa)



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**SOAL SELIDIK / SOALAN TEMU BUAL / SENARAI SEMAK**

**KAJIAN KEBERKESANAN  
LATIHAN JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI  
DALAM PELAKSANAAN DASAR MBMMBI  
DI SEKOLAH**

**INSTRUMEN**

**PEMIMPIN SEKOLAH**

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

- Tuan dimohon menjawab semua soalan di bahagian ini.
- Sila pilih dan tandakan di petak yang disediakan.

## **MAKLUMAT UMUM**

### **1. Jenis Sekolah**

- Sekolah Kebangsaan (SK)
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)
- Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)
- Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- Sekolah Menengah Teknik/Vokasional (SMT/V)
- Sekolah Berasrama Penuh/Islam (SBP/SBPI)
- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

### **2. Lokasi Sekolah**

- Bandaraya
- Bandar
- Pinggir Bandar
- Luar Bandar
- Pedalaman

### **3. Negeri**

- Negeri Sembilan
- Selangor
- Perak
- Pahang
- WP Kuala Lumpur
- WP Putrajaya

### **4. Jantina**

- Perempuan
- Lelaki

### **5. Umur**

- Bawah 35 Tahun
- 36 – 40 Tahun
- 41 – 45 Tahun
- 46 – 50 Tahun
- 51 – 55 Tahun
- Lebih 56 Tahun

## **6. Jawatan**

- Pengetua Cemerlang
- Pengetua Kanan
- Pengetua
- Guru Besar Cemerlang
- Guru Besar

## **7. Bilangan Tahun Menjawat Jawatan Sekarang**

- Kurang 1 Tahun
- 1 – 5 Tahun
- 6 – 10 Tahun
- 11 – 15 Tahun
- Lebih 15 Tahun

## **8. Kursus Bahasa Malaysia yang Dihadiri di IAB**

- Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti
- Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti
- Kursus Pengucapan Awam Bahasa Melayu
- Kursus Komunikasi Berkesan

## **9. Kursus Bahasa Inggeris yang dihadiri di IAB**

- Kursus *Management of English Language in Schools*
- Kursus *Effective Communication*
- Kursus *Professional Reading and Writing*
- Kursus *Public Speaking*

### **ARAHAN UMUM**

- Jika tuan telah menghadiri Kursus Bahasa Malaysia, sila jawab Bahagian I – A.
- Jika tuan telah menghadiri Kursus Bahasa Inggeris, sila jawab Bahagian I – B.
- Jika tuan telah menghadiri Kursus Bahasa Malaysia dan Kursus Bahasa Inggeris, sila jawab Bahagian I – A dan B.

### **PANDUAN MEMBERI SKOR**

- 1.Skor diberi dengan cara menandakan ( / ) skor berkenaan.
- 2.Bagi setiap item pilihan skor (1, 2, 3, 4, 5 ) disediakan. Tuan diminta menentukan tahap pelaksanaan, dari skor ‘1’ (minimum) sehingga skor ‘5’ (maksimum):

**1 = Tidak pernah                  2 = Jarang-jarang                  3 = Kadang-kadang**  
**4 = Kerap kali                  5 = Sentiasa**

## BAHAGIAN I: SOAL SELIDIK – DIISI OLEH RESPONDEN

	Sebelum menghadiri kursus JBK					<i>A: BAHASA MALAYSIA</i>					Selepas menghadiri kursus JBK				
	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1.						Saya memastikan setiap minit curai mematuhi format yang disyorkan oleh IAB.									
2.						Saya memastikan setiap teks ucapan mematuhi format yang disyorkan oleh IAB.									
3.						Saya memastikan setiap memo mematuhi format yang disyorkan oleh IAB.									
4.						Saya menitikberatkan penggunaan tatabahasa yang betul dalam urusan rasmi di sekolah.									
5.						Saya mengaplikasikan segala pengetahuan tentang protokol mesyuarat.									
6.						Saya mempraktikkan kaedah pengucapan awam yang disyorkan di IAB dalam majlis rasmi di sekolah.									
7.						Saya menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan.									
8.						Saya memastikan murid menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan.									
9.						Saya memastikan guru menggunakan laras bahasa yang betul dalam ucapan.									
10.						Saya memastikan teks ucapan disediakan bagi semua ucapan di majlis rasmi.									
11.						Saya menitikberatkan penggunaan salutasi yang betul dalam semua ucapan.									
12.						Saya mempraktikkan komunikasi lisan yang berkesan dalam pengurusan.									
13.						Saya mempraktikkan komunikasi bukan lisan yang berkesan dalam pengurusan.									
14.						Saya mengenal pasti halangan-halangan komunikasi dalam organisasi.									
15.						Saya berusaha untuk mengatasi halangan komunikasi dalam organisasi.									

Sebelum menghadiri kursus JBK						<b>B: BAHASA INGGERIS</b>					Selepas menghadiri kursus JBK				
	1	2	3	4	5						1	2	3	4	5
1.						Saya menyebar luas kandungan pekeliling Dasar MBMMBI kepada warga sekolah.									
2.						Saya memastikan guru memahami kehendak mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR.									
3.						Saya memantau unsur didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p).									
4.						Saya memantau penggunaan ICT dalam p&p.									
5.						Saya mengadakan taklimat tentang Dasar MBMMBI.									
6.						Saya menjalankan aktiviti yang memperkuuh Bahasa Inggeris (BI) di sekolah.									
7.						Saya memastikan mesyuarat Panitia BI dijalankan dalam bahasa Inggeris.									
8.						Saya menulis surat dalam bahasa Inggeris berkaitan <i>Corporate Social Responsibility</i> .									
9.						Saya memberi taklimat dalam bahasa Inggeris kepada <i>stakeholders</i> .									
10.						Saya membaca bahan bahasa Inggeris untuk meningkatkan profisiensi saya.									
11.						Saya mengolah semula bahan yang dibaca dalam bahasa Inggeris.									
12.						Saya berkongsi maklumat bahan bahasa Inggeris yang saya baca dengan guru dan murid dalam perhimpunan.									
13.						Saya menulis teks bahasa Inggeris sendiri.									
14.						Saya berucap di perhimpunan menggunakan bahasa Inggeris.									
15.						Saya memastikan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris semasa p&p Bahasa Inggeris.									
16.						Saya memastikan murid berucap dalam bahasa Inggeris semasa perhimpunan mingguan.									

## BAHAGIAN II: SOALAN TEMU BUAL – DIISI OLEH PENYELIDIK

<b>A: BAHASA MALAYSIA</b>	<b>Catatan</b>
<p>1. Saya menyebarkan luas kandungan pekeliling Dasar MBMMBI kepada warga sekolah.</p>	
<p>a. Adakah Kursus BM yang dipelajari di JBK membantu memantapkan bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan dalam kalangan warga sekolah?</p> <p>Jika ya, bagaimana? Jika tidak, mengapa?</p>	
<p>b. Adakah Kursus BM yang dipelajari di JBK membantu memantapkan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa perhubungan utama dalam kalangan warga sekolah?</p> <p>Jika ya, bagaimana? Jika tidak, mengapa?</p>	
<p>c. Adakah Kursus BM yang dipelajari di JBK membantu memantapkan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dalam kalangan warga sekolah?</p> <p>Jika ya, bagaimana? Jika tidak, mengapa?</p>	
<b>B: BAHASA INGGERIS</b>	<b>Catatan</b>
<p>1. Sejauhmanakah input Kursus BI yang dipelajari di JBK dapat membantu dalam pencapaian matlamat pelaksanaan Dasar MBMMBI di sekolah?</p>	
<p>a. Adakah Kursus BI yang dipelajari di JBK membantu anda mewujudkan budaya suka menggunakan bahasa Inggeris di sekolah?</p>	
<p>b. Adakah Kursus BI yang dipelajari di JBK membantu anda meningkatkan keyakinan diri murid menggunakan bahasa Inggeris?</p>	
<p>c. Adakah Kursus BI yang dipelajari di JBK membantu anda menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dengan baik?</p>	
<p>d. Adakah Kursus BI yang dipelajari di JBK membantu anda menjalankan aktiviti/program yang membolehkan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk memenuhi hubungan sosial?</p>	

### **BAHAGIAN III: SENARAI SEMAK – DIISI OLEH PENYELIDIK**

<b>A: BAHASA MALAYSIA</b>	<b>Ada</b>	<b>Tiada</b>	<b>Catatan</b>
1. P&P BM dijalankan di makmal bahasa menggunakan perisian Dasar MBMMBI yang dibekalkan oleh KPM (e-kata/ Edisi Sekolah)			
2. Jadual waktu mingguan penggunaan Makmal Bahasa MBMMBI disediakan untuk semua kelas			
3. Penggunaan ICT dalam pelaksanaan dasar MBMMBI			
4. Pelaksanaan program memartabatkan bahasa Malaysia dilaksanakan (bercerita, berpidato dll.)			
5. Guru BM menghadiri kursus pembangunan profesional yang berkaitan dengan Dasar MBMMBI			
6. Penggunaan BM standard digunakan merentas kurikulum			
7. Unsur didik hibur dan apresiasi bahasa ditekankan dalam p&p			
8. Jalinan kerjasama dengan pihak luar dalam melaksanakan aktiviti MBMMBI			
9. Pematuhan kepada waktu p&p yang ditetapkan dalam Dasar MBMMBI			
10. Program NILAM dikaitkan dengan aktiviti MBMMBI			
11. Menjalankan penandaarasan ke sekolah yang berjaya melaksanakan Dasar MBMMBI			
12. Memastikan warga sekolah berkemampuan menjalankan aktiviti MBMMBI			

<b>B: BAHASA INGGERIS</b>	<b>Ada</b>	<b>Tiada</b>	<b>Catatan</b>
1. P&P BI dijalankan di makmal bahasa menggunakan perisian Dasar MBMMBI yang dibekalkan oleh KPM (Fun & Friends)			
2. Jadual waktu mingguan penggunaan Makmal Bahasa MBMMBI disediakan untuk semua kelas			
3. Pelaksanaan program memperkuuh bahasa Inggeris dilaksanakan (bercerita, berpidato dll.)			
4. Jalinan kerjasama dengan dengan pihak luar dalam melaksanakan Dasar MBMMBI			
5. Guru BI menghadiri kursus pembangunan profesional yang berkaitan dengan Dasar MBMMBI			
6. P&P dijalankan menggunakan Standard British English			
7. Unsur didik hibur dan apresiasi bahasa ditekankan dalam p&p			
8. Penguasaan asas BI menekankan kepada <i>phonics</i>			
9. P&P BI dijalankan secara modular – <i>Listening and Speaking, Reading, Writing, Language Arts</i>			
10. Pematuhan kepada waktu p&p yang ditetapkan dalam Dasar MBMMBI			
11. Persekitaran pembelajaran yang kondusif wujud untuk warga sekolah melaksanakan Dasar MBMMBI			
12. Lawatan penandaarasan dijalankan ke sekolah yang Berjaya melaksanakan Dasar MBMMBI			



## **HUBUNGAN BURNOUT DENGAN DEMOGRAFI PEMIMPIN SEKOLAH DI MALAYSIA**

Akma Hj. Abd. Hamid, PhD  
Mohd. Dawi Ithnin  
Khalijah Ibrahim  
Indran a/l Subrumiam  
Hamizi Osman

Jabatan Pengurusan HEM dan Kaunseling  
Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan  
Institut Aminuddin Baki

### **Abstrak**

*Hubungan antara burnout dengan demografi pemimpin sekolah yang dikaji dalam kajian ini terdiri daripada jawatan, jantina, pengalaman dan band. Maslach Burnout Inventory digunakan sebagai alat ukur dalam kajian. Responden terdiri daripada 253 pengetua dan 221 guru besar. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan lebih enam puluh peratus pemimpin sekolah yang dikaji berada pada tahap burnout yang rendah. Faktor demografi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jawatan dengan burnout, pengetua mempunyai tahap burnout rendah lebih tinggi berbanding guru besar. Konstruk pencapaian peribadi menunjukkan pengetua lebih bermotivasi berbanding guru besar. Konstruk ketandusan emosi menunjukkan wujud hubungan signifikan dengan band sekolah. Pemimpin sekolah cemerlang menunjukkan ketandusan emosi lebih rendah berbanding pemimpin sekolah sederhana dan lemah.*

*Kata kunci:* *burnout, ketandusan emosi, band sekolah*

## **PENGENALAN**

Kejayaan sesebuah sekolah banyak berkait rapat dengan gaya kepimpinan pengetua atau guru besar. Pemimpin sekolah berkeupayaan mempengaruhi subordinat yang dipimpin sama ada hendak membangunkan sekolah atau menjadikan sekolah lebih merosot. Trump (1981) menyatakan pengetua atau guru besar sangat mempengaruhi kualiti program sekolah melebihi orang lain. Pemimpin yang bermasalah akan menyebabkan kegagalan untuk sekolah berfungsi sebagai organisasi yang berkesan (Rusmini, 2004). Kegagalan ini sudah pasti memberi kesan yang besar dalam usaha merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) anjakan keempat iaitu meningkatkan kualiti guru dan menjadikan profesi keguruan sebagai profesi pilihan. Usaha ini mampu dicapai seandainya pemimpin sekolah mampu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cemerlang dan bebas daripada simptom burnout.

Menurut Maslach (1982), burnout adalah satu sindrom keletihan emosi, depersonalisasi dan pengurangan pencapaian peribadi yang boleh berlaku apabila pekerja mengalami tekanan dan tidak mampu untuk berinteraksi dengan orang yang berhubung dengan mereka dan persekitaran yang mereka duduki. Keadaan ini menjadi lebih teruk apabila pemimpin yang mengalami keadaan ini secara berterusan akan menimbulkan masalah terutama dalam kepuasan kerja seterusnya membawa kepada kemurungan. Ini terbukti apabila Johns (1987) dalam kajiannya mendapati sesebuah organisasi mengalami kerugian berbilion dollar kesan daripada rendahnya produktiviti, pemberhentian kerja dan ketidakhadiran pekerja ke tempat kerja akibat daripada burnout. Pandangan tersebut memberi kesan yang besar kepada pemimpin sekolah terutamanya dalam memastikan sekolah mampu dibangunkan apabila pemimpin bebas daripada burnout kerana jatuh bangun sesebuah sekolah adalah bergantung sepenuhnya kepada kepimpinan yang dijalankan. Kajian Edmonds (1979) dan Stogdill (1974) menyatakan perkara yang sama dan beliau mendapati pemimpin mempunyai pengaruh yang penting bagi menentukan kejayaan organisasi pendidikan. Maka bagi memastikan pemimpin sekolah mampu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan sudah pasti tahap burnout seseorang pemimpin sekolah memainkan peranan dalam menentukan kepimpinan itu mampu berfungsi dengan baik atau tidak. Kemampuan dalam berfungsi secara efektif akan memastikan visi dan misi sekolah dapat dicapai dalam masa yang ditentukan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Setiap pemimpin sekolah perlu menjalankan tanggungjawab mengikut bidang tugas dan senarai tugas yang telah ditetapkan dalam akta serta pekeliling iktisas Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Selaku seorang pemimpin dan pengurus di sekolah, seseorang pengetua dan guru besar perlu mengawal selia semua aspek pengurusan di bawah bidang kawalannya seperti Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi, Kurikulum, Kokurikulum, Hal Ehwal Murid, Kewangan, Pentadbiran Pejabat, Persekutaran dan Kemudahan Fizikal, Pembangunan Sumber Manusia dan Perhubungan Luar (KPM, 2006).

Berikut tugas dan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan oleh pemimpin sekolah maka usaha untuk memajukan sistem pendidikan dalam pembangunan pendidikan ini memerlukan pemimpin sekolah memiliki kemahiran perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, pemantauan dan pengawalan serta penilaian (Mohamad, 2004). Maxwell pula menegaskan tentang kepimpinan 3600 yang memberi tumpuan kepada pemimpin yang bijak mengurus emosi, masa, keutamaan, tenaga, fikiran, ucapan dan kehidupan peribadi yang baik (Khuzaimah, 2010). Namun begitu, tidak dinafikan dalam kesibukan menghadapi pelbagai kerentuan sumber di bawah kawalannya, para pemimpin sekolah ini menghadapi tekanan. Tekanan pekerjaan berterusan yang dihadapi oleh golongan profesional boleh menyebabkan hilang rasa tanggungjawab, komitmen serta simpati terhadap individu lain yang akhirnya membawa kepada burnout (Maslach, 1982). Kajian Lokman dan Musa (2011) menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara tekanan kerja kumpulan pemimpin sekolah kebangsaan Daerah Kluang dengan tahap burnout. Ini memberi gambaran bahawa tekanan kerja yang teruk boleh membawa kepada burnout, menurut Maslach dan Leiter (1997), individu yang burnout dan meneruskan pekerjaan mereka akan menjadikan mereka tidak efektif terhadap organisasi.

Senario ini sangat membimbangkan jika simptom ke arah burnout telah mempengaruhi pemimpin sekolah di Malaysia. Ini berikutan terdapat banyak aduan terhadap pemimpin sekolah telah diterima. Semua aduan ini dilaporkan oleh klien sekolah bermula Januari 2013 sehingga 14 Februari 2013 dengan jumlah laporan aduan mengenai sekolah dalam data e-pidp 2013 yang diterima dari seluruh Malaysia adalah sebanyak 225 kes (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, 2013). Merujuk data aduan salah laku pengetua dan guru besar seluruh Malaysia dalam tempoh dua bulan sahaja telah mencencah 200 kes. Mengapa data sebegini yang diperoleh? Punca sebenar permasalahan ini perlu dikaji secara mendalam sama ada ianya berpunca daripada pemimpin sekolah yang telah burnout ataupun dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Jika didapati pemimpin sekolah di Malaysia telah mengalami simptom burnout, apakah punca sebenar membawa kepada simptom tersebut, adakah kerana faktor demografi atau faktor-faktor lain? Ini kerana, banyak kajian telah dijalankan berhubung burnout sama ada di Malaysia atau luar negara.

Antara pengkaji yang pernah menjalankan kajian burnout iaitu Sari (2005), menjalankan kajian burnout dalam kalangan pengetua sekolah dan guru-guru di Turki, beliau mendapati guru wanita lebih signifikan mengalami ketandusan emosi berbanding lelaki sebaliknya guru lelaki lebih signifikan mengalami depersonalisasi berbanding wanita, manakala konstruk pencapaian peribadi pula tiada perbezaan signifikan bagi kedua-dua jantina. Penemuan yang sama juga disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Maslach dan Jackson (1986), Gursel, Sunbul dan Sari, (2002), Purvanova dan Muros (2010). Smit (2007) mendapati faktor usia dan pengalaman mengajar menunjukkan hubungan yang signifikan dengan burnout. Kajian ini juga mendapati pekerja yang kurang pengalaman adalah yang paling mudah terdedah kepada burnout (Antoniou, Polychroni dan Walters, 2000; Luk, Chan, Cheong dan Ko, 2010).

Melihat kepada kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini didapati terdapat perkaitan antara burnout dengan faktor demografi yang dikaji. Berikut itu, maka kajian ini cuba mengenal pasti tahap burnout dan punca sebenar yang membawa kepada burnout kumpulan pemimpin sekolah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menjelaskan objektif-objektif yang telah ditentukan seperti berikut;

- (i) Mengenal pasti tahap burnout kumpulan pemimpin sekolah.
- (ii) Mengenal pasti sama ada wujud atau tidak perbezaan tahap burnout dan konstruk burnout yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi dengan faktor jawatan pemimpin sekolah.
- (iii) Mengenal pasti sama ada wujud atau tidak perbezaan tahap burnout dan konstruk burnout yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi dengan faktor jantina pemimpin sekolah.
- (iv) Mengenal pasti sama ada wujud atau tidak hubungan tahap burnout dan konstruk burnout yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi dengan faktor pengalaman memimpin sekolah.


## PERSOALAN KAJIAN

Soalan kajian yang telah ditentukan berdasarkan objektif kajian adalah seperti berikut;

- (i) Apakah tahap burnout kumpulan pemimpin sekolah?
- (ii) Adakah wujud atau tidak perbezaan tahap *burnout* dan konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi dengan faktor jawatan pemimpin sekolah?
- (iii) Adakah wujud atau tidak perbezaan tahap burnout dan konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi dengan faktor jantina pemimpin sekolah?
- (iv) Adakah wujud atau tidak hubungan tahap *burnout* dan konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi dengan faktor pengalaman memimpin sekolah?
- (v) Adakah wujud atau tidak hubungan tahap *burnout* dan konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi?

## KERANGKA KAJIAN

Kerangka konseptual kajian dalam Rajah 1 menunjukkan burnout dan konstruk burnout dalam kajian ini terdiri daripada Ketandusan Emosi, Depersonalisasi dan Pencapaian Peribadi. Burnout dan konstruk burnout ini dikaji hubungannya ke atas demografi pemimpin sekolah yang terdiri daripada Jawatan (sama ada pengetua atau guru besar), Jantina, Pengalaman Memimpin dan Band sekolah yang dipimpin.



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian Burnout dan Demografi Pemimpin Sekolah

## DEFINISI KONSEP

### i. Burnout -

Dilihat sebagai satu keadaan apabila individu gagal memenuhi ekspektasi yang digariskannya yang akhirnya menyebabkan kekecewaan untuk meneruskan tugas yang sedang dilakukan (Maslach dan Goldberg, 1998). Burnout dalam kajian ini bermaksud satu tindak balas terhadap emosi, mental dan keletihan fizikal disebabkan stres yang kronik akibat penglibatan yang berpanjangan pemimpin sekolah dengan subordinat atau kliennya. Ini terjadi apabila mereka rasa bingung tidak mampu memenuhi tuntutan kerja yang berterusan. Malah jika stres ini berterusan akan hilang motivasi bekerja, merendahkan produktiviti, rasa lesu, putus harap, sinis dan mudah melenting seolah tiada makna yang boleh disumbangkan lagi (Pines & Aronson, 1981). Melihat kepada kes ini, kekuatan mental seseorang pekerja memainkan peranan penting dalam menentukan tahap burnout seseorang individu tersebut. Kajian ini merujuk kepada tiga komponen burnout yang ada dalam soal selidik Maslach Burnout Inventory (MBI) iaitu ‘ketandusan emosi’, ‘depersonalisasi’ dan ‘pencapaian peribadi’.

### ii. Ketandusan emosi -

Ketandusan emosi merujuk kepada kelemahan pemimpin sekolah untuk meluah dan memaparkan empati kepada murid dan pekerja bawahan. Mereka juga mengalami kemerosotan emosi berterusan sehingga tidak lagi mampu untuk membentuk hubungan sosial bersama pekerja lain seperti memberi bantuan sebagaimana yang mampu mereka lakukan sebelum ini (Maslach & Jackson, 1981).

### **iii. Depersonalisasi -**

Adalah merujuk kepada kecenderungan pemimpin sekolah untuk bersikap negatif dan sinis terhadap rakan sekerja. Kebolehan dan cara berfikir, menilai serta bertindak terhadap sesuatu perkara yang berlaku sama ada ia baik atau buruk menjadi tidak lagi rasional, hingga hilang pertimbangan kemanusiaan dan kemurungan di dalam kehidupan seharian, (Maslach dan Jackson, 1981).

### **iv. Pencapaian Peribadi -**

Merujuk kepada seseorang pemimpin sekolah yang hilang semangat bekerja. Mereka berkecenderungan menilai diri sendiri secara negatif. Mereka tidak lagi seronok dengan kerjaya mahupun diri sendiri. Mereka hilang kepuasan peribadi, tidak mempunyai keghairahan untuk melakukan kerja mereka serta aktiviti-aktiviti kepimpinan yang dijalankan di dalam organisasi sekolah. Dimensi tersebut menerangkan kepentingan semangat di dalam diri individu untuk memulakan pekerjaan, (Maslach dan Jackson, 1981).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan teknik tinjauan (*survey research*). Menurut Chua (2006) kajian tinjauan dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek dengan cara memberi soal selidik kepada subjek. Maslach Burnout Inventory (MBI) digunakan bagi mengumpul data dalam kajian ini. Kajian sebegini juga sering digunakan oleh penyelidik-penyalidik kerana melibatkan sejumlah sampel yang besar. Bilangan sampel yang banyak serta jarak yang berjauhan antara satu sama lain, memerlukan kos yang tinggi, maka soal selidik merupakan alat ukur yang paling sesuai digunakan di dalam kajian seumpama ini (Mohd. Majid 2000).

### **Pensampelan**

Sampel kajian dipilih menggunakan teknik persampelan rawak berstrata, persampelan ini digunakan apabila terdapat dua atau lebih cara untuk membuat klasifikasi data (Sidek, 2002). Berdasarkan formula Kriegcie dan Morgan (1970) saiz sampel yang sepatutnya iaitu 384, namun begitu pengkaji telah mendapatkan sampel melebihi daripada yang ditentukan. Ini kerana saiz sampel yang lebih besar adalah lebih baik dalam menggambarkan populasi kajian. Cates (1990) berpendapat saiz sampel yang besar akan membawa kepada lengkung yang normal dan akur kepada nilai-nilai populasi. Maka dalam kajian ini saiz sampel ialah 997. Namun hanya sebanyak 538 (54%) sahaja soal selidik yang telah dikembalikan kepada penyelidik. Jumlah tersebut menjadi semakin kecil apabila ada sebahagian soal selidik tidak dilengkap sepenuhnya oleh pemimpin sekolah, menjadikan soal selidik yang diterima pakai sebanyak 474 (47.5%) sahaja.

## **Instrumen**

Kajian ini melibatkan dua soal selidik seperti berikut;

### **BAHAGIAN A:**

Faktor Demografi yang terdiri daripada jawatan pemimpin sekolah (pengetua dan guru besar), jantina, pengalaman menjadi pengetua atau guru besar dan band sekolah (1 hingga 7).

### **BAHAGIAN B:**

#### **Maslach Burnout Inventory (MBI)**

Soal selidik ini mengandungi 22 item dengan tiga konstruk iaitu Ketandusan Emosi, Depersonalisasi dan Pencapaian Peribadi.

## **Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini melibatkan kepada dua proses pengumpulan data. Proses pertama melibatkan ujian rintis dan proses ke dua pengumpulan data sebenar. Data kajian rintis telah dijalankan terhadap 200 orang pemimpin sekolah dan dikumpul ketika penyelidik-penyeselidik menjalankan kuliah untuk pengetua dan guru besar. Namun begitu selepas data kajian rintis diperoleh terdapat beberapa item yang kurang jelas dan keliru untuk dijawab oleh pengetua dan guru besar. Selepas dimurnikan soal selidik diposkan ke sekolah-sekolah yang terpilih yang telah dikenal pasti mengikut kategori yang ditentukan seperti band sekolah, sekolah menengah dan rendah secara rawak mengikut negeri.

## **Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen**

Kajian ini merujuk kepada koefisien kebolehpercayaan Alpha Cronbach iaitu 0.81 bagi Maslach Burnout Inventory (MBI). Inventori ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan tinggi. Nilai maksimum pekali kebolehpercayaan ialah satu (Mohd. Salleh dan Zaidatun, 2001) maka berdasarkan nilai kebolehpercayaan dalam kajian ini jelas berada pada tahap yang tinggi. Inventori dalam kajian ini juga telah disemak dan disahkan konten dan konstruknya oleh pakar dari universiti tempatan dan seorang pensyarah kanan Institut Aminuddin Baki dalam bidang kaunseling yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang mendalam dalam pengurusan kepimpinan sekolah.

## **Kaedah Analisis Data**

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan analisis secara deskriptif dan inferensi. Tahap burnout kumpulan pemimpin sekolah dianalisis menggunakan peratus dan min, manakala bagi menjawab persoalan kedua dan ketiga dalam kajian ini analisis ujian t digunakan. Persoalan keempat dan kelima menggunakan analisis Ujian khi kuasa dua. Analisis min dikategorikan kepada tiga tahap seperti Jadual 1;

**Jadual 1: Min skala Burnout**

<b>Pernyataan</b>	<b>Skala</b>
Rendah	0.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 4.66
Tinggi	4.67 – 7.00

## DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian ini menggunakan data deskriptif dan inferensi. Bagi menjelaskan faktor demografi, data deskriptif digunakan manakala inferensi pula digunakan bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian yang telah dinyatakan.

Kajian ini melihat perkaitan antara burnout dengan faktor demografi kumpulan pemimpin sekolah di Malaysia. Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan data deskriptif bagi faktor demografi seperti jawatan, jantina, pengalaman dan band sekolah.

**Jadual 2: Taburan Data Deskriptif**

Demografi Pemimpin Sekolah	Bilangan	Peratus
<b><u>Jawatan</u></b>		
Guru Besar	221	46.6
Pengetua	253	53.4
<b><u>Jantina</u></b>		
Lelaki	271	57.2
Perempuan	203	42.8
<b><u>Pengalaman Pemimpin Sekolah</u></b>		
Kurang 1 Tahun	82	17.3
1-3 tahun	99	20.9
4-6 Tahun	73	15.4
7-10 Tahun	84	17.7
10-15 Tahun	85	17.9
16-20 Tahun	30	6.3
Melebihi 20Tahun	21	4.4
<b><u>Band Sekolah</u></b>		
-1 (missing)	17	3.6
1	61	12.9
2	75	15.8
3	110	23.2
4	80	16.9
5	99	20.9
6	26	5.5
7	6	1.3

Faktor demografi yang diuji dalam kajian ini terdiri daripada faktor jawatan iaitu bilangan guru besar 221 (46.6%), pengetua 253 (53.4%). Faktor jantina terdiri daripada pemimpin lelaki 271 (57.2%) dan perempuan 203 (42.8%). Pengalaman pemimpin sekolah pula terdiri daripada tujuh tahap bermula kurang daripada 1 tahun iaitu 82 (17.3%), 1 hingga 3 tahun 99 (20.9%), 4 hingga 6 tahun 73 (15.4%), 7 hingga 10 tahun 84 (17.7%), 10 hingga 15 tahun 85 (17.9%), 16 hingga 20 tahun 30 (6.3%) dan melebihi 20 tahun

21 (4.4%). Band sekolah pula terdiri daripada band 1 sebanyak 61 (12.9%), band 2 iaitu 75 (15.8%), band 3 iaitu 110 (23.2%), band 4 sebanyak 80 (16.9%), band 5 sebanyak 99 (20.9%), band 6 sebanyak 26 (5.5%) dan band 7 sebanyak 6 (1.3%). Namun begitu terdapat 17 (13.6%) responden yang tidak menyatakan band sekolah. Tahap burnout dalam kajian ini menggunakan data deskriptif yang terdiri daripada bilangan dan peratus. Manakala bagi melihat perbezaan antara kumpulan pemimpin sekolah yang terdiri daripada pengetua dan guru besar serta faktor jantina Ujian t digunakan. Bagi faktor pengalaman dan band sekolah hubungan dengan burnout ujian khas dua digunakan.

### i. Apakah tahap burnout kumpulan pemimpin sekolah?

**Jadual 3: Tahap Burnout Pemimpin Sekolah**

Burnout dan Konstruk Burnout	Tahap Subskala			
	Rendah	Sederhana	Tinggi	Skor Min
Ketandusan Emosi	260 (55.0%)	198 (41.8%)	15 (3.2%)	2.36
Depersonalisasi	368 (77.8%)	96 (20.3%)	9 (1.9%)	1.55
Pencapaian Peribadi	265 (56.0%)	195 (41.2%)	13 (2.7%)	2.25
Burnout	305 (64.5%)	168 (35.5%)	0 (0.0%)	2.05

Jadual 3 memaparkan tahap burnout kumpulan pemimpin sekolah yang terdiri daripada pemimpin sekolah menengah dan sekolah rendah. Dapatan ini menunjukkan majoriti pemimpin sekolah berada pada tahap *burnout* yang rendah iaitu 305 (64.5%). Burnout pada tahap sederhana 168 (35.5%). Bagi konstruk *burnout* hanya faktor depersonalisasi memaparkan rendah 368 (77.8%) melebihi peratus rendah bagi konstruk yang lain. Namun begitu ketandusan emosi 260 (55.0%) dan pencapaian peribadi 265 (56.0%) menunjukkan tahap peratusan dalam anggaran 50 peratus sahaja..

### ii. Adakah wujud perbezaan tahap burnout dan konstruk burnout yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi kumpulan pemimpin sekolah dengan faktor perjawatan pemimpin sekolah?

Jadual 4 menjelaskan sama ada wujud atau tidak perbezaan burnout antara faktor perjawatan pemimpin sekolah.

**Jadual 4: Keputusan Ujian –t berdasarkan perjawatan kumpulan pemimpin sekolah**

Burnout/ Konstruk Burnout	Jawatan	N	Min	sp	dk	t	sig.
Ketandusan Emosi	Pengetua	253	2.35	1.10	472	-0.08	0.94
	Guru Besar	221	2.36	1.12			
Depersonalisasi	Pengetua	253	1.48	1.22	472	-1.30	0.19
	Guru Besar	221	1.62	1.21			
Pencapaian Peribadi	Pengetua	253	2.11	1.07	472	-3.01	0.00**
	Guru Besar	221	2.40	1.02			
Burnout	Pengetua	253	1.98	0.82	472	-2.04	0.04*
	Guru Besar	221	2.13	0.75			

Ujian t telah digunakan bagi mengkaji perbezaan burnout dan konstruk burnout berdasarkan perjawatan pemimpin sekolah yang terdiri dalam kalangan pengetua dan guru besar. Dapatan kajian tersebut menunjukkan ketandusan emosi dan depersonalisasi tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan jawatan pemimpin sekolah, manakala konstruk pencapaian peribadi  $t(472) = -3.01$ ,  $p < 0.05$  menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan antara pengetua dan guru besar. Ini menunjukkan bahawa kumpulan pengetua lebih bermotivasi dan bersemangat untuk bekerja berbanding guru besar. Dapatan ini juga turut menunjukkan guru besar mempunyai simpton burnout lebih tinggi berbanding pengetua  $t(472) = -2.04$ ,  $p < 0.05$ .

**iii. Adakah wujud perbezaan tahap burnout dan konstruk burnout yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi kumpulan pemimpin sekolah dengan faktor jantina pemimpin sekolah?**

Jadual 5 menjelaskan sama ada wujud atau tidak perbezaan burnout dengan faktor jantina pemimpin sekolah.


**Jadual 5: Keputusan Ujian –t berdasarkan jantina kumpulan pemimpin sekolah**

Burnout/ Konstruk Burnout	Jantina	N	Min	sp	dk	t	sig.
Ketandusan Emosi	Lelaki	271	2.35	1.16	472	-0.22	0.83
	Perempuan	203	2.37	1.04			
Depersonalisasi	Lelaki	271	1.59	1.23	472	0.95	0.34
	Perempuan	203	1.49	1.19			
Pencapaian Peribadi	Lelaki	271	2.24	1.02	472	-0.04	0.97
	Perempuan	203	2.25	1.10			
Burnout	Lelaki	271	2.06	0.80	472	0.36	0.72
	Perempuan	203	2.03	0.77			

Jadual 5 menunjukkan perkaitan antara burnout dan konstruk burnout dengan jantina kumpulan pemimpin sekolah. Ujian t bagi ketiga-tiga konstruk burnout dalam kajian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara ketandusan emosi  $t(472) = -0.22$ ,  $p > 0.05$ , depersonalisasi  $t(472) = 0.95$ ,  $p > 0.05$  dan pencapaian peribadi  $t(472) = -0.04$ ,  $p > 0.05$  dengan jantina pemimpin sekolah. Ini menyebabkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara burnout  $t(472) = 0.36$ ,  $p > 0.05$  antara kumpulan pemimpin lelaki dan perempuan.


**iv. Adakah wujud hubungan burnout dan konstruk burnout yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi kumpulan pemimpin sekolah dengan faktor pengalaman memimpin sekolah?**

Ujian Khi kuasa dua menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan antara burnout pemimpin sekolah berdasarkan faktor pengalaman. Hubungan burnout dengan pengalaman pemimpin sekolah adalah  $\chi^2(dk=12)=14.483$ ,  $p > 0.05$ , manakala bagi konstruk burnout yang terdiri daripada faktor ketandusan emosi iaitu  $\chi^2(dk=12)=13.254$ ,  $p > 0.05$ , depersonalisasi  $\chi^2(dk=18)=14.471$ ,  $p > 0.05$  dan pencapaian peribadi  $\chi^2(dk=18)=17.363$ ,  $p > 0.05$ . Ketiga-tiga konstruk burnout ini menunjukkan tidak signifikan dengan pengalaman pemimpin sekolah. Namun begitu apabila dilihat peratusan skor burnout dengan pengalaman pemimpin yang terdiri daripada tujuh tahap iaitu memimpin sekolah kurang daripada 1 tahun, 1 hingga 3 tahun, 4 hingga 6 tahun, 7 hingga 10 tahun, 10 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan melebihi 20 tahun ternyata mempunyai perbezaan terutama pada tahap burnout yang rendah dan sederhana. Ini dapat dijelaskan melalui Rajah 2.



Rajah 2: Perbandingan burnout pada tahap rendah dan sederhana dengan pengalaman memimpin sekolah

Rajah 2 menjelaskan pemimpin sekolah yang mempunyai pengalaman memimpin kurang daripada satu tahun hanya 55 peratus mempunyai tahap burnout yang rendah, iaitu tidak mengalami simpton ke arah burnout berbanding yang mempunyai pengalaman 1 hingga 3 tahun dan 4 hingga 6 tahun sebanyak 67 peratus bebas daripada simpton burnout. Bagi yang berpengalaman 7 hingga 10 tahun pula terdapat 61 peratus berada pada tahap burnout yang rendah dan bebas daripada simpton ke arah burnout. Pemimpin yang mempunyai pengalaman memimpin sekolah 10 hingga 15 tahun terdapat 65 peratus yang berada pada tahap burnout yang rendah, begitu juga pemimpin yang mempunyai pengalaman 16 hingga 20 tahun terdapat 70 peratus dan 86 peratus untuk yang berpengalaman melebihi 20 tahun berada pada tahap burnout rendah.




Rajah 3: Perbandingan tahap konstruk *burnout* dengan pengalaman memimpin sekolah

Rajah 3 menggambarkan tahap konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi bagi pemimpin sekolah yang dikaji. Graf bar menunjukkan keseluruhan konstruk *burnout* yang dikaji dengan pengalaman pemimpin memimpin sesebuah sekolah menunjukkan berada pada tahap yang rendah melebihi 50 peratus kecuali bagi konstruk ketandusan emosi pemimpin sekolah yang mempunyai pengalaman 1 hingga 3 tahun hanya 48 peratus berada pada tahap rendah. Begitu juga dengan pencapaian peribadi pemimpin yang pengalamannya kurang daripada 1 tahun hanya 46 peratus sahaja berada pada tahap yang rendah. Apabila dikaji ketiga-tiga konstruk ini jelas menunjukkan bahawa hanya konstruk dipersonalisasi menunjukkan tahap rendah yang tinggi melebihi 70 peratus berbanding konstruk ketandusan emosi dan pencapaian peribadi yang mana pengalaman memimpin sekolah tidak membantu pengetua atau guru besar berada pada tahap rendah yang tinggi. Ini memberi gambaran lebih daripada 30 peratus pemimpin sekolah berada pada tahap ketandusan dan pencapaian peribadi sederhana walaupun mempunyai pengalaman kerja yang lama melebihi 20 tahun.

#### **iv. Adakah wujud hubungan *burnout* dan konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi kumpulan pemimpin sekolah dengan faktor band sekolah yang dipimpin?**


Ujian khi kuasa dua menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan antara *burnout* pemimpin sekolah berdasarkan faktor band sekolah. Hubungan *burnout* dengan band sekolah adalah  $\chi^2(\text{dk}=14)=11.217, p>0.05$ , manakala bagi konstruk *burnout* yang terdiri daripada faktor ketandusan emosi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ketandusan emosi dengan band sekolah, iaitu  $\chi^2(\text{dk}=21)=34.175, p<0.05$ . Manakala konstruk dipersonalisasi  $\chi^2(\text{dk}=21)=22.025, p>0.05$  dan pencapaian peribadi  $\chi^2(\text{dk}=21)=$

25.251,  $p>0.05$  menunjukkan tidak signifikan dengan band sekolah yang dipimpin. Namun begitu apabila dilihat peratusan skor burnout dengan band pemimpin sekolah yang terdiri daripada tujuh band iaitu band 1 untuk sekolah cemerlang, band 2,3,4 kategori sederhana manakala band 5, 6 dan 7 pula kategori sekolah yang lemah. Ini dapat dijelaskan melalui Rajah 4.



Rajah 4: Perbandingan *burnout* pada tahap rendah dan sederhana dengan band sekolah yang dipimpin

Rajah 4 menjelaskan perbandingan antara *burnout* kumpulan pemimpin sekolah dengan band sekolah yang dipimpin. Rajah tersebut menunjukkan semakin rendah angka band sekolah semakin kecil simpton *burnout* pemimpin sekolah. Ini dapat dilihat pemimpin yang memimpin sekolah dalam kategori band 1 menunjukkan 69 peratus berada pada tahap *burnout* yang rendah berbanding yang telah mempunyai simpton *burnout* pada tahap sederhana iaitu hanya 29 peratus. Jika dilihat perbandingan dengan pemimpin yang memimpin sekolah kategori band 6 dan 7 tahap sederhana *burnout* pemimpin kumpulan ini adalah tinggi iaitu 42 peratus dan 67 peratus.



Rajah 5: Perbandingan tahap konstruk *burnout* dengan band sekolah yang dipimpin

Rajah 5 menjelaskan tahap konstruk *burnout* yang terdiri daripada ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi bagi pemimpin sekolah yang dikaji. Graf bar menunjukkan keseluruhan konstruk *burnout* yang dikaji dengan band sekolah yang dipimpin menunjukkan berada pada tahap yang rendah melebihi 50 peratus kecuali bagi konstruk ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi bagi pemimpin sekolah yang berada pada band 7, tahap rendah ketandusan emosi 17 peratus, depersonalisasi dan pencapaian peribadi 33 peratus. Bagi band sekolah 1 iaitu sekolah kategori cemerlang tahap sederhana ketandusan emosi 44 peratus, depersonalisasi 23 peratus dan pencapaian peribadi 30 peratus. Melihat konstruk pencapaian peribadi menunjukkan sekolah cemerlang pemimpin yang mempunyai simptom motivasi pada tahap sederhana paling rendah 30 peratus berbanding pemimpin-pemimpin sekolah dalam kumpulan band yang lain.

## PERBINCANGAN

Anjakan kelima dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah bagi memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Kejayaan pencapaian sebelas anjakan yang digariskan sebahagian besarnya bergantung kepada kejayaan melaksanakan anjakan kelima ini. Malah terlalu banyak pengkaji, artikel, jurnal dan buku-buku sependapat bahawa kejayaan sesebuah sekolah itu bergantung kepada kepimpinannya iaitu pengetua dan guru besar. Antaranya, Hechinger (dalam Davis & Thomas, 1989: 17), Blase (1987) juga turut memaparkan maklumat bahawa sekolah yang tidak berkesan mempunyai pengetua yang kurang berkesan kepimpinannya. Mutu kepimpinan termasuklah ciri-ciri peribadi dan gaya kepimpinannya. Menyedari kepentingan peranan kepimpinan di sekolah maka KPM dalam rangka mencapai matlamat PPPM telah menggariskan bahawa, hanya dengan memilih pemimpin yang terbaik sahaja akan mampu merealisasikan hasrat untuk mencapai matlamat tersebut.

Isunya bagaimana hendak memastikan tahap pemimpin tersebut sama ada yang telah memegang jawatan atau yang bakal dilantik mempunyai prestasi yang tinggi? Hakikatnya, ini bukan suatu yang mudah, malah dengan hanya mengambil langkah melengkapkan mereka dengan kemahiran dan sokongan ke arah pencapaian murid yang berkualiti di setiap sekolah ini masih belum mencukupi. Walaupun KPM memperkenalkan pakej kerjaya baharu kepimpinan sekolah dengan memperkuuh kaedah pemilihan, latihan dan pemberian ganjaran untuk pengetua dan guru besar ini mungkin akan memberi motivasi kepada sesetengah pihak. Pada pendapat Robbins (2000) wang dan kenaikan pangkat bukan menjadi keutamaan yang memotivasi pekerja kerana mereka yang berpendapatan tinggi biasanya suka berkerja dan mengutamakan cabaran kerja. Namun begitu Robbins (2000) juga berpendapat tidak semua orang bermotivasi kerana kerja yang mencabar.

Bagi memaksimakan kegunaan tenaga kerja adalah perlu setiap individu yang mengurus pekerja memahami dan mengenal pasti kepelbagaiannya yang diperlukan oleh pekerja. (Herzberg 1959 dalam Hussein 2008) dalam kajiannya mendapati para pengurus yang

berusaha menyingkirkan faktor yang menimbulkan ketidakpuasan di tempat kerja mereka, mampu membuatkan pekerja gembira, namun ia tidak bererti mereka lebih bermotivasi di tempat kerja. Hal ini sekadar memenuhi keperluan asas penyelenggaraan kehidupan mereka. Bagi memastikan hasrat ini benar-benar tercapai, Institut Aminuddin Baki harus mengambil peranan dalam melatih pengetua dan bakal pengetua secara total *training concept*. Latihan dan kursus yang diberi bukan sahaja berfokus kepada pengetahuan (knowledge) dan kemahiran (*skills*) malah apa yang penting memastikan mindset pemimpin yang sedia ada dan bakal pemimpin yang dilantik agar berada dilandasan yang sebenar. Pengetahuan dan kemahiran semata-mata tidak mampu mengubah apa-apa seandainya sikap (*attitude*) para pemimpin tidak dibentuk dengan sebaiknya bagi menghasilkan pemimpin sekolah yang berjiwa pemimpin, bukan hanya sekadar berkerjaya sebagai pemimpin sekolah.

Bagi memastikan hasrat negara dan KPM dalam PPPM tercapai terhadap kelangsungan 10,085 buah sekolah seluruh negara, maka, punca sebenar dalam menghasilkan pemimpin berprestasi tinggi perlu dikenal pasti. Seandainya tidak diambil langkah awal untuk pengetua atau guru besar menerima latihan sebelum dilantik dan sepanjang perkhidmatan mereka terutamanya dalam membina kepimpinan instruksional hanya menjadi suatu yang rutin sahaja.

Berasaskan dapatan kajian burnout pemimpin sekolah yang dikaji adalah perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat di KPM. Walaupun dapatan menunjukkan tidak ada pemimpin sekolah berada pada tahap burnout yang tinggi tetapi perhatian serius harus diberi terhadap lebih tiga puluh lima peratus pemimpin sekolah yang dikaji telah mempunyai simpton ke arah burnout pada tahap sederhana. Secara kasarnya boleh dinisbahkan sejumlah 3,580 pemimpin di Malaysia telah berada pada tahap burnout sederhana dan memimpin sebanyak 141,763 orang guru serta merancanakan 1,760,385 murid. Justeru, langkah memulihkan motivasi mereka yang sudah memegang jawatan sangat penting disamping memilih mereka yang benar-benar berpotensi sahaja sebagai pemimpin sekolah sepatutnya segera dilaksanakan.

Jika diteliti secara terperinci mereka yang tahap sederhana burnout antaranya melibatkan 43.9 peratus sudah ada tanda-tanda kurang bermotivasi dan hilang semangat bekerja. Mereka tidak lagi seronok dengan kerjaya mahupun diri sendiri. Mereka hilang kepuasan peribadi, tidak mempunyai keghairahan untuk melakukan kerja serta melaksanakan aktiviti-aktiviti kepimpinan di dalam organisasi sekolah (Maslach dan Jackson, 1981).

Dapatan ini agak membimbangkan kerana Theory Motivation-Hygiene (Herzberg 1959 dalam Hussein 2008) menyatakan bahawa dengan adanya faktor motivasi, kepuasan bekerja seseorang itu akan meningkat. Begitu juga dengan tahap ketandusan emosinya yang melibatkan 45 peratus di tahap sederhana dan tinggi. Ini memberi gambaran bahawa pemimpin sekolah juga mengalami kemerosotan emosi sehingga tidak lagi mampu untuk

membentuk hubungan sosial bersama pekerja lain, seperti memberi bantuan seperti mana yang mampu mereka lakukan sebelum ini (Maslach & Jackson, 1981). Selain mengambil langkah menentukan proses pemilihan pengetua dan guru besar yang ketat, jelas dan telus, proses urusan kenaikan pangkat, kriteria pemilihan pengetua dan guru besar baharu perlu diteliti seadilnya. Ini kerana pemimpin sekolah memainkan peranan yang penting dalam membuat atau mengadakan perubahan sekolah dan dalam menjayakan pelaksanaan program untuk memajukan sekolah (Hall dan Hord, 1987 dalam Hussein, 2008).

Maka sebagai tenaga penggerak utama dalam memastikan kelestarian kepimpinan yang cemerlang pada masa akan datang KPM, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) perlu mengenal pasti orang yang benar-benar layak dan tepat untuk menerajui kepimpinan sekolah. Satu dapatan menarik juga yang harus diberi perhatian dalam kajian ini iaitu terdapatnya perkaitan yang signifikan antara burnout pengetua dan guru besar. Pengetua dilihat mempunyai tahap burnout lebih rendah berbanding guru besar. Begitu juga terdapat perkaitan yang signifikan antara pencapaian peribadi pengetua dan guru besar. Pengetua ternyata lebih bermotivasi berbanding guru besar. Dapatan ini perlu diselidiki punca kenapa guru besar kurang bermotivasi dan lebih mudah burnout berbanding pengetua.

Faktor jantina antara pengetua dan guru besar lelaki dan perempuan menunjukkan tidak signifikan, tetapi amat menarik diberi perhatian terhadap dapatan kajian ini tentang kaitannya burnout dengan tempoh pengalaman memegang jawatan sebagai pemimpin sekolah. Walaupun secara umumnya tiada yang menunjukkan tahap burnout yang tinggi tetapi apabila diasingkan dapatan tersebut berdasarkan tempoh pengalaman mereka memegang jawatan telah menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang berpengalaman kurang satu tahun didapati tahap burnout sederhananya 45.1 peratus dan peratus burnout sederhana ini menurun apabila mereka yang berpengalaman 1 hingga 3 tahun kepada 33.3 peratus dan terus menurun apabila mereka berada pada tempoh pengalaman 4 hingga 6 tahun tahap burnout sederhananya 31.5 peratus tetapi tahap burnout sederhana meningkat semula dalam tempoh pengalaman 7 hingga 10 tahun iaitu tahap burnout sederhananya bersamaan 39.3 peratus. Selepas tempoh tersebut 10 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan seterusnya melebihi 20 tahun tahap burnout sederhananya terus menurun. Ini menepati kajian yang dijalankan oleh Smit (2007) faktor usia menunjukkan hubungan yang paling konsisten untuk burnout. Kajian beliau mendapati pekerja yang kurang pengalaman adalah yang paling mudah terdedah kepada burnout.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan langkah yang diambil dengan memberi latihan dan kursus kepimpinan dan pengurusan oleh Institut Aminuddin Baki, Bahagian-bahagian lain KPM, JPN dan PPD kepada bakal-bakal pengetua yang dilantik amat bertepatan sekali. Cuma aspek yang perlu diberi penegasan dan kajian semula ialah cara untuk mereka yang baru dilantik ini mendapat pengisian kursus yang benar-benar mantap dan berkesan sehingga mencapai 100 peratus bebas daripada simpton burnout.

Sebagai contoh yang boleh diubah mengikut kesesuaian seperti Program Pemimpin Masa Depan England (PPPM 2013-2025, Bab 5, m.s:16). Dalam program ini mereka mengenal pasti dan melahirkan pemimpin bermula peringkat awal lagi.

Program Pemimpin Masa Depan ialah program tiga tahun pembangunan pemimpin bertujuan menyediakan laluan pantas bagi guru berprestasi tinggi ke jawatan pemimpin sekolah seperti guru berpengalaman, guru penolong kanan dan pengetua dalam tempoh empat tahun. Khususnya, program ini bermatlamat melahirkan pemimpin sekolah yang beriltizam untuk bertugas di ‘sekolah mencabar’. Calon dipilih melalui proses penilaian dan temu duga bagi menilai kemahiran berfikir, kepimpinan dan interpersonal mereka. Mereka yang terpilih menjalani program selama tiga tahun bermula dengan latihan kepimpinan secara intensif dalam musim panas dikuti dengan penempatan selama satu tahun di sekolah mencabar bawah panduan seorang pengetua mentor. Selepas itu, permohonan calon akan disokong untuk jawatan kepimpinan sekolah sepenuh masa.

Persoalannya adakah pihak tertentu mampu menggunakan pendekatan yang sedemikian yang sama atau pendekatan yang lebih baik dan berkesan? Jika ternyata kepentingan dan keberkesanannya adalah diharapkan sudah sampai masanya pihak yang bertanggungjawab memikirkan kaedah atau pendekatan yang benar-benar berkesan dan menghasilkan outcome yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bukan sekadar mengadakan program atau kursus semata-mata. Kajian ini juga menemui dapatan menarik berhubung pengalaman kerjaya pemimpin sekolah dalam tempoh 7 hingga 10 tahun. Tempoh ini menunjukkan burnout sederhana mereka meningkat semula. Sesuai dengan teori perkembangan motivasi (Herzberg 1959 dalam Hussein 2008) menunjukkan motivasi seseorang itu tidak kekal dan faktor memotivasi mereka juga pelbagai. Ada antara mereka yang bermotivasi kerana gaji, persekitaran kerja, jawatan dan lain-lain lagi. Justeru, suatu langkah yang berterusan perlu dirangka untuk pemimpin sekolah yang telah dilantik supaya sentiasa berada dilandasan yang sebenar dan bermotivasi tinggi. Latihan dan kursus dengan pengisian yang sesuai perlu dirangka supaya mereka tidak terjerumus berada ditahap pemimpin sekolah dalam kelompok zon selesa.

## KESIMPULAN

Keseluruhan dapatan kajian ini telah memberi satu gambaran jelas berhubung tahap burnout pemimpin sekolah di Malaysia. Walaupun pada keseluruhannya menunjukkan tidak ada kumpulan pemimpin sekolah yang berada pada tahap burnout yang tinggi tetapi kerana ada sebahagian kecil yang telah mempunyai burnout pada tahap sederhana kesannya besar kepada guru dan murid-murid yang dipimpin. Langkah segera perlu diambil supaya ianya tidak menjadi satu wabak yang serius. Kesegeraan ini pasti mampu merealisasikan hasrat KPM dalam melahirkan kemenjadian murid dengan memastikan sekolah mampu melahirkan murid yang cemerlang, boleh dipasarkan dan warga negara yang baik.

## RUJUKAN

- Ab Aziz Yusof (2008). *Mengurus Perubahan Dalam Organisasi*. Shah Alam: Arah Publications Sdn. Bhd.
- Anastasi, A. (1982). *Psychological Testing*. New York: McMillan Publishing Co., Inc.
- Antoniou, A.S., Polychroni, F., & Walters, B. (2000). *Sources of stress and professional burnout of teachers of special educational needs in Greece*. Paper presented at the International Special Education Congress, University of Manchester 24–28 July 2000. Retrieved on 09 March 2007, from [http://www.isec2000.org.uk/abstracts/papers\\_p/polychroni\\_1.htm](http://www.isec2000.org.uk/abstracts/papers_p/polychroni_1.htm).
- Arenawati Sehat Binti Omar, Irdawaty Haji Jaya & Mohd. Zafian Bin Mohd. Zawawi (2008), *Kajian Mengenai Tekanan Kerja Dan Burnout Di Kalangan Kaunselor Sekolah Menengah Bahagian Kuching*, Disertasi : Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan,Sarawak.
- Atan Long, Ishak Rejab, Abdul Aziz Sultan, Mohd. Nor Long, Mohd. Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham Ismail, Ratnawati Ashraf & Rosnani Hashim (1991). *Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemajuan sekolah-sekolah: Kajian kes*. Kertas Kerja Seminar Latihan Mengajar antara Universiti Kali Ke-7. Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Blase, JJ., (1987). "Dimensions of Ineffective School Leadership: The Teachers Perspective". The Journal of Educational Administration, 25(2), hlm. 193-213.
- Cates, W.M. (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan* (Syaharom Abdullah, Terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill Education.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis For The Behavioral Sciences*, (2nd edition) Hillsdale. New Jersey: Erlbaum.
- Davis, G.A. & Thomas, M. A. (1989). *Effective Schools and Effective Teachers*. Boston:Allyn and Bacon.
- Gursel, M., Sunbul, M.A., & Sari, H. (2002). An analysis of burnout and job satisfaction between Turkish headteachers and teachers. European Journal of Psychology of Education, 17(1), 35–45. source: <http://dx.doi.org/10.1007/BF03173203>
- Edmonds,R. (1979). *Effective schools for the urban poor*. Dlm Ishak. Apakah yang tertulis dalam khazanah tulisan ilmiah tentang tret, tingkah laku dan tindakan yang diperlukan untuk menjadi seorang pengetua yang berkesan. Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan 14(1):1-17
- Holland, J.L. (1985). "Making Vocational Choices: A Theory of Choices & Work Invironment." Prentice-Hall Inc.
- Hussein Mahmood (2008). *Kepimpinan dan Keberkesan Sekolah*. Edisi Ke dua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Portal Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia. Sumber: <http://apps.moe.gov.my/pidp/>

- Johns, G. (1987). *The great escape: The whys and wherefores of absenteeism add up to a \$30 billion question for American business*. Psychology Today, oct. 1
- Kalliath, T., & Morris, R. (2002). *Job satisfaction among nurses: A predictor of burnout levels*. Journal of Nursing Administration, 32 (12), 648-654.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia*. Genting Highlands, Pahang: Institut Aminuddin Baki.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Khuzaimah Sulaiman (2010). *Guru Pemimpin 3600*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement. 30(3):607-610
- Lokman Tahir & Musa Salan (2011). *Burnout Pentadbir Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang*. unspecified. pp. 1-9. (Tidak Diterbitkan)
- Luk, A.L., Chan, B.P.S., Cheong, S.W., & Ko, S.K.K. (2010). *An exploration of the burnout situation on teachers in two schools in Macau*. Social Indicators Research, 93(3), 489–502
- Maslach, C., & Jackson, S.E. (1981). *The measurement of experienced burnout*. Journal of Organizational Behavior. Vol 2 (2), 99-113.
- Maslach, C. (1982). *Burnout: The cost of caring*. New Jersey: Prentice Hall.
- Maslach, C., & Jackson, S.E. (1986). *Maslach Burnout Inventory Manual*. Palo Alto, CA: Consulting Psychological Press, Inc.
- Maslach, C., & Jackson, S. E. (1993). *Maslach Burnout Inventory Manual*. (2nd edition). Consulting Psychologists Press, Inc, Palo Alto, California.
- Maslach, C., & Leiter, M.P. (1997). *The truth about burnout: How organizations cause personal stress and what to do about it*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Maslach, C. dan Goldberg, J. (1998). *Prevention of Burnout: New Perspectives*. Applied and Preventive Psychology. 7: 63 – 74
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Pembangunan Organisasi di Malaysia*: Projek Pendidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Yasir (2001). *Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0* Kuala Lumpur: Intan Book Services.

Norliza Zakuan (2010). *Bidang keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan*, Unit Komunikasi Korporat, KPM

Purvanova R.K., & Muros, J.P. (2010). *Gender differences in burnout: A meta-analysis*. Journal of Vocational Behavior, 77, 168–185

Pines, A., & Aronson, E. (1981). *Burnout: From Tedium to Personal Growth*. New York:Free Press Schwab.

Robbins S.P., (2000). *Gelagat Organisasi* (Abdul Razak Ibrahim dan Ainin Sulaiman, Terjemahan). Selangor: Prentice Hall.

Rusmini Ku Ahmad (2004). *Keberkesanan sekolah: Satu tinjauan dari aspek kepimpinan, kompetensi guru dan amalan pengurusan terbaik*. Kertas kerja seminar nasional pengurusan dan kepimpinan pendidikan ke-12 IAB, Pahang 6-9 Disember.

Sari, H. (2005). *How do principals and teachers in special school in Turkey rate themselves on levels of burnout job satisfaction, and locus of control?* Alberta Journal of Education Research, 51(2),172-192.

Shah Rollah Abdul Wahab, Nor Akmar Nordin, Afiq Azri Mohd Ghani & Azizah Rajab, (2010). *Burnout Di Kalangan Pekerja Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Johor, Journal of Human Capital Development*, Vol. 3 No. 2: 15-26

Sidek Mohd. Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.

Sichambo, M. N., Maragia, S. N. & Simiyu, A. M., (2012). *Causes of Burnout on Secondary School Teachers: A Case of Bungoma North District-Kenya*. Journal of Academic Research in Progressive Education and De.

Smit, J. (2007). *The influence of stressors and coping strategies on burnout and compassion fatigue among health care professionals*. Unpublished doctoral dissertation. University of the Free State, Bloemfontein, South Africa.

Stogdill, R.M. (1974) *Hand book of leadership and research*. New York: The Free Press-A Division of Mac Millan Publishing Co.Inc.

Trump, J.L (1981). *The instructional leadership role of the high school principal*. American Secondary Education 11:2-4

Wiersma. W. (2000). *Research Methods In Education: An Introduction*. Boston: Allyn dan Bacon.

**KAJIAN TINJAUAN LITERASI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)  
DALAM KALANGAN PENGURUS SEKOLAH  
DI NEGERI PAHANG, NEGERI SEMBILAN, SELANGOR,  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
DAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Rosmah Ab. Rani

Liew Fook Sin

Ahmad Termizi Mohd Yusoff

Nor Kamsiah Jaapar

Zorkarnain Ujang

Jabatan Aplikasi Komputer Dalam Pendidikan

Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT

Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia

**Abstrak**

*Kajian Literasi TMK ini dibuat terhadap 197 pengurus sekolah di Negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kajian ini dibuat bertujuan untuk menyelidik tahap kemahiran asas komputer dan tahap amalan mereka menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam melaksanakan tugas harian sebagai Pemimpin dan Pengurus Pendidikan. Kajian ini juga melihat hubungan antara tahap kemahiran mereka mengguna komputer dengan amalan TMK mereka dalam melaksanakan tugas. Kajian ini turut mengkaji perbezaan tahap literasi TMK antara pengurus sekolah menengah dengan pengurus sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan semua pengurus-pengurus sekolah yang dikaji mempunyai tahap kemahiran asas komputer pada tahap sederhana pada min 2.76 dengan sisihan piaawai 0.51. Hasil kajian juga mendapati tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah adalah tinggi dengan purata min 3.06 dengan sisihan piaawai 0.42. Aktiviti TMK yang menunjukkan kadar penggunaan tinggi termasuklah mencari maklumat di Internet, mengunjungi laman web, memantau laman web dan blog sekolah dan menggunakan e-mel sebagai saluran komunikasi. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah mempunyai hubungan yang lemah dengan kemahiran asas komputer pengurus sekolah. Ini dapat difahami dalam bidang pendidikan di Malaysia, di mana penggunaan TMK merupakan satu keperluan dalam melaksanakan tugas harian*

*pengurus sekolah tanpa mengira kemahiran mereka menggunakan teknologi berkenaan. Akhir sekali kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan ketara antara tahap literasi TMK pengurus sekolah rendah dengan pengurus sekolah menengah. Kesimpulan kajian yang boleh di buat adalah walaupun dapatan kajian menunjukkan kemahiran komputer mereka pada tahap sederhana namun keperluan tugas menyebabkan mereka banyak menggunakan TMK dalam tugas sehari-hari tanpa mengira samada mereka mengurus sekolah pada peringkat rendah atau peringkat menengah.*

*Kata kunci:* Literasi TMK, Teknologi maklumat, pengurus sekolah

## PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah mensasarkan status negara maju menjelang 2020. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi merealisasikan masyarakat celik komputer dan generasi progresif mengikut acuan sendiri berteraskan Falsafah Pendidikan Negara. Inisiatif pelaksanaan Sekolah Bestari menjadi bukti bahawa kerajaan bertekad untuk melahirkan warga Malaysia yang celik TMK, kreatif dan inovatif serta berupaya bersaing dalam ekonomi berdasarkan pengetahuan.

SchoolNet telah dilancarkan pada tahun 2003 sebagai usaha untuk merangkaikan semua sekolah di Malaysia dengan akses internet. Setelah tujuh tahun pelaksanaannya, Boston Consulting Group (BCG) telah diminta membuat penilaian ke atas pelaksanaan SchoolNet dan seterusnya memberikan cadangan tentang peranan TMK dalam pendidikan. Berdasarkan laporan penilaian tersebut, BCG mencadangkan agar TMK digunakan sepenuhnya dalam PdP dan pengurusan sekolah menjelang tahun 2015. Semua pemimpin sekolah diharap dapat menggunakan sekurang-kurangnya satu aplikasi berasaskan TMK bagi pengurusan dan pentadbiran sekolah. BCG juga mencadangkan agar kerajaan memastikan semua pemimpin sekolah celik TMK. Turut dicadangkan kompetensi TMK dijadikan salah satu kriteria dalam pemilihan pemimpin sekolah baru (Laporan BCG 2011).

Dengan ini pemimpin sekolah harus mempunyai kompetensi TMK yang cukup untuk membudayakan PdP dan pengurusan sekolah yang berkesan berasaskan teknologi semasa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kemahiran asas komputer dan amalan penggunaan TMK dalam kalangan pengurus sekolah di negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

### Penyataan masalah

Jabatan Aplikasi Komputer Dalam Pendidikan (JAKDP), Institut Aminuddin Baki menawarkan tiga Kursus berasaskan TMK iaitu:

- a. Pengurusan Projek
- b. Pengurusan Berkesan Melalui Aplikasi Komputer
- c. Penghasilan Bahan Persembahan Berkesan

Ketiga-tiga kursus ini melibatkan aktiviti-aktiviti *hands-on* yang banyak dengan tujuan memastikan pemimpin sekolah bukan sahaja mempunyai kemahiran konseptual yang tinggi tetapi juga kemahiran teknikal yang cukup untuk menghayati keberkesanan aplikasi TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Berdasarkan pemerhatian semasa kursus dilaksanakan, masih terdapat pemimpin sekolah yang tidak mempunyai kemahiran asas TMK yang memuaskan. Dalam hampir semua sesi latihan yang telah dijalankan, didapati tidak semua aktiviti-aktiviti yang dirancang dapat disempurnakan kerana sebahagian masa perlu diluangkan untuk membantu peserta menguasai kemahiran TMK yang asas. Hakikat ini digambarkan dengan jelas dalam maklum balas peserta (Borang BK9) di mana ramai peserta telah mencadangkan agar masa yang lebih perlu diperuntukkan.

Berasaskan pemerhatian ini, Jabatan Aplikasi Komputer dalam Pendidikan (JAKDP) berpendapat adalah perlu satu kajian dilaksanakan untuk menentukan secara objektif tahap sebenar kemahiran asas komputer pengurus sekolah dan juga tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ini bagi memastikan kursus yang dikendalikan oleh JAKDP sentiasa relevan dan dapat meningkatkan kemahiran pengurus sekolah dalam pengurusan sekolah.

Selain daripada itu, JAKDP ingin melihat hubung kait di antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan sekolah mereka serta mengkaji sama ada terdapat perbezaan tahap literasi TMK di antara pengurus sekolah rendah dengan pengurus sekolah menengah.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini perlu dijalankan untuk menentukan sama ada isi kandungan, pendekatan dan penyampaian kursus-kursus anjuran Jabatan Aplikasi Komputer Dalam Pendidikan (JAKDP) perlu diubah suai untuk memastikan setiap sesi kursus dirancang mengikut tahap kemahiran kumpulan sasaran yang tepat.

Jika perlu, Kursus Literasi TMK Untuk Pemimpin Sekolah dicadangkan supaya ditawarkan semula kepada pengurus-pengurus sekolah di Zon Tengah yang terdiri daripada negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Dapatan kajian juga dapat menentukan secara objektif sama ada isi kandungan dan aktiviti kursus yang berbeza perlu disediakan untuk pengurus sekolah rendah dan pengurus sekolah menengah. Buat masa ini, Rancangan Sesi Penyampaian dan Nota Sesi Penyampaian kursus yang sama digunakan untuk kedua-dua kumpulan sasaran.

Memandangkan Dasar TMK Dalam Pendidikan Malaysia menekankan amalan penerapan penggunaan TMK dalam pengurusan sekolah maka adalah wajar satu kajian dibuat untuk menentukan hubung kait di antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah khususnya dalam aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah.

### **Tujuan kajian**

Untuk menentukan tahap kemahiran asas komputer dan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah di negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti tahap kemahiran asas komputer dalam kalangan pengurus sekolah.
2. Mengenal pasti tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.
3. Mengkaji hubung kait antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.
4. Mengkaji samada terdapat perbezaan tahap literasi TMK antara pengurus sekolah rendah dan menengah.

### **Persoalan kajian**

1. Apakah tahap kemahiran asas komputer dalam kalangan pengurus sekolah?
2. Apakah tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah?
3. Adakah hubung kait antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah?
4. Adakah terdapat terdapat perbezaan tahap literasi TMK antara pengurus sekolah rendah dan menengah?

### **Skop kajian/Batasan Kajian**

Kajian akan dijalankan dengan batasan-batasan yang mampu dilakukan oleh penyelidik meliputi soal kewangan, masa dan keupayaan.

Kajian ini merupakan suatu tinjauan tentang tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan pengurus sekolah di lima buah negeri sahaja dalam Semenanjung Malaysia iaitu negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Di atas faktor penjmian kos, sampel di ambil dari kalangan pengurus sekolah yang datang berkursus di Institut Aminuddin Baki.

Kejituhan hasil penyelidikan ini bergantung kepada kefahaman responden ketika menjawab item-item yang terkandung di dalam soal selidek yang dijadikan instrumen di dalam penyelidikan ini.

### **Definisi operasional kajian**

Menurut kamus dewan Edisi ke 4 (2005), literasi komputer bermaksud tahu menggunakan dan mengendalikan komputer. Manakala Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bermaksud teknologi yang berkaitan dengan pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi.

Literasi TMK pula adalah kebolehan menggunakan teknologi digital, alat komunikasi, rangkaian untuk mengakses, mengurus, mengintegrasikan, menilai dan membina maklumat supaya berupaya berfungsi dalam masyarakat berilmu ('Digital Transformation – A Framework for ICT Literacy' (O'Connor B et al, 2002:2)

Oleh itu, di dalam kajian ini, penyelidik menetapkan bahawa tahap literasi TMK ditentukan oleh dua perkara iaitu tahap kemahiran asas komputer dalam kalangan pengurus sekolah dan tahap penggunaan TMK oleh pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Pengurus pula ditakrifkan sebagai orang yang menjalankan pengurusan (Kamus Dewan Edisi ke 4). Maka di dalam kajian ini, pengurus sekolah adalah termasuk pengetua, gurubesar dan guru penolong kanan sekolah.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian oleh Jabatan Aplikasi Komputer dan Jabatan Kurikulum & ko kurikulum IAB Utara (2009), dalam kalangan guru-guru serta kumpulan pentadbir Sekolah Menengah Sin Min Sungai Petani mendapati bahawa sikap guru dan pemimpin sekolah adalah penting dalam proses meningkatkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran serta urusan pentadbiran sekolah. Sikap positif adalah penting dalam membentuk budaya penggunaan dan implementasi ICT di sekolah. Kebanyakan responden menyatakan kemudahan peralatan ICT yang mencukupi serta boleh digunakan merupakan faktor yang penting dan utama dalam mewujudkan suasana dan budaya penggunaan ICT di sekolah. Kajian kes ini juga menunjukkan pengaruh dan kesungguhan pemimpin menggalakkan penggunaan ICT di kalangan staf dalam proses pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Mooij dan Smeet (2001), dalam kajian oleh Zamri Abu Bakar (et.al) mencadangkan bahawa di antara perkara yang boleh menyumbang ke arah peningkatan pembangunan dan penggunaan ICT di sekolah ialah peranan pihak pengurusan dan kepimpinan sekolah itu sendiri. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang proaktif terhadap penggunaan ICT memberi impak yang besar terhadap kesediaan guru dan pelajar untuk menggunakan ICT dalam pengajaran, pembelajaran dan juga aspek pengurusan sekolah.

Kajian oleh Mohd Izham dan Norazah (2008) bertajuk “Peranan Pentadbir Dalam Proses Perubahan Terancang : Integrasi ICT dan Pedagogi dalam Pengajaran Pembelajaran mendapatkan bahawa :

- (i) Peranan pentadbir sangat besar untuk memastikan segala perancangan terlaksana seperti mana yang telah dirancang.
- (ii) Perubahan pendekatan pengajaran guru daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan berasaskan ICT
- (iii) Perubahan kepada teknik dan strategi pembelajaran yang pelbagai seperti kolaboratif, penyelesaian masalah, akses kepada internet dan sebagainya.

Sikap juga merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pelbagai program yang berkaitan dengan komputer dalam pendidikan. Penyelidikan Zahri Aziz (1992) mengenai persepsi terhadap penggunaan komputer dalam kalangan pegawai-pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah di tiga daerah di Perak (Larut, Matang, Selama) menunjukkan bahawa faktor sikap memainkan peranan penting terhadap kejayaan pelaksanaan aplikasi komputer dalam sesebuah organisasi. Penyelidikan mengenai perlaksanaan Computer Assisted School Administration (CASA) di sekolah-sekolah berasrama penuh di negeri Kedah Darul Aman oleh Muhammad Zaini (dalam Ahmad Rafee Che Kassim, 1996) juga telah membuktikan sikap merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan CASA.

Banyak kajian juga telah dijalankan di luar negara tentang sejauh mana penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran sekolah dalam kalangan pengetua-pengetua sekolah. Di antaranya merupakan kajian oleh Silmair (1982) yang mendapat bahawa penggunaan mikro komputer dalam pentadbiran boleh menjimat masa. Kajian dibuat oleh ke atas dua buah sekolah menengah di daerah Victoria, Columbia British melalui penggunaan beberapa program seperti:

- (i) Pakej Pentadbir Apple atau *the Administrator's Apple Package*.
- (ii) Program Jadual Kedatangan Kelas atau *The Classroom Attendance Program*.
- (iii) Program Penjadualan atau *The Scheduling Program*.

Hasil penyelidikan oleh Dupagne dan Krendi (1992) mendapat bahawa secara keseluruhannya guru-guru menunjukkan sikap yang positif terhadap sebarang program pengimplementasian komputer sama ada di dalam bilik darjah atau kurikulum. Namun begitu, dapatan penyelidikan menunjukkan yang majoriti guru masih ragu-ragu terhadap (a) keupayaan infrastuktur, khususnya merangkumi perkakasan dan perisian komputer dan (b) kekurangan pengendalian kursus oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Dalam memperkatakan tentang kandungan latihan yang berkesan, tinjauan literatur oleh Parker (dalam Gilmore, 1998) menunjukkan bahawa kandungan latihan teknologi maklumat mestilah mengandungi bidang-bidang peningkatan keupayaan penggunaan komputer untuk kegunaan peribadi. Empat bidang penggunaan komputer untuk kegunaan

peribadi yang dikenal pasti ialah perisian pemprosesan perkataan, hamparan elektronik, carian internet dan mel elektronik.

Rohana Abdul Rahman (1995) dalam kajiannya mendapati guru-guru bersikap positif terhadap penggunaan komputer dalam pentadbiran. Ini adalah selaras dengan dapatan kajian oleh Mustafa Sidi (1995) yang melaporkan majoriti pentadbir sekolah menengah daerah Kuantan bersikap positif terhadap penggunaan komputer untuk pentadbiran. Wan Hasmah Laili Wan Jusof (2003) mengkaji sikap pelajar kolej terhadap komputer dan dapatan kajiannya menunjukkan pelajar kelas atas iaitu yang umurnya lebih tua mempunyai sikap yang lebih positif terhadap penggunaan komputer berbanding dengan pelajar kelas bawah yang lebih muda.

Penyelidikan Muhamad Hasan bin Abdul Rahman dan Yeong Weng Fatt (2001a & 2001b) pula menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan komputer dan internet, namun seperkara yang menarik daripada dapatan penyelidikan tersebut ialah 91 responden (76.4%) daripada 122 berpandangan bahawa penggunaan internet mengurangkan produktiviti kerja. Apa yang dapat diimplikasikan daripada dapatan tersebut ialah tahap kemahiran yang rendah menyebabkan pengguna tidak cekap, sukar dan banyak membuang masa semasa menggunakan internet. Dapatan tersebut juga berkemungkinan dipengaruhi oleh kesukaran mengakses internet dan talian internet yang kerap terputus.

Mengikut Mohamad Khairuddin Abdullah (1999), penggunaan komputer dalam tugas-tugas pengurusan pentadbiran di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah pula adalah atas kesedaran dan inisiatif pihak pengurusan sekolah itu sendiri. Sehingga kajian beliau dibuat tiada arahan atau peraturan khusus yang mewajibkan penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran sekolah di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah. Ong Choon Sooi & Others (1995), mendapati bahawa komunikasi maklumat yang berkesan dan tepat antara sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia di pusat bukan sahaja dijangka akan mempunyai kesan transformasi atau mengubah organisasi pendidikan malah juga akan mempengaruhi hala tuju pembangunan serta peningkatan keberkesanan organisasi berkenaan. Maka itu dalam dunia pendidikan hari ini peranan komputer dalam pengurusan sekolah tidak boleh dinafikan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan pendekatan tinjauan bagi aktiviti pengumpulan maklumat daripada pemimpin sekolah. Dalam kajian ini, tahap literasi TMK pengurus sekolah telah ditinjau untuk mengumpul maklumat yang tepat mengenai literasi TMK pengurus sekolah berdasarkan dua aspek iaitu tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dan tahap amalan penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Kajian ini juga meninjau latarbelakang responden seperti umur, jantina, jawatan, gred jawatan dan tahap latihan TMK yang diikuti.

Data yang diperolehi daripada soal selidik telah diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 18.5 for Windows)*. Jenis statistik yang digunakan dalam analisis data ialah statistik deskriptif seperti min, sisan piawai, kekerapan, peratusan dan juga statistik inferensi seperti Ujian-t dan Korelasi Spearman.

### **Populasi Dan Sampel**

Populasi kajian adalah pengurus sekolah yang terdiri daripada pengetua, guru besar dan guru penolong kanan di lima negeri yang berhampiran dengan tempat bertugas penyelidik iaitu negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sampel kajian ini terdiri daripada 200 orang pengurus sekolah dari lima buah negeri di atas yang berkursus di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. Jenis persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Instrumen kajian telah ditadbirkan selama 30 minit di dalam bilik kuliah dan kesemua instrumen telah dikutip kembali.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat serta meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel tanpa dipengaruhi oleh gerak laku pengkaji.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Soal Selidik Literasi TMK Pemimpin Sekolah. Pembinaan instrumen ini adalah berpandukan kepada kemahiran asas TMK yang dikenal pasti daripada senarai semak *Computer Skills Checklist* yang terkandung dalam *Adult Basic Skills Program yang dibangunkan oleh Department of Community Colleges and Workforce Development*, Oregon, Amerika Syarikat. Instrumen ini telah diubah suai mengikut keadaan dan tujuan kajian ini.

Set soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian meliputi Bahagian A bagi maklumat demografi, Bahagian B bagi aspek tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dan Bahagian C bagi aspek tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden iaitu umur, jantina, jawatan gred jawatan dan latihan TMK yang pernah diikuti oleh responden.

Bahagian B mengandungi 10 item berkaitan tahap kemahiran asas komputer merangkumi operasi asas komputer, mencetak, senggaraan komputer, pemerosesan kata, persempahan elektronik, hamparan elektronik dan pangkalan data. Jadual 1 menunjukkan agihan item mengikut aspek yang dikaji.

**Jadual 1: Agihan Item Mengikut Aspek Kemahiran Asas Komputer**

<b>Aspek</b>	<b>Item</b>
Operasi asas komputer	1, 2
Mencetak	3
Senggaraan komputer	4, 8
Pemerosesan kata	5
Hamparan elektronik	6, 9
Persembahan elektronik	7
Pangkalan data	10

Bahagian C mengandungi 12 item berkaitan aspek tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Bahagian ini merangkumi aspek telekomunikasi, penggunaan emel, penglibatan dalam laman sosial, pelayaran web dan penyelidikan dalam talian.

**Jadual 2: Agihan Item Mengikut Aspek Tahap Penggunaan TMK**

<b>Aspek</b>	<b>Item</b>
Telekomunikasi	1
Penggunaan e-mel	2, 4, 5
Penglibatan laman sosial	3, 9, 10
Pelayaran web	6, 7
Penyelidikan dalam talian	8, 11, 12

Ke semua item dalam Bahagian B dan C dikaji dengan menggunakan skala Likert empat mata. Bagi meninjau tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah, skala yang digunakan ialah 1:Sangat Tidak Mahir, 2:Tidak Mahir, 3:Mahir, 4:Sangat Mahir. Manakala bagi meninjau tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah, skala yang digunakan ialah 1:Sangat Tidak Setuju, 2:Tidak Setuju, 3:Setuju, 4:Sangat Setuju. Interpretasi atau julat skor adalah seperti berikut;

**Jadual 3: Interpretasi/julat skor**

<b>Julat</b>	<b>Tahap penggunaan</b>
1.0-2.0	Rendah
2.1-3.0	Sederhana
3.1-4.0	Tinggi.

### **Kajian Rintis**

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, satu kajian rintis telah dijalankan dan instrumen kajian telah ditadbir kepada 20 orang pengurus sekolah yang sedang berkursus di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang. Analisis tahap

kebolehpercayaan soal selidik telah dijalankan dengan menggunakan ujian *Cronbach Alpha* bagi menunjukkan kesesuaian hubungan item ke item sebagai satu set soalan. Instrumen yang mencapai nilai kebolehpercayaan alpha melebihi 0.6 mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd. Salleh & Zaidatun, 2002). Nilai *Cronbach Alpha* yang tinggi menunjukkan item kajian boleh diterima dan tidak perlu ditukar dengan item lain. Hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan, nilai kebolehpercayaan bagi purata keseluruhan item kajian adalah 0.9341. Nilai alpha ini membawa maksud instrumen kajian yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Analisis Profil Responden Kajian**

Bilangan pengurus sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 200 orang, tetapi bilangan borang soal selidik kajian yang lengkap diisi adalah 197 iaitu; 122 (61.93%) terdiri daripada pengurus sekolah rendah dan 75 (38.07%) daripada pengurus sekolah menengah. Agihan responden kajian mengikut jawatan dan tahap sekolah yang terperinci adalah seperti dalam jadual 4 dibawah. Secara keseluruhan, pecahan peratusan responden mengikut jawatan ialah 14.21% terdiri daripada pengetua, 47.56% adalah guru besar dan yang baki 48.22% merupakan penolong kanan. Sungguhpun demikian, lebih daripada 60% responden di peringkat sekolah rendah adalah guru besar manakala keadaan sebaliknya diperhatikan di peringkat sekolah menengah iaitu lebih daripada 60% responden adalah penolong kanan.

**Jadual 4: Agihan Responden Mengikut Jawatan dan Tahap Sekolah**

<b>Jawatan</b>	<b>Sekolah Rendah</b>		<b>Sekolah Menengah</b>	
	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Pengetua	-	-	28	37.33%
Guru Besar	74	60.66%	-	-
Penolong Kanan	48	39.34%	47	62.67%
Jumlah	122	100.00%	75	100%

Bilangan pengurus sekolah yang berumur di antara 40 tahun dan 51 tahun adalah seramai 84 orang (42.64%) manakala mereka yang berumur 51 tahun dan ke atas adalah seramai 103 orang (52.28%). Bilangan pengurus sekolah yang berumur 40 tahun dan ke bawah hanya seramai 10 orang (5.08%). Agihan bilangan responden yang terperinci mengikut umur adalah seperti dalam Jadual 5.

Dari pemerhatian agihan umur responden kajian, boleh dikatakan bahawa responden kajian dapat dikumpulkan kepada dua kumpulan besar iaitu kumpulan yang terdiri daripada pengurus sekolah yang berumur 50 tahun ke bawah dan kumpulan kedua terdiri daripada mereka yang berumur 51 tahun ke atas. Misalnya di peringkat sekolah rendah, 49.10%

pengurus sekolah adalah berumur 50 tahun ke bawah dan 45.90% adalah berumur 51 tahun ke atas. Di peringkat sekolah menengah pula, 57.30% adalah berumur 50 tahun ke bawah dan 52.70% adalah berumur 51 tahun ke atas.

**Jadual 5: Agihan Bilangan Responden Mengikut Umur**

<b>Umur</b>	<b>Sekolah Rendah</b>		<b>Sekolah Menengah</b>	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang 36 tahun	3	2.50%	0	0.00%
36 - 40 tahun	6	4.90%	1	1.30%
41 - 45 tahun	19	15.60%	5	6.70%
46 - 50 tahun	23	18.90%	37	49.30%
51 - 55 tahun	56	45.90%	29	38.70%
Lebih 55 tahun	15	12.30%	3	4.00%
Jumlah	122	100.00%	75	100.0%

Dari segi latihan TMK, analisis responden kajian yang terperinci adalah seperti dalam Jadual 6. Sebahagian besar daripada responden iaitu sebanyak 58.20% pengurus sekolah rendah dan 65.30% pengurus sekolah menengah telah menerima latihan formal jangka pendek yang dianjurkan oleh KPM atau pihak swasta. Sebanyak 31.00% pengurus sekolah rendah dan 25.40% pengurus sekolah menengah berijazah TMK atau telah berpeluang mengikuti kursus jangka panjang hingga mendapat pensijilan. Hanya kurang daripada 20% daripada pengurus sekolah rendah dan menengah yang tidak pernah mengikuti sebarang kursus TMK sejak menyandang jawatan masing-masing.

**Jadual 6: Agihan Bilangan Responden Yang Mengikuti Kursus TMK**

<b>Latihan TMK Yang Diikuti</b>	<b>Sekolah Rendah</b>		<b>Sekolah Menengah</b>	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ijazah	6	4.90%	1	1.30%
Diploma	2	1.60%	1	1.30%
Sijil	23	18.90%	10	13.30%
Kursus jangka pendek	71	58.20%	49	65.30%
Tidak pernah mengikuti kursus	20	16.40%	14	18.70%
Jumlah	122	100.00%	75	100.00%

#### **Analisis tahap kemahiran asas komputer dalam kalangan pengurus sekolah**

Min keseluruhan kemahiran asas komputer responden dikira berdasarkan min purata sepuluh item yang mengukur kemahiran asas komputer pengurus sekolah seperti yang terpapar dalam Jadual 7 di bawah. Nilai min keseluruhan kemahiran asas komputer bernilai 2.76 dan sisihan piawai 0.51, menunjukkan bahawa pengurus-pengurus sekolah dalam sampel kajian mempunyai kemahiran asas komputer di tahap sederhana.

Analisis kemahiran responden yang lebih terperinci menunjukkan bahawa tujuh item kemahiran asas komputer yang merangkumi bidang utama seperti menggunakan aplikasi komputer, pengendalian tugasas asas sistem operasi komputer dan mengurus data dan maklumat elektronik berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min dalam julat antara 2.56 dan 2.91. Terdapat dua item kemahiran asas komputer yang telah dikuasai dengan agak baik oleh responden iaitu kemahiran mengguna aplikasi pemprosesan perkataan dan memahami operasi asas cetakan dengan nilai min sedikit melebihi 3.00. Sebaliknya kemahiran asas komputer yang terendah diperolehi dengan min 2.17 dan sisihan piawai 0.77 ialah kemahiran menyelenggara sendiri komputer.

**Jadual 7: Min dan Sisihan Piawai Item-item Yang Mengukur Tahap Kemahiran Asas Komputer**

Bil	Kemahiran TMK	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
1	Sambung kabel	2.66	0.74	Sederhana
2	Kenalpasti kapasiti storan	2.56	0.74	Sederhana
3	Faham operasi asas cetakan	3.05	0.61	Tinggi
4	Guna aplikasi anti virus	2.74	0.72	Sederhana
5	Guna aplikasi pemproses perkataan	3.26	0.60	Tinggi
6	Guna aplikasi hamparan elektronik	2.75	0.73	Sederhana
7	Guna aplikasi persempahan elektronik	2.91	0.69	Sederhana
8	Selenggara sendiri komputer	2.17	0.77	Sederhana
9	Guna maklumat hamparan elektronik	2.70	0.65	Sederhana
10	Guna data sistem/aplikasi	2.76	0.67	Sederhana
<b>Min Keseluruhan Kemahiran Asas Komputer</b>		<b>2.76</b>	<b>0.51</b>	<b>Sederhana</b>

#### **Analisis tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah**

Sepertimana pentafsiran kemahiran asas komputer pengurus sekolah di atas, dua belas item tahap penggunaan TMK di sekolah telah diambil kira dalam penentuan tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Min dan sisihan piawai untuk dua belas item tersebut adalah seperti dalam jadual 8 di bawah. Min keseluruhan tahap penggunaan TMK di sekolah yang bernilai 3.06 dengan sisihan piawai 0.42 menunjukkan bahawa tahap penggunaan TMK yang agak tinggi dalam pengurusan dan pentadbiran di sekolah-sekolah responden kajian.

Secara terperinci, antara dua belas item tahap penggunaan TMK yang telah dikaji, didapati hanya empat item yang merekodkan nilai min yang sederhana iaitu kurang daripada 3.00. Kebanyakan item ini melibatkan aktiviti-aktiviti pengurusan rasmi sekolah dengan penggunaan teknologi web atau Internet seperti penggunaan laman sosial untuk perkongsian maklumat ( $\text{min}=2.92$ , sisihan piawai=0.67), memberi arahan rasmi melalui emel/laman web ( $\text{min}=2.69$ , sisihan piawai=0.74), mempunyai blog sekolah yang sentiasa

dikemaskini ( $\text{min}=2.59$ , sisihan piawai=0.83) dan aktif dalam forum mengenai isu-isu pendidikan di Internet ( $\text{min}=2.57$ , sisihan piawai=0.77).

Lapan item kajian yang lain menunjukkan tahap penggunaan yang tinggi iaitu dengan nilai min melebihi 3.00. Antara item-item ini, tahap penggunaan emel dalam kalangan warga sekolah responden mencatat penggunaan yang tinggi, iaitu penggunaan emel untuk komunikasi rasmi ( $\text{min}=3.08$ , sisihan piawai=0.60) dan guru-guru ada akaun emel rasmi ( $\text{min}=3.10$ , sisihan piawai=0.69).

**Jadual 8: Min dan Sisihan Piawai Item-item Yang Mengukur Tahap Penggunaan TMK**

Bil	Tahap Penggunaan TMK Untuk Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah	Min	Sisihan Piawai
1	Guna TMK dalam tugas-harian	3.30	0.56
2	Guna emel untuk komunikasi rasmi	3.08	0.60
3	Guna laman sosial untuk perkongsian maklumat	2.92	0.67
4	Arahan rasmi melalui emel/laman web	2.69	0.74
5	Guru-guru ada akaun emel rasmi	3.10	0.69
6	Pantau laman web/blog sekolah	3.10	0.69
7	Kunjungi laman-laman web	3.39	0.56
8	Cari maklumat di Internet	3.56	0.53
9	Blog sekolah yang dikemaskini	2.59	0.83
10	Aktif dalam forum mengenai isu-isu pendidikan di Internet	2.57	0.77
11	Menyaring maklumat di internet	3.24	0.63
12	Banding beza sumber dan tentukan kesahihan maklumat	3.16	0.65
<b>Min Keseluruhan Tahap Penggunaan TMK</b>		<b>3.06</b>	<b>0.42</b>

#### **Analisis hubung kait di antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.**

Dalam usaha menentukan sama ada terdapat hubung kait di antara tahap kemahiran asas komputer dengan tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah, satu kajian korelasi antara dua dimensi iaitu tahap kemahiran asas komputer dan tahap penggunaan TMK dilaksanakan. Keputusan ujian Kolmogorov-Smirnova (K-S) seperti yang terdapat dalam Jadual 9 menunjukkan bahawa kedua-dua set data dimensi tidak tertabur secara normal kerana nilai sig yang ketara (*significant*) iaitu kedua-dua nilai Sig kurang 0.05.

**Jadual 9: Keputusan Ujian K-S**

Ujian Normality	Kolmogorov-Smirnova		
	Statistic	Df	Sig.
Tahap Kemahiran Asas Komputer	.097	197	.000
Tahap Penggunaan TMK	.085	197	.001
<i>A Lilliefors Significant Correction</i>			

Oleh kerana dua set data dimensi di atas adalah tidak tertabur secara normal, ujian yang sesuai dijalankan untuk mengkaji hubung kait tersebut di atas ialah ujian korelasi *Spearman*. Hasil *output* ujian *Spearman* bagi *one-tailed* adalah seperti di dalam Jadual 10. Ujian one-tailed dipilih kerana dijangka bahawa terdapat hubung kait antara dua dimensi pada permulaan kajian (Field, 2005, p.129).

Didapati bahawa terdapat satu korelasi positif antara tahap kemahiran asas komputer ( $\text{min}=2.76$ , sisihan piawai=0.51) dengan tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran ( $\text{min}=3.06$ , sisihan piawai=0.42) bagi sekolah-sekolah responden yang dikaji, dengan nilai Spearman's rho,  $r_s(197) = .390$ ,  $p < .05$ .

**Jadual 10: Keputusan Ujian Korelasi Spearman**

Korelasi			Tahap Kemahiran Asas Komputer	Tahap Penggunaan TMK
Spearman's rho	Tahap Kemahiran Asas Komputer	<i>Correlation Coefficient</i>	1.000	.390**
		<i>Sig. (1-tailed)</i>	.	.000
		<i>N</i>	197	197
	Tahap Penggunaan TMK	<i>Correlation Coefficient</i>	.000	.
		<i>Sig. (1-tailed)</i>	197	197
		<i>N</i>		
**. Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).				

#### **Analisis perbezaan tahap literasi TMK di antara pengurus sekolah rendah dan menengah**

Dalam menilai tahap literasi TMK pengurus sekolah rendah dan menengah, kesemua 22 item dalam tahap kemahiran asas komputer serta tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran diambil kira. Nilai min dan sisihan piawai tahap literasi TMK pengurus sekolah rendah dan menengah sekolah responden adalah seperti di dalam Jadual 11.

**Jadual 11: Min dan Sisihan Piawai Tahap Literasi TMK Pengurus Sekolah Rendah dan Menengah**

	Peringkat sekolah	N	Min	Sisihan Piawai
Tahap Literasi TMK	Rendah	122	2.9430	.36107
	Menengah	75	2.8836	.42746

Ujian-t tak bersandar telah dijalankan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan yang ketara antara tahap literasi pengurus sekolah rendah dengan pengurus sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini.

Hasil output ujian tersebut adalah seperti dalam Jadual 12 Nilai  $\text{sig}(2\text{-tailed}) = .298$  yang diperolehi adalah lebih besar daripada nilai  $.05$ ; dan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan ketara di antara nilai min tahap literasi TMK dua kumpulan yang dikaji. Secara keseluruhan tahap literasi TMK pengurus sekolah rendah ( $\text{min}=2.94$ , sisihan piawai= $0.36$ ) tidak berbeza secara ketara dengan tahap literasi TMK pengurus sekolah menengah ( $\text{min}=2.88$ , sisihan piawai= $0.43$ ,  $t(197) = 1.044$ ,  $p < .05$ )

**Jadual 12: Keputusan Ujian-t Tahap Literasi TMK Antara Pengurus Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah**

Independent Samples Test							
		Levene's Test for Equality of Variances	t-test for Equality of Means				Mean Difference
			F	Sig.	T	Df	
Tahap Literasi TMK	Equal variances assumed	3.170	.077	1.044	195	.298	.05936
	Equal variances not assumed			1.003	137.030	.318	.05936

## Kesimpulan

Hasil analisis data menunjukkan hampir 50% pengurus sekolah rendah dan menengah berumur kurang daripada 50 tahun. Kajian juga mendapati lebih 80% responden telah mengikuti kursus TMK jangka masa pendek atau jangka masa panjang anjuran KPM atau pihak swasta.

Secara keseluruhan, kemahiran asas komputer pengurus sekolah berada di tahap sederhana. Sungguhpun begitu, dari segi penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah, hasil analisis data mencatatkan tahap yang tinggi.

Kajian ke atas hubung kait di antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah menunjukkan terdapat satu korelasi positif tetapi sederhana rendah.

Seterusnya, analisis ke atas tahap literasi TMK menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan literasi TMK yang besar di antara dua kumpulan responden iaitu pengurus sekolah rendah dengan pengurus sekolah menengah di mana mereka mempunyai tahap literasi TMK yang hampir sama.

## RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

### Rumusan Kajian

Bagi soalan kajian pertama tentang tahap kemahiran asas komputer dalam kalangan pengurus sekolah, dapatkan kajian menunjukkan semua pengurus sekolah yang dikaji mempunyai kemahiran asas komputer pada tahap sederhana iaitu pada skor min 2.76. Kenyataan ini disokong oleh data demografi yang menunjukkan 83.6% pengurus sekolah rendah pernah mengikuti kursus komputer jangka pendek dan kursus jangka panjang di peringkat diploma dan ijazah dalam bidang TMK.

Manakala dalam kalangan pengurus sekolah menengah pula, 81.2% responden pernah mengikuti pelbagai kursus komputer termasuklah seorang yang mempunyai ijazah dalam bidang komputer dan seorang lagi mempunyai diploma dalam bidang komputer.

Dapatkan kajian mencatatkan skor yang tinggi bagi item menggunakan aplikasi pemprosesan perkataan (min = 3.26) dan memahami operasi asas cetakan (min = 3.05). Ini menunjukkan pengurus sekolah mahir dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan pemprosesan perkataan dan cetakan hasil kerja. Dapatkan kajian juga mendapati kemahiran menggunakan aplikasi persembahan elektronik juga agak tinggi pada min 2.91 diikuti min 2.75 bagi item menggunakan aplikasi hamparan elektronik. Perbandingan antara ketiga-tiga min menunjukkan pengurus sekolah mempunyai kemahiran paling rendah dalam aplikasi hamparan elektronik.

Kajian mendapati kemahiran asas komputer dengan min yang paling rendah adalah kemahiran menyenggara komputer iaitu 2.17. Perkara ini adalah lumrah kerana komputer di sekolah disenggara oleh juruteknik atau guru Penyelaras ICT.

Soalan kajian yang kedua membincangkan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Dapatkan kajian mengenai penggunaan TMK dengan purata min 3.06 yang tinggi menunjukkan pengurus sekolah yang dikaji kerap menggunakan TMK dalam melaksanakan tugas harian.

Kajian tentang tahap penggunaan TMK mendapati skor yang tertinggi merangkumi aktiviti mencari maklumat di Internet (min=3.56). Pemerhatian ini menunjukkan pengurus sekolah mahir mencari maklumat di Internet. Responden juga mampu memantau laman web dan blog sekolah dan menggunakan e-mel sebagai saluran komunikasi. Mereka juga menggunakan laman web untuk membanding beza sumber bagi menentukan

kesahihan sesuatu maklumat. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengurus sekolah mahir dan bersedia untuk menggunakan aplikasi-aplikasi komputer yang berasaskan web seperti pengurusan pembelajaran maya dan sistem pengurusan sekolah. Rumusan bagi soalan kajian ketiga adalah untuk mengenal pasti hubung kait antara tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan apabila dikaitkan tahap kemahiran asas komputer pengurus sekolah dengan tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan TMK dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah **tidak bergantung** secara kuat terhadap kemahiran asas komputer pengurus sekolah. Ini dapat difahami dalam bidang pendidikan di Malaysia, penggunaan TMK merupakan satu keperluan dalam melaksanakan tugas harian pengurus sekolah tanpa mengira kemahiran mereka menggunakan teknologi berkenaan. Soalan kajian yang ke empat menyelidik tentang perbezaan tahap kemahiran asas komputer antara pengurus sekolah rendah dan sekolah menengah Hasil analisis deskriptif yang dibuat menunjukkan tahap literasi TMK pengurus sekolah rendah dan pengurus sekolah menengah berada pada tahap sederhana. Dapatan juga menunjukkan tiada perbezaan ketara antara tahap literasi TMK pengurus sekolah rendah dengan pengurus sekolah menengah. Berdasar dapatan kajian ini, Institut Aminuddin Baki boleh menawarkan kursus-kursus TMK kepada kedua-dua kumpulan pengurus sekolah rendah dan sekolah menengah dengan menggunakan modul yang sama.

### **Implikasi dan Cadangan**

Dapatan kajian telah dirumuskan pemimpin sekolah rendah dan pemimpin sekolah menengah telah mempunyai kemahiran asas komputer pada tahap sederhana. Adalah dicadangkan Institut Aminuddin Baki boleh terus menawarkan kursus aplikasi komputer untuk pengurus sekolah seperti yang diamalkan.

Kajian ini juga mengesyorkan Institut Aminuddin Baki mengurangkan penawaran kursus-kursus asas TMK sebaliknya memberi tumpuan kepada kursus-kursus TMK pada tahap pertengahan dan lanjutan.

Dapatan kajian tentang tahap literasi TMK yang tinggi dalam kalangan pengurus sekolah menunjukkan kesediaan pemimpin sekolah untuk melaksanakan tugas-tugas berasaskan TMK yang lebih mencabar. Sehubungan itu Institut Aminuddin Baki boleh membangunkan kursus-kursus TMK yang boleh digunakan untuk meningkatkan prestasi pengurusan sekolah. Ini termasuklah peranan pengurus sekolah terutamanya dalam penyampaian instruksional. Ini selaras dengan implementasi perkhidmatan 1Bestari.net Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi fokus kepada Persekutuan Pembelajaran Maya.

Tahap penggunaan TMK berdasarkan web yang tinggi dalam kalangan pengurus sekolah juga memberi peluang kepada Institut Aminuddin Baki untuk menawarkan kursus tentang kolaborasi atas talian seperti penggunaan storan maya dan perkongsian dokumen (Google) yang menggalakkan kerja-kerja kolaboratif dilaksanakan. Ini disokong oleh dapatan kajian tentang korelasi yang rendah antara tahap kemahiran asas komputer dengan amalan TMK.

Akhir sekali, berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan IAB perlu membina profil kompetensi TMK pengurus sekolah yang komprehensif dan tepat. Ini untuk memastikan semua aspek kemahiran TMK dibangunkan dengan lebih sistematik.

### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Berikut adalah beberapa cadangan bagi kajian-kajian lanjutan berkaitan TMK dalam kalangan pengurus sekolah yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

- (i) Kajian yang lebih mendalam untuk mengenal pasti tugas-tugas kritikal bagi seorang pengurus sekolah serta aplikasi komputer yang sepadan dan berkeupayaan membantu pengurus sekolah mengurus sekolah secara berkesan.
- (ii) Kajian bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan TMK dalam kalangan pengurus sekolah.
- (iii) Kajian bagi mengenal pasti bagaimana TMK boleh menggalakkan pembangunan profesional dan pembelajaran berterusan dalam kalangan pengurus sekolah.
- (iv) Kajian yang serupa boleh diperluas kepada populasi pemimpin sekolah seluruh Malaysia.

### **PENUTUP**

Kajian tinjauan literasi TMK dalam kalangan pengurus sekolah di 5 negeri yang dikaji ini memberi input berkenaan tahap kemahiran asas komputer dan juga tahap penggunaan TMK pengurus sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran kepada pelaksana kursus iaitu Jabatan Aplikasi Komputer Dalam Pendidikan. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi titik tolak kepada penambahbaikan kursus secara berterusan agar kursus-kursus yang diberikan sesuai dan menepati keperluan serta kehendak pelanggan.

## RUJUKAN

- Dupagne, M. dan Krendl, K.A. (1992). Teachers' Attitudes Towards Computers : *A Review of The Literature*. *Computer Education*, 8, 227-290.
- Lim Bee Yeok, (2008). *Tahap pengetahuan, sikap dan masalah penggunaan komputer di kalangan guru di sekolah menengah daerah Alor Gajah*. Tesis untuk Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Khairuddin Abdullah (1999). *Sikap terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah di kalangan pengetua sekolah menengah di negeri Sabah*. Tesis untuk Sarjana Pendidikan tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Rohana Abdul Rahman (1995). *Penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah : Satu tinjauan*. Kajian Ilmiah Sarjana Pengurusan Teknologi tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Mara.
- Silmair, J.D. (1982). Computer Use in School Administration : A Pilot Project. *British Journal of Educational Technology*. Vol 13, No. 2 : 114 - 119.
- Zahri Aziz (1992). *Persepsi pegawai pendidikan di jabatan pendidikan daerah terhadap penggunaan komputer dalam pentadbiran pendidikan*. Kajian Ilmiah Sarjana tidak diterbitkan. Kuala Lumpur. University Malaya.
- Field, Andy. 2005, Discovering Statistics Using SPSS, Second Edition. Sage Publication Ltd.  
The Boston Consulting Group (2011). *SchoolNet Assessment and the Role of ICT in Education, Briefing to Ministry of Education*, Putrajaya.
- Zamri Mohamod, Mohamed Amin Embi, (2008). *TMK Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Teori dan Praktis*. Karina Publication Sdn. Bhd, Shah Alam.  
<http://www.oregon.gov/CCWD/ABE/PDF/ComputerSkillsChecklistFinal.pdf?ga=t> diakses pada 23 Mei 2012  
<http://www.iab.edu.my/Jurnal/Jurnal%202007/IntTMK.pdf> diakses pada 12 Julai 2012  
[http://www.iab.edu.my/KertasKerjaSN15/DR\\_RUSMINI.pdf](http://www.iab.edu.my/KertasKerjaSN15/DR_RUSMINI.pdf) diakses pada 5 Ogos 2012

## LAMPIRAN

Tuan/Puan,

Soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian tentang literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) pengurus-pengurus sekolah sahaja. Segala maklumat yang diberi akan dirahsiakan dan hanya untuk kepentingan kajian sahaja. Oleh itu, diharapkan anda dapat memberikan respon kepada pernyataan yang dikemukakan dengan sejurnya. Kerjasama anda didahului dengan ucapan terima kasih.

**Arahan:** Tandakan (✓) pada ruangan yang disediakan

### BAHAGIAN A : MAKLUMAT LATARBELAKANG RESPONDEN

1. Umur:  Kurang 36 Tahun  
 36 – 40 Tahun  
 41 – 45 Tahun  
 46 – 50 Tahun  
 51 – 55 Tahun  
 Lebih 55 Tahun
  
2. Jantina:  Lelaki  Perempuan
  
3. Jawatan:  Pengetua Cemerlang Kanan  
 Pengetua Cemerlang  
 Pengetua  
 Guru Besar Cemerlang  
 Guru Besar  
 Guru Penolong Kanan
  
4. Gred Jawatan: 

<input type="checkbox"/> DGA 32	<input type="checkbox"/> DGA 34
<input type="checkbox"/> DGA 38	<input type="checkbox"/> DG 41
<input type="checkbox"/> DG 44	<input type="checkbox"/> DG 48
<input type="checkbox"/> DG 52	<input type="checkbox"/> DG 54
<input type="checkbox"/> Jusa C	
  
5. Latihan ICT yang diikuti:  Ijazah  
 Diploma  
 Sijil  
 Kursus jangka pendek  
 Tidak pernah mengikuti kursus

**Arahan:** Sila berikan respons anda dengan menandakan (✓) berdasarkan skala yang diberi.

**BAHAGIAN B : ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)**

Penyataan Item	Skala			
	Sangat Tidak Mahir	Tidak Mahir	Mahir	Sangat Mahir
	1	2	3	4
1. Menyambungkan kabel ke setiap perkakasan komputer				
2. Mengenalpasti kapasiti storan cakera keras sesuatu komputer				
3. Memahami operasi asas cetakan dokumen				
4. Menggunakan perisian anti virus yang berlesen.				
5. Menggunakan perisian pemprosesan perkataan untuk menghasilkan dokumen. (cth: Microsoft Office Word)				
6. Menggunakan perisian hamparan elektronik dalam pengurusan sekolah. (cth: Microsoft Office Excel)				
7. Menggunakan perisian persempahan elektronik semasa menyampaikan taklimat. (cth: Microsoft Office PowerPoint)				
8. Menyenggara sendiri sistem komputer peribadi secara berkala.				
9. Menggunakan maklumat dari fail hamparan elektronik yang diberikan.				
10. Menggunakan data daripada pelbagai sistem dan aplikasi yang terdapat di sekolah.				

## BAHAGIAN C : AMALAN PENGGUNAAN

Penyataan Item	Skala			
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	1	2	3	4
1. Menggunakan TMK dalam melaksanakan tugas harian				
2. Menggunakan emel sebagai medium komunikasi rasmi di organisasi				
3. Menggunakan laman sosial untuk perkongsian profesional.				
4. Memberikan arahan rasmi kepada guru-guru di sekolah menggunakan emel/laman web.				
5. Memastikan guru-guru mempunyai akaun emel rasmi.				
6. Memantau laman web / laman blog sekolah.				
7. Mengunjungi laman web agensi-agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.				
8. Mencari maklumat terkini tentang pendidikan melalui internet.				
9. Mempunyai blog yang sentiasa dikemaskini.				
10. Terlibat aktif dalam forum yang membincangkan isu-isu pendidikan di internet.				
11. Menyaring maklumat yang diperolehi dari internet mengikut keperluan kerja dan organisasi.				
12. Membanding beza sumber bagi menentukan kesahihan maklumat yang diperolehi dari internet.				

## KOMPETENSI ICT PEMIMPIN SEKOLAH DI ENAM PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

Lim Siew Ngen (Ketua)

Cheng Lai Lian

Kamran Mohamad

Maimunah Karim

Minhad Mohtah

Shahrin Alias

Ahmad Azuan Zainuddin

Nooraini Kamaruddin

Lani Ibrahim

Jabatan Pengurusan ICT dan Multimedia

Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT

Institut Aminuddin Baki

Sri Layang, Genting Highlands, Pahang

### Abstrak

*Laporan Kajian SchoolNet dan Peranan ICT dalam Pendidikan yang dilaksanakan oleh Boston Consulting Group (BCG) pada tahun 2010 menyatakan bahawa tahap literasi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah adalah rendah. Laporan tersebut telah mencadangkan inisiatif “ensure that Principals are minimally ICT literate and users of ICT”. Cadangan yang disarankan ialah memberikan latihan bagi memastikan pemimpin sekolah mempunyai tahap literasi ICT yang bersesuaian. Kajian tinjauan ini telah dijalankan ke atas seramai 211 orang pemimpin sekolah di enam buah pejabat pendidikan daerah yang terpilih dengan menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh pasukan penyelidik bersama wakil Bahagian Kementerian Pelajaran, guru besar dan pengetua. Instrumen Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah ini telah digubal untuk mengukur persepsi responden tentang tahap kompetensi ICT mereka dalam enam domain, iaitu Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT dalam Organisasi, pengetahuan dan kemahiran ICT, pengurusan dan pentadbiran ICT, pembangunan keupayaan ICT organisasi; serta Isu Sosial, Perundungan dan Etika ICT. Pada keseluruhannya, responden berpendapat bahawa tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi bagi keenam-enam domain dengan min antara 3.79 hingga 3.90. Namun jika dilihat daripada segi aspek secara mendalam, terdapat tahap sederhana dalam dua aspek iaitu pengetahuan dan kemahiran perisian produktiviti, serta kerjasama pintar. Dapatkan kajian digunakan sebagai input untuk mengkaji semula*

*kurikulum latihan pada masa akan datang bagi memastikan pemimpin sekolah diberikan latihan ICT yang bersesuaian. Dapatkan tinjauan ini mencadangkan kajian diteruskan ke atas kesemua pemimpin sekolah bagi mendapatkan gambaran sebenar kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah.*

*Kata kunci: kompetensi ICT, peringkat pengintegrasian ICT, kepentingan ICT, Literasi ICT, Standard Teknologi Pendidikan untuk Pentadbir*

## PENGENALAN

Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) merupakan elemen penting dalam mencapai matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Persediaan dan pelaksanaan PIPP meliputi aspek infrastruktur ICT, pengisian dan tenaga manusia untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. Antara pelaksanaan KPM adalah literasi ICT untuk semua murid memperoleh kemahiran menggunakan ICT, mengutamakan peranan dan fungsi sebagai alat pengajaran dan pembelajaran(PdP), dan menekankan penggunaan ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanannya sistem pengurusan (KPM 2007).

Pada tahun 2012, KPM komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara yang bermatlamat melengkapkan setiap murid dengan segala kemahiran baharu untuk bersaing dan menangani cabaran abad ke-21. Cabaran dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah untuk menganjak paradigma warga pendidik ke arah perubahan kaedah PdP serta pengurusan sekolah terkini menggunakan komputer dan kemudahan ICT sebagai pendekatan alternatif. Lanjutan daripada itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah menggariskan anjakan yang ke-7 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Namun, berjaya atau gagalnya hasrat kerajaan banyak bergantung pada pelaksanaan inisiatif ICT di sekolah. Penyelidik bidang ICT (Mohd Izham & Norazah, 2007; Hall, Hord & Griffin, 1980; Hall, 1988) berpendapat pelaksanaan ICT di sekolah perlu bermula daripada keprihatinan dan tindakan pentadbir sekolah itu sendiri. Pentadbir selaku pemimpin sekolah perlu merangka dan merancang segala perubahan budaya positif dan teknologi yang berasaskan ICT di sekolah. Pandangan ini selaras dengan dapatkan kajian oleh McLaughlin (1977) yang mendapati kejayaan sesuatu perubahan budaya perlu bermula dengan peranan yang dilakukan dengan jaya oleh pentadbir atau pemimpin sekolah. Persoalannya, sejauhmanakah kepimpinan sekolah dapat memenuhi harapan tersebut?

Pada tahun 2010, MAMPU telah menjalankan satu kajian tentang tahap penggunaan SchoolNet untuk menentukan kadar pemulangan pelaburan (*return of investment*, ROI) kerajaan. Dapatkan kajian itu menunjukkan bahawa tahap penggunaan SchoolNet oleh warga sekolah adalah rendah. Kajian itu juga menunjukkan bahawa tahap literasi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah adalah rendah. Walaupun dapatkan kajian tidak mengaitkan kedua-dua fenomena ini, kompetensi ICT yang rendah dalam kalangan pemimpin sekolah

mungkin membawa implikasi negatif kepada usaha kerajaan melahirkan modal insan yang berkemahiran ICT dan mampu membangunkan ekonomi negara dalam abad ke-21.

Bagi memastikan segala infrastruktur dan kemudahan ICT dalam pendidikan dimanfaatkan secara optimum, pemimpin sekolah harus mempunyai kompetensi dalam bidang pengurusan secara am, dan dalam bidang ICT secara khusus. Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai institusi latihan yang diamanahkan untuk meningkatkan kompetensi pengurusan dan kepimpinan pemimpin sekolah memerlukan maklumat tentang tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah agar dapat menyediakan kursus atau latihan yang memenuhi keperluan para pemimpin. Kajian ini dilaksanakan bagi mendapat maklumat berkenaan dan juga tahap kompetensi ICT pemimpin sekolah.

### **Pernyataan Masalah**

Laporan Kajian SchoolNet dan Peranan ICT dalam Pendidikan 2010 yang dilaksanakan oleh **Boston Consulting Group** (BCG) yang dilantik oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa tahap literasi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah adalah rendah. Laporan tersebut telah mencadangkan inisiatif “*ensure that Principals are minimally ICT literate and users of ICT*” (KPM, 2010). Ekoran daripada itu, IAB telah diberi mandat untuk melaksanakan latihan bagi memastikan pemimpin sekolah mempunyai tahap literasi ICT yang bersesuaian.

Untuk memenuhi keperluan latihan ICT pemimpin, pihak IAB memerlukan maklumat tentang tahap dan bidang kompetensi ICT pemimpin sekolah bagi tujuan semakan kurikulum latihan ICT sedia ada atau mereka bentuk latihan ICT yang relevan dengan keperluan pemimpin sekolah mengikut perkembangan teknologi semasa. IAB juga memerlukan data tentang taburan tahap kompetensi dalam kalangan pemimpin sekolah bagi memudahkan pengurusan IAB menawarkan kursus kepada pemimpin yang berkenaan.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah di enam Jabatan Pelajaran Daerah terpilih. Dapatan kajian juga digunakan sebagai input untuk mengkaji semula kurikulum latihan pada masa akan datang bagi memastikan pemimpin sekolah diberikan latihan ICT yang bersesuaian.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) Menentukan tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah berdasarkan domain Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT Organisasi, Pembangunan Keupayaan ICT serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.


- (b) Menentukan tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah di enam Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) terpilih.
- (c) Menentukan peringkat pengintegrasian ICT dalam kalangan pemimpin sekolah berdasarkan peringkat kesediaan, penggunaan, penerapan dan transformasi.
- (d) Mengenal pasti fokus latihan ICT untuk meningkatkan kompetensi ICT pemimpin sekolah.

### **Soalan Kajian**

1. Apakah tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah berdasarkan domain Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT Organisasi, Pembangunan Keupayaan ICT serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT?
2. Apakah tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah di enam Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) terpilih?
3. Apakah tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah berdasarkan tahap kesediaan, penggunaan, penerapan dan transformasi?
4. Apakah fokus latihan ICT untuk meningkatkan kompetensi ICT pemimpin sekolah?

### **Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual kajian ini adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Kompetensi ICT pemimpin sekolah ditinjau dalam enam domain iaitu Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT dalam Organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT, Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi; serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT. Selain penilaian terhadap tahap kompetensi ICT, pengkaji juga menilai peringkat pengintegrasian ICT dalam kalangan pemimpin sekolah.



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian

## **Definisi Operasi**

### **Kompetensi ICT**

Kompetensi ditakrif sebagai himpunan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diperlukan oleh seseorang untuk melaksanakan tugas dengan sempurna (UNESCAP, 2009). Sebagai contoh, seorang pentadbir sekolah tahu bagaimana menggunakan komputer dan perisian produktiviti (kemahiran), tetapi mungkin tidak tahu bagaimana menggunakan kemahiran tersebut dalam meningkatkan kolaborasi dan pemikiran kritis dalam tugasnya (kompetensi).

*“A competency is a demonstrated ability to perform a particular job or task. A competency includes skills, but also behaviors and the ability to apply those skills in order to perform a job or task.” (Immel, 2011)*

Mengikut UNESCAP (2009), kompetensi seseorang pekerja boleh diukur dengan menganalisis maklum balas yang diberi oleh pekerja berkenaan terhadap sesuatu instrumen yang terdiri daripada pernyataan-pernyataan yang menentukan pada tahap mana seseorang boleh melaksanakan sesuatu kerja atau tugas.

Bagi tujuan kajian ini, satu dokumen yang bertajuk Standard Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah (Lampiran C) telah digubal manakala perincian kelakuan empat peringkat pengintegrasian ICT dihuraikan (Lampiran D). Kompetensi ICT pemimpin sekolah dalam konteks Malaysia dilihat dalam enam domain, iaitu Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT dalam Organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT, Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi, serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT. Empat peringkat pengintegrasian ICT yang dikenal pasti ialah peringkat kesediaan (*emerging*), peringkat penggunaan (*applying*), peringkat penerapan (*infusing*) dan peringkat transformasi (*transforming*).

### **Pemimpin Sekolah**

Bagi tujuan kajian ini, pemimpin sekolah ialah guru penolong kanan, guru besar, dan pengetua di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

### **Peringkat Pengintegrasian ICT**

Pengintegrasian ICT pemimpin sekolah dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu kesediaan, penggunaan, penerapan dan transformasi (UNESCO, 2002)

Peringkat kesediaan memberi fokus kepada penerokaan pengetahuan dan pemahaman pemimpin sekolah dalam aspek ICT dan pengurusan dalam pendidikan. Dalam peringkat ini, pemimpin sekolah sedar tentang potensi ICT dan memberi fokus kepada asas fungsi-fungsi teknikal dan penggunaan ICT. Ini termasuk kompetensi dalam pemprosesan kata, pangkalan data, hamparan elektronik serta penggunaan emel dan Internet.

Peringkat aplikasi melibatkan pembelajaran bagaimana menggunakan alatan ICT dalam PdP dan PdT. Peringkat ini menekankan penggunaan alatan ICT atau aplikasi pengetahuan dan kemahiran ICT dalam pelbagai bidang tugas pemimpin sekolah.

Peringkat penerapan pula merujuk kepada penggunaan ICT yang lebih pelbagai, meluas, kompleks dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tugas PdP dan PdT. Peringkat ini menggambarkan keupayaan mengenal pasti situasi penggunaan ICT, memilih alatan ICT yang paling sesuai untuk tugas tertentu, dan menggunakan kombinasi alatan ICT untuk menyelesaikan masalah.

Peringkat transformasi memberi penekanan kepada pemimpin sekolah sebagai contoh (role model) dalam menggunakan ICT secara kreatif dan inovatif dalam pelbagai aspek. Peringkat ini melibatkan pendekatan situasi PdP yang baharu dan inovasi dengan alatan ICT khas untuk meneroka pelbagai masalah dunia sebenar.

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan pemimpin sekolah daripada enam Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) yang terpilih iaitu Petaling Perdana, Selangor; Seremban, Negeri Sembilan; Kota Setar, Kedah; Kuantan, Pahang; Kuala Terengganu, dan Kota Bharu, Kelantan. Dapatkan kajian ini tidak boleh dibuat generalisasi ke atas pemimpin sekolah di lain-lain PPD atau negeri di Malaysia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Kepentingan ICT**

Teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT sudah lama dianggap sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi sama ada di negara maju atau pun di negara sedang membangun. ICT sering dikaitkan dengan perubahan sosial-politik dan berfungsi sebagai penggerak inovasi (Spence & Smith, 2009). Pada tahun 2000, Kerajaan Malaysia telah mewujudkan Perbadanan Pembangunan Multimedia atau *Multimedia Development Cooperation* (MDeC) sebagai peneraju pembangunan prasarana ICT di Malaysia. Usaha tersebut adalah sejajar dengan perkembangan sedunia memanfaatkan ICT untuk melonjakkan ekonomi dan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi abad ke-21. Kerajaan sedar usaha melahirkan *k-workers* mesti bermula dari zaman persekolahan. Projek Rintis Sekolah Bestari merupakan salah satu projek besar bagi mencetuskan transformasi pendidikan yang memanfaatkan inovasi dan perkembangan dalam bidang ICT.

Dalam hal ini, pemimpin sekolah memainkan peranan yang penting sebagai peneraju inovasi dan perubahan. Pemimpin sekolah mempunyai peranan penting dalam pelaksanaan teknologi baharu serta membangunkan model pembelajaran yang baharu di sekolah (Brodin, 2012). Mengikut Brodin (2012), jika pemimpin sekolah mempunyai pandangan yang positif dan berpengetahuan tentang komputer dan ICT, mereka akan

menanamkan sikap yang positif terhadap pengintegrasian ICT dalam proses PdP di kalangan guru. Dalam lain kata, Brodin berpendapat bahawa pemimpin sekolah harusnya *literat* ICT untuk memimpin penerapan ICT dalam pengoperasian sekolah.

### Literasi ICT

Takrif literasi ICT bermula sebagai literasi komputer. Salah satu takrif terawal bagi literasi komputer diberikan oleh *National Center for Educational Statistics*, America Syarikat menyatakan literasi komputer ialah apa yang seseorang perlu tahu dan boleh lakukan dengan komputer untuk berfungsi dengan cekap dalam masyarakat berdasarkan maklumat (dinyatakan dalam Halaris & Sloan, 1985, p. 320).

Istilah literasi komputer adalah sempit, lalu mewujudkan istilah baharu iaitu, literasi teknologi yang ditakrif sebagai kebolehan menggunakan komputer dan teknologi lain untuk mempertingkatkan pembelajaran, produktiviti dan prestasi (*U.S. Department of Education*, 1996).

Pada tahun 2006, Mason and McMorrow kembali kepada penggunaan istilah literasi komputer dan memberi cadangan bahawa literasi komputer terdiri daripada dua komponen, iaitu kesedaran dan kompetensi. Mengikut mereka, kesedaran merangkumi pemahaman tentang perkembangan teknologi maklumat, perubahan sikap seseorang terhadap komputer secara umum dan terhadap isu-isu sosial yang timbul seperti privasi, keselamatan, dan rangkaian sosial. Seseorang yang literat komputer seharusnya mempunyai kompetensi komputer, iaitu mempunyai kefahaman tentang perkakasan komputer, berkemahiran asas menggunakan perisian komputer, Internet dan peralatan mudah alih (Mason and McMorrow, 2006).

Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi terus mempengaruhi penakrifan yang lebih luas tentang literasi teknologi. Pada tahun 2009, literasi teknologi diberi takrif baharu sebagai kebolehan menggunakan, memahami, menilai dan mengaplikasikan konsep dan proses yang sesuai untuk menyelesaikan masalah bagi mencapai sesuatu tujuan (*National Assessment Governing Board*, 2009. p. v). Takrifan ini mencerminkan takrifan literasi ICT yang telah diberikan oleh Mason dan McMorrow (2006) serta takrif yang digunakan oleh the Australian Ministerial Council on Education.

*The Australian Ministerial Council on Education* menakrifkan literasi ICT sebagai keupayaan individu untuk menggunakan ICT bersesuaian untuk mengakses, mengurus dan menilai maklumat, membangunkan kefahaman baharu, dan berkomunikasi dengan orang lain untuk berfungsi dengan efektif dalam masyarakat (p.vii, *Australian Ministerial Council on Education*, 2007). Didapati bahawa istilah literasi komputer, literasi teknologi dan literasi ICT sering digunakan dan mempunyai makna yang hampir sama.

Perkembangan yang pesat dan berterusan dalam ICT turut memperluaskan aplikasinya dalam pelbagai bidang sosio ekonomi. Penggubal dasar sedar bahawa pekerja abad ke-21 yang cekap dan handal hendaklah dilatih supaya kompeten dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Literasi ICT tidak terhad sekadar penguasaan kemahiran teknikal, malah dianggap sebagai satu spektrum kemahiran dan kebolehan yang merangkumi kemahiran kognitif bidang ICT yang kritikal dan kemampuan mengaplikasikan pengetahuan (Pérez dan Murray, 2010).

Penggubal dasar juga sedar bahawa kemahiran ICT yang berlainan diperlukan oleh pekerja dengan peranan yang berlainan (UNESCAP, 2009). Takrif literasi ICT yang berlainan tidak boleh membantu penggubal dasar menyediakan program latihan bersuaian untuk membangunkan sumber manusia yang mempunyai kompetensi dalam melaksanakan tugas-tugas tertentu dengan cekap dan sempurna. Bagi menyediakan program latihan yang lebih menepati keperluan, kompetensi ICT bagi pekerja perlu ditakrifkan (UNESCAP, 2009).

### **Standard Teknologi Pendidikan Untuk Pentadbir**

Peranan guru besar sebagai pemimpin teknologi termasuk membudayakan penggunaan ICT adalah untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanannya sistem pengurusan dan pentadbiran di sekolah (Lokman Mohd Tahir dan kawan, 2010). Guru besar yang menghadiri seminar dan kursus ICT mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT dan menjadi *role model* dalam kalangan guru serta melaksanakan perkongsian ilmu ke arah peningkatan penggunaan ICT di sekolah. Mereka membuat perancangan yang dapat membangkitkan kesedaran dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran ICT dalam kalangan guru agar dapat menyesuaikan diri dengan suasana sekolah pada masa kini. Seterusnya, guru besar dapat membangunkan infrastruktur ICT di sekolah dengan memastikan kemudahan dan kelengkapan ICT sentiasa mencukupi dan terkini serta boleh digunakan dengan mudah pada sepanjang waktu persekolahan.

Pada tahun 2002, *International Society for Technology in Education* (ISTE) telah menerbitkan piawaian pengukuran yang dikenali sebagai *National Educational Technology Standards for Administrators* (NETS-A). Piawaian ini menyenaraikan peranan-peranan yang perlu dilaksanakan oleh pentadbir sekolah dalam menentukan keberkesanannya integrasi teknologi. Piawaian ini juga menetapkan pengetahuan yang perlu ada dan tindakan yang perlu diambil oleh pentadbir sekolah. Peranan, pengetahuan dan tindakan ini telah digolongkan ke dalam enam dimensi, iaitu kepimpinan dan visi; pembelajaran dan pengajaran; produktiviti dan amalan profesional; sokongan, pengurusan dan operasi; pentaksiran dan penilaian; serta isu sosial, perundangan dan etika (ISTE, 2002).

## **Kepimpinan dan Visi Teknologi Instruksional**

Pemimpin sekolah merangsang visi untuk mengintegrasikan teknologi secara komprehensif serta menggalakkan budaya dan persekitaran yang kondusif untuk merealisasikan visi.

## **Pembelajaran dan Pengajaran**

Pemimpin sekolah memastikan reka bentuk kurikulum, strategi instruksional dan persekitaran pembelajaran bagi mengintegrasikan teknologi yang bersesuaian untuk memaksimumkan pembelajaran dan pengajaran.

## **Produktiviti dan Amalan Profesional**

Pemimpin sekolah menggunakan teknologi untuk mengukuhkan amalan professional mereka bagi meningkatkan produktiviti sendiri dan orang lain.

## **Sokongan, Pengurusan dan Operasi**

Pemimpin sekolah memastikan pengintegrasian teknologi untuk menyokong sistem produktif bagi pengurusan dan pentadbiran.

## **Pentaksiran dan Penilaian**

Pemimpin sekolah menggunakan teknologi untuk merancang, melaksana sistem pentaksiran dan penilaian berkesan yang komprehensif.

## **Isu Sosial, Perundangan dan Etika**

Pemimpin sekolah memahami isu sosial, perundangan dan etika yang berkaitan dengan teknologi serta menjadi model dalam membuat keputusan tentang isu tersebut.

Kemudian pada tahun 2007, piawaian tersebut telah diubahsuai menjadi lima komponen utama iaitu kepimpinan berwawasan, budaya pembelajaran era digital, kecemerlangan amalan profesional, peningkatan sistemik, dan kewarganegaraan digital (ISTE, 2007). Piawaian yang dibina oleh ISTE ini digunakan untuk mengukur penguasaan dan menetapkan matlamat aspirasi untuk pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan dalam era digital hari ini.

## **Kepimpinan berwawasan**

Pemimpin pendidikan memberi inspirasi, meneraju pembangunan dan melaksanakan visi dalam pengintegrasian teknologi yang komprehensif untuk menggalakkan kecemerlangan dan sokongan transformasi ke seluruh organisasi. Pemimpin Pendidikan:

- (a) Memberi inspirasi dan membimbing semua pihak yang berkepentingan tentang wawasan perubahan bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber era digital bagi memenuhi dan melonjak matlamat pembelajaran, menyokong amalan pengajaran yang berkesan, dan memaksimumkan prestasi daerah dan pemimpin-pemimpin sekolah
- (b) Melibatkan diri dalam proses berterusan untuk membangun, melaksana, dan menyampaikan penerapan pelan strategik teknologi selaras dengan wawasan pendidikan
- (c) Khidmat pembelaan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan bagi dasar-dasar, program dan peruntukan untuk menyokong pelaksanaan wawasan teknologi dan pelan strategik yang diterapkan

### **Budaya Pembelajaran Era Digital**

Pemimpin pendidikan mencipta, menggalak, dan mengekalkan budaya pembelajaran era digital yang dapat menyediakan pendidikan yang relevan, padat, dan menarik untuk semua pelajar. Pentadbir Pendidikan:

- (a) Memastikan inovasi pengajaran yang berfokus kepada penambahbaikan berterusan dalam pembelajaran era digital
- (b) Menjadi model dan menggalakkan penggunaan teknologi untuk pembelajaran yang kerap dan berkesan
- (c) Menyediakan persekitaran berpusatkan pelajar yang dilengkapi dengan teknologi dan sumber-sumber pembelajaran untuk memenuhi pelbagai keperluan individu dan pelajar
- (d) Memastikan amalan berkesan dalam kajian teknologi dan digunakan merentasi kurikulum
- (e) Menggalak dan mengambil bahagian dalam komuniti pembelajaran di peringkat daerah, kebangsaan, dan global bagi merangsang inovasi, kreativiti, dan kolaborasi era digital

### **Kecemerlangan Amalan Profesional**

Pemimpin pendidikan mengalakkan persekitaran pembelajaran profesional dan berinovasi bagi membolehkan pendidik meningkatkan pembelajaran pelajar melalui penyerapan teknologi kontemporari dan sumber digital. Pemimpin pendidikan:

- (a) Memperuntukkan masa, sumber dan akses bagi memastikan pembangunan profesional secara berterusan dalam kecekapan mengintegrasikan teknologi
- (b) Membimbang, mengambil bahagian dalam merangsang komuniti pembelajaran, memupuk serta menyokong pemimpin, fakulti dan staf dalam bidang penggunaan teknologi dan pembelajaran
- (c) Menggalak, memodelkan komunikasi dan kolaborasi di kalangan pihak berkepentingan dalam menggunakan peralatan era-digital.

- (d) Sentiasa mengikuti kajian pendidikan, *trend* penggunaan teknologi yang berkesan dan mengalakkan penilaian teknologi baharu demi meningkatkan potensi pembelajaran pelajar

### **Peningkatan Sistemik**

Pentadbir pendidikan menyediakan kepimpinan dan pengurusan era digital bagi meningkatkan organisasi secara berterusan melalui penggunaan sumber-sumber teknologi maklumat yang berkesan. Pentadbir Pendidikan:

- (a) Meneraju perubahan bertujuan memaksimumkan pencapaian matlamat pembelajaran melalui penggunaan sumber-sumber yang kaya dengan media dan teknologi yang sesuai
- (b) Bekerjasama dalam menubuhkan metrik, mengumpul, menganalisis data, mentafsir keputusan dan berkongsi penemuan untuk meningkatkan prestasi kakitangan dan pembelajaran pelajar.
- (c) Mengambil dan mengekalkan kakitangan berwibawa yang menggunakan teknologi secara kreatif dan mahir untuk memajukan matlamat akademik dan operasi
- (d) Menubuh dan memanfaatkan pemuaafakan strategik untuk menyokong peningkatan sistemik
- (e) Menubuh dan menyenggara infrastruktur teknologi yang mantap termasuk sistem teknologi bersepadu dan saling beroperasi untuk menyokong pengurusan, operasi, pengajaran dan pembelajaran

### **Kewarganegaraan Digital**

Pentadbir pendidikan menjadi model dan memudahcara pemahaman mengenai isu-isu sosial, etika, dan perundangan serta bertanggungjawab dengan perkembangan budaya digital. Pentadbir Pendidikan:

- (a) Memastikan akses yang saksama kepada alat dan sumber-sumber digital yang sesuai bagi memenuhi keperluan semua pelajar
- (b) Menggalak, memodel, dan menentukan dasar-dasar bagi penggunaan teknologi maklumat digital yang selamat, beretika dan mematuhi undang-undang
- (c) Menggalak dan memodelkan interaksi sosial yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat
- (d) Memodel dan memudahcara pembangunan pemahaman budaya perkongsian dalam menangani isu-isu global melalui penggunaan alat komunikasi dan kolaborasi kontemporari


## **Peringkat Pengintegrasian ICT**

Menurut Balakrishnan (2009), pemimpin sekolah memainkan peranan yang penting dalam menentukan penerimaan dan pengintegrasian ICT dalam organisasi masing-masing. Pemimpin sekolah mungkin tidak mahir dalam ICT tetapi perlu memainkan peranan sebagai pemimpin teknologi bagi memastikan teknologi diintegrasikan dalam pelbagai bidang seperti dalam pembelajaran dan pengajaran, pentadbiran, penilaian dan sebagainya. Beliau telah mencadangkan 10 prinsip asas yang boleh dijadikan panduan dalam menentukan kejayaan pengintegrasian teknologi dalam organisasi masing-masing, iaitu perubahan, perancangan teknologi, etika, pembelajaran dan pengajaran, kesihatan dan keselamatan, kurikulum, perkembangan staf, infrastruktur, sokongan teknikal, dan kepimpinan teknologi.

Bagi prinsip kepimpinan teknologi, Balakrishnan berpendapat bahawa seseorang pemimpin teknologi seharusnya memperoleh pelbagai kemahiran seperti yang dicadangkan oleh Bailey dan Lumley (1997) iaitu:

- (a) Kemahiran teknologi – pemimpin menjadi model penggunaan teknologi;
- (b) Kemahiran kemanusiaan – pemimpin boleh bersama-sama menggunakan teknologi dengan orang lain;
- (c) Kemahiran kurikulum – pemimpin mesti memahami bagaimana mengintegrasikan teknologi dalam kurikulum;
- (d) Kemahiran perkembangan staf – pemimpin mesti memahami pentingnya latihan kepada mereka yang menggunakan teknologi; dan
- (e) Kemahiran pembelajaran – pemimpin mesti memahami gambaran keseluruhan dalam menggunakan teknologi untuk mentrasformasikan pembelajaran dan pengajaran.

Laporan kurikulum ICT dan pembangunan guru untuk sekolah-sekolah (UNESCO, 2002, p. 15-16) mencadangkan kesinambungan empat peringkat pengintegrasian ICT seperti dalam Rajah 2 di bawah, iaitu:



Rajah 2: Peringkat pengintegrasian ICT

### **Kesediaan (*emerging*)**

Sekolah mempunyai perkakasan dan perisian ICT hasil daripada pembelian atau sumbangan. Pentadbir sekolah dan guru-guru mula meneroka kemungkinan serta kesan penggunaan ICT dalam pengurusan sekolah dan kurikulum.

### **Penggunaan (*applying*)**

Sekolah mempunyai pemahaman baharu terhadap sumbangan ICT dalam pembelajaran. Pentadbir sekolah dan guru menggunakan ICT untuk melaksanakan tugas pengurusan sekolah dan kurikulum.

### **Penerapan (*infusing*)**

Penerapan dan pengintegrasian ICT merentas kurikulum dan mengamalkan teknologi berasaskan komputer dalam makmal, bilik darjah dan pejabat pentadbiran secara meluas. Guru meneroka cara-cara baharu dan ICT telah mengubah amalan professional dan produktiviti peribadi.

### **Transformasi (*transforming*)**

Sekolah menggunakan ICT untuk menyemak dan memperbaharui organisasi sekolah dengan cara yang kreatif. ICT menjadi sebahagian daripada amalan professional dan produktiviti harian individu. ICT diajar sebagai subjek berasingan pada peringkat profesional dan dimasukkan ke dalam semua bidang vokasional.

Anderson et. al. (2005) mencadangkan bahawa pengintegrasian ICT dalam pendidikan secara progresif akan melalui empat peringkat, iaitu peringkat kesediaan, peringkat penggunaan, peringkat penerapan dan peringkat transformasi. Bagi tujuan kajian ini, tahap kompetensi ICT pemimpin sekolah dilihat dari segi peringkat pengintegrasian ICT dalam organisasi yang dipimpin.

Berdasarkan model Anderson et. al., (2005) pada peringkat kesediaan, sekolah berkenaan mungkin hanya mempunyai satu atau dua buah komputer dan perkakasan lain seperti pencetak dan pengimbas. Pemimpin sekolah berkenaan, bersama seorang atau dua orang guru meneroka cara-cara menggunakan peralatan ICT dalam tugas pengurusan dan pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Fokus utama pada peringkat ini ialah penerokaan potensi dan penggunaan pelbagai jenis alat dan aplikasi ICT untuk melaksanakan tugas.

Pada peringkat aplikasi, pemimpin sekolah membuat perolehan peralatan ICT tambahan untuk digunakan dalam organisasi secara meluas. Penggunaan ICT dalam tugas pengurusan dan pentadbiran sekolah serta PdP dalam bilik darjah meningkat.

Pada peringkat penerapan, penggunaan ICT dalam organisasi menjadi rutin dan meluas. Kepelbagaiannya peralatan dan aplikasi ICT yang digunakan di sekolah bertambah dan melibatkan hampir semua aspek tugas sekolah. Pemimpin sekolah memberi sokongan dan menggalakkan staf menggunakan ICT secara kreatif untuk meningkatkan keberkesanannya proses pembelajaran dan pengajaran serta kecekapan pengurusan dan pentadbiran. ICT dimanfaatkan untuk peningkatan pengetahuan dan pembangunan profesional guru. Kolaborasi dalam kalangan guru menjadi amalan biasa.

Sekolah yang berada pada peringkat transformasi mendapati pengintegrasian ICT dalam pendidikan menggunakan ICT secara kreatif dan inovatif dalam pelbagai aspek. Pemimpin sekolah dan guru-guru mengikuti perkembangan dalam bidang ICT untuk mendapatkan maklumat terkini tentang peralatan dan aplikasi ICT yang boleh digunakan untuk mempertingkatkan keberkesanannya dan kecekapan pelaksanaan tugas. Pembangunan ICT organisasi merupakan salah satu agenda utama dalam perancangan sekolah.

### **Kompetensi ICT**

*The Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* menakrifkan kompetensi sebagai himpunan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diperlukan oleh seseorang untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Kompetensi diukur dengan instrumen yang terdiri daripada pernyataan-pernyataan yang menentukan pada tahap mana seseorang boleh melaksanakan sesuatu kerja atau tugas (UNESCAP, 2009). Oleh kerana keperluan tugas dan tanggungjawab yang berlainan, maka piawai dan penunjuk kompetensi bagi bidang tugas yang berlainan adalah berbeza.

*“Competencies are referred to as a collection of skills, knowledge and attitudes required to perform a task to a minimum standard. They are thus composed as statements that specify at what level a person should perform a job/task to be confident in that role.” (ESCAP, 2009)*

Berdasarkan saranan UNESCAP, kompetensi ICT menyenaraikan bidang tugas yang perlu dilaksanakan dengan bantuan ICT bagi peranan-peranan tertentu. Pengukuran kompetensi ICT membantu penggubal dasar menentukan tahap otonomi seseorang pekerja yang boleh diberi bagi menguruskan sumber dan prasarana yang akan diterima. Pengukuran kompetensi memberi maklumat yang diperlukan bagi merancang tindakan intervensi seperti latihan, bimbingan dan pengiktirafan. Maklumat yang diperoleh melalui pengukuran kompetensi membantu menentukan kekerapan dan aras kerumitan latihan yang perlu disediakan oleh pentadbir bagi membangunkan sumber manusia yang lebih kompeten. Ia juga boleh menentukan penempatan yang lebih sesuai dengan kebolehan seseorang pekerja (UNESCAP, 2009).

Secara ringkasnya, bagi tujuan perancangan program latihan ICT, kompetensi ICT mengikut bidang tugas perlu diukur. Pengukuran kompetensi ICT pemimpin sekolah akan membantu penggubal dasar merancang program latihan yang sesuai mengikut keperluan kumpulan sasaran, menentukan peruntukan kewangan bagi pembangunan prasarana ICT dan perancangan program transformasi sistem pendidikan negara.

## METODOLOGI KAJIAN

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara kuantitatif kerana kaedah ini membolehkan data dikumpul daripada sampel yang besar dalam masa yang singkat serta memberikan gambaran yang mencerminkan keadaan secara umum tentang populasi yang ingin dikaji (Creswell, 2005). Instrumen Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah telah digubal oleh pasukan penyelidik bersama wakil Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, guru besar dan pengetua untuk mengukur persepsi responden tentang tahap kompetensi ICT mereka. Instrumen ini merangkumi maklumat demografi responden dan item-item tingkah laku berkaitan dengan kompetensi ICT yang menggunakan skala 1 hingga 5 di mana 1 – ‘Sangat tidak setuju’; 2 – ‘Tidak setuju’; 3 – ‘Sederhana’; 4 – ‘Setuju’; dan 5 – ‘Sangat setuju’.

Item kajian dibina bagi meninjau Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah dalam enam domain seperti di dalam Rajah 3, iaitu Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT dalam Organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT, Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi; serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.



Rajah 3: Enam domain kompetensi ICT pemimpin sekolah

## **Dasar dan Kepimpinan ICT**

Domain Dasar dan Kepimpinan ICT meninjau sejauh manakah pemimpin sekolah memberi inspirasi dan memimpin pembangunan dan pelaksanaan visi untuk pengintegrasian ICT bagi menyokong transformasi dalam organisasi dengan mematuhi dasar dan pekeliling berkaitan ICT dalam pendidikan, serta membangun dan melaksanakan pelan strategik ICT. Domain ini mempunyai 17 item termasuk 8 item bagi aspek dasar dan 9 item bagi aspek kepimpinan strategik. Antara item-item ini, sebanyak 4 item digunakan untuk mengukur peringkat kesediaan, 5 item untuk peringkat penggunaan, 6 item untuk peringkat penerapan dan 2 item untuk peringkat transformasi.

## **Pembudayaan ICT dalam Organisasi**

Domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi meninjau sejauh manakah pemimpin sekolah mewujud, menggalak dan melestarikan budaya ICT. Pembudayaan ICT dilihat dari aspek pengamalan dan pengintegrasian ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan dan pentadbiran. Ia juga dilihat dari aspek penggunaan ICT bagi tujuan komunikasi dan kolaborasi berkesan. Domain ini mempunyai 22 item termasuk 8 item bagi aspek pembelajaran dan pengajaran, 5 item bagi aspek pengurusan pentadbiran ICT, dan 9 item bagi aspek komunikasi ICT. Antara item-item ini, sebanyak 4 item digunakan untuk mengukur peringkat kesediaan, 6 item untuk peringkat penggunaan, 4 item untuk peringkat penerapan dan 8 item untuk peringkat transformasi.

## **Pengetahuan dan Kemahiran ICT**

Domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT meninjau sejauh manakah pemimpin sekolah memahami konsep dan operasi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi serta menjadi model penggunaan ICT dalam organisasi. Aspek yang dilihat ialah pemahaman konsep dan operasi sistem pengkomputeran dan rangkaian; penggunaan perisian aplikasi pengurusan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi; penggunaan perisian produktiviti bagi tujuan meningkatkan kualiti kerja dan mempunyai literasi maklumat bagi tujuan memajukan organisasi. Domain ini mempunyai 39 item termasuk 7 item bagi aspek komponen computer dan rangkaian, 6 item bagi aspek perisian aplikasi pengurusan, 12 item bagi aspek perisian produktiviti, dan 14 item bagi aspek literasi maklumat. Antara item-item ini, sebanyak 8 item digunakan untuk mengukur peringkat kesediaan, 17 item untuk peringkat penggunaan, 8 item untuk peringkat penerapan dan 6 item untuk peringkat transformasi.

## **Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT**

Domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT meninjau sejauh manakah pemimpin sekolah dapat menyediakan dan mengurus sumber ICT untuk tujuan pembelajaran dan pengurusan cekap, berkesan, kondusif dan optimum. Kompetensi dilihat dari aspek

pengwujudan dan pengurusan infrastruktur teknologi supaya peralatan dalam keadaan boleh berfungsi, boleh diakses dan kondusif bagi menyokong pengurusan, operasi serta proses pembelajaran dan pengajaran. Selain daripada itu, pemastian keselamatan data dan perkakasan ICT juga diberi penekanan. Domain ini mempunyai 24 item termasuk 13 item bagi aspek mengurus infrastruktur teknologi, 5 item bagi aspek mengakses sumber ICT, serta 6 item bagi aspek keselamatan data dan perkakasan. Antara item-item ini, sebanyak 5 item digunakan untuk mengukur peringkat kesediaan, 7 item untuk peringkat penggunaan, 9 item untuk peringkat penerapan dan 3 item untuk peringkat transformasi.

### **Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi**

Domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi meninjau sejauh manakah pemimpin sekolah membangunkan keupayaan ICT organisasi secara berkesan dan berterusan. Aspek-aspek yang dilihat ialah peningkatan keupayaan ICT kendiri secara proaktif, pengurusan perubahan, pengwujudan kerjasama pintar dengan pihak luar untuk menyokong Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi dan pengwujudan komuniti pembelajaran ICT. Domain ini mempunyai 37 item termasuk 9 item bagi aspek pembangunan keupayaan berterusan, 11 item bagi aspek pengurusan perubahan, 9 item bagi aspek kerjasama pintar, dan 8 item bagi aspek komuniti pembelajaran. Antara item-item ini, sebanyak 6 item digunakan untuk mengukur peringkat kesediaan, 11 item untuk peringkat penggunaan, 11 item untuk peringkat penerapan dan 9 item untuk peringkat transformasi.

### **Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT**

Domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT meninjau sejauh manakah pemimpin sekolah memahami dan menghayati Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT serta memastikan warga sekolah memahaminya. Aspek-aspek yang dilihat ialah pengamalan penggunaan ICT secara selamat, berhemah, beretika, bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang berkaitan. Selain daripada itu, pemimpin sekolah harus menggalakkan amalan yang baik dalam organisasinya. Domain ini mempunyai 31 item termasuk 14 item bagi aspek isu sosial ICT, 11 item bagi aspek perundangan ICT, dan 6 item bagi aspek etika ICT. Antara item-item ini, sebanyak 4 item digunakan untuk mengukur peringkat kesediaan, 12 item untuk peringkat penggunaan, 8 item untuk peringkat penerapan dan 7 item untuk peringkat transformasi.

Kesimpulannya, sebanyak 170 item telah dibina untuk mengukur tahap kompetensi ICT mengikut enam domain iaitu Dasar dan Kepimpinan ICT (17), Pembudayaan ICT dalam Organisasi (22), Pengetahuan dan Kemahiran ICT (39), Pengurusan dan Pentadbiran ICT (24), Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi (37); serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT (31) serta peringkat pengintegrasian, iaitu peringkat kesediaan (30), peringkat penggunaan (57), peringkat penerapan (46), dan peringkat transformasi (35).

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan 41 orang pengetua dan guru besar yang menghadiri kursus di Institut Aminuddin Baki (IAB) Genting Highlands, Pahang. Borang soal selidik diedarkan kepada peserta kursus dan diberikan masa untuk menjawab. Kemudian, kesemua data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 16.0. Analisis dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ralat piawai dengan 95% selang kepercayaan.

Analisis data menunjukkan bahawa semua aspek bagi setiap domain mempunyai nilai *cronbach alpha* di antara 0.80 hingga 0.96. Bagi Sekaran (1992), nilai *cronbach alpha* yang kurang daripada 0.60 dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Lain kata, nilai *cronbach alpha* melebihi 0.80 yang memberikan kesimpulan bahawa item mempunyai kestabilan dan ketekalan yang baik (Creswell 2005; Pallant 2001; Sekaran 1992). Nilai *cronbach alpha* ini juga menunjukkan bahawa item mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diguna pakai seperti yang dinyatakan oleh Mohd Mujid (1990), Pallant (2001), Sekaran (1992) dan Siti Rahayah (2003). Mengikut Mohd. Majid Konting (1993) nilai  $\alpha = 0.71 - 0.99$  adalah tahap yang terbaik. Fraenkel dan Wallen (1996) meletakkan nilai *reliability* item yang diterima pada tahap  $\alpha = 0.70 - 0.99$ .

Analisis juga menunjukkan bahawa nilai korelasi skor item dengan jumlah skor dan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*) adalah melebihi 0.30. Ini bererti konstruk yang diukur mempunyai korelasi yang baik dengan jumlah skor. Kesimpulannya item mempunyai nilai kesahan yang tinggi sebagaimana Abu Bakar (1987), Cohen (1988), Norusis (1977) dan Nunally (1987).

Walau bagaimanapun, terdapat dua item menunjukkan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*) yang kurang daripada 0.30. Dua item tersebut mempunyai nilai kesahan yang rendah sebagaimana Abu Bakar (1987), Cohen (1988), Norusis (1977) dan Nunally (1987). Dengan itu, dua item tersebut iaitu item 10 “Saya memahami bahawa pelan strategik ICT mesti disediakan” dan item 142 “Saya menukar kata laluan setiap bulan” telah digugurkan kerana memperoleh nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*) 0.28.

## **Responden Kajian**

Seramai 211 orang pemimpin sekolah, iaitu 140 orang pemimpin sekolah rendah dan 71 orang pemimpin sekolah menengah yang terlibat sebagai responden kajian tinjauan ini. Pemimpin sekolah adalah terdiri daripada jawatan seperti pengetua, guru besar, dan guru penolong kanan daripada enam buah pejabat daerah pendidikan (PPD) terpilih. Bilangan responden ditentukan berdasarkan jumlah bilangan sekolah di setiap PPD berkenaan.

Keseluruhan bilangan responden yang terlibat ialah 66% sekolah rendah (SR) dan 34% sekolah menengah (SM) daripada jumlah sekolah di PPD yang terlibat. Jadual 10 menunjukkan pecahan 211 orang responden mengikut enam buah PPD yang terpilih, iaitu PPD Alor Setar (40 orang), PPD Kota Bharu (36 orang), PPD Kuala Terengganu (30 orang), PPD Petaling Perdana (35 orang), PPD Seremban (33 orang) dan PPD Kuantan (37 orang). Perincian bilangan responden mengikut PPD yang terpilih adalah seperti di dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Bilangan responden mengikut PPD yang terpilih**

<b>KES</b>	<b>PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD)</b>	<b>SR</b>	<b>SM</b>	<b>JUM.</b>
1	PPD Kota Setar, Kedah	26	14	40
2	PPD Kota Bharu, Kelantan	23	13	36
4	PPD Petaling Perdana, Selangor	21	14	35
5	PPD Seremban, Negeri Sembilan	25	8	33
3	PPD Kuala Terengganu, Terengganu	19	11	30
6	PPD Kuantan, Pahang	25	12	37
<b>JUMLAH :</b>		<b>139</b>	<b>72</b>	<b>211</b>

### **Kaedah Pengutipan Data**

Pemilihan responden mengikut bilangan seperti yang ditentukan dalam Jadual 1 di atas dibuat secara persampelan rawak mudah. Pentadbiran instrumen dibuat dengan cara mengumpulkan responden terpilih di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang terlibat dan diselia oleh seorang pensyarah IAB. Seorang pensyarah IAB hadir ke JPN untuk mentadbir instrumen kepada semua responden yang terpilih. Kaedah pengumpulan data ini dipilih kerana ianya dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat dan pada masa yang sama dapat mendekati pemimpin sekolah bagi memberi makluman tentang perkembangan dasar ICT semasa.

### **DAPATAN KAJIAN**

Bagi kajian ini, pengiraan selang skor min dikelaskan kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah seperti dalam Jadual 2. Dengan itu, kompetensi ICT pemimpin sekolah mengikut domain Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT dalam Organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT, Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi; serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT dikelaskan kepada tiga tahap.

**Jadual 2: Jadual interpretasi skor min**

<b>Selang Skor Min</b>	<b>Tahap</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Pengkelasan skor min dan penentuan ketiga-tiga tahap ini diubahsuai daripada Skala Likert lima mata yang digunakan dalam kajian ini. Skor 1 hingga 2.33 dianggap tahap komptensi ICT rendah; skor 2.34 hingga 3.67 pula dianggap kompetensi sederhana dan skor 3.68 hingga 5.00 dianggap tahap kompetensi ICT tinggi. Selang skor min adalah bersamaan dengan 1.33 berdasarkan formula (Nunnally, 1994) seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Nilai Tertinggi-Nilai Terendah}}{\text{Bilang Selang}} = \text{Selang Skor Min}$$

Maka,

$$\frac{5-1}{3} = 1.33$$

### Ciri Demografi Responden

**Jadual 3: Ciri demografi responden kajian**

Ciri Demografi	Responden	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	111	52.6
	Perempuan	100	47.4
Jenis Sekolah	Sekolah Rendah	140	66.4
	Sekolah Menengah	71	33.6
Lokasi	Bandar	135	64.0
	Luar Bandar	76	36.0
Umur	36-40	3	1.4
	41-45	4	1.9
	46-50	26	12.3
	51-55	113	53.6
	56-60	65	30.8
Jawatan	Pengetua	58	27.5
	Guru Besar	120	56.9
	Penolong Kanan	31	14.7
	Lain-lain	2	0.90

Berdasarkan Jadual 3, terdapat seramai 111 orang (52.6%) responden lelaki dan 100 orang (47.4%) responden perempuan. Dari jumlah tersebut, seramai 140 orang (66.4%) yang berkhidmat di sekolah rendah dan 71 orang (33.6%) berkhidmat di sekolah menengah. Bagi kawasan lokasi sekolah, seramai 135 orang (64.0%) responden adalah dari kawasan Bandar dan seramai 76 orang (36.0%) responden adalah dari kawasan Luar Bandar.

Bagi aspek usia, seramai 113 orang (53.6%) responden adalah daripada kumpulan julat umur 51-55 tahun, 65 orang (30.8%) daripada kumpulan julat umur 56-60 tahun; dan 26 orang (12.3%) daripada kumpulan julat umur 46-50 tahun; 4 orang (1.9%) daripada kumpulan julat umur 41-45 dan 3 orang (1.4%) daripada kumpulan julat umur 36-40 tahun. Dalam hal ini, majoriti peserta adalah dari kumpulan julat umur 51-60 tahun (84.4%).

Bagi jawatan yang disandang, seramai 58 orang (27.5%) menjawat jawatan sebagai Pengetua, 120 orang (56.9%) adalah guru besar, 31 orang (14.7%) penolong kanan dan 2 orang (0.9%) menjawat lain-lain jawatan seperti ketua bidang. Dapat dilihat bahawa peratusan terbesar responden terdiri daripada kumpulan peneraju sekolah iaitu pengetua dan guru besar.

#### **Tahap Kompetensi Mengikut Domain**

**Soalan 1: Apakah tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah berdasarkan domain Dasar dan Kepimpinan ICT, Pembudayaan ICT organisasi, Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Pengurusan dan Pentadbiran ICT Organisasi, Pembangunan Keupayaan ICT serta Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT?**

**Jadual 4: Frekuensi tahap kompetensi ICT bagi setiap domain**

Domain dan Indikator	Tahap (Bilangan / Peratus)			
	Jumlah Responden (n)	Rendah (1 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5)
Dasar dan Kepimpinan ICT	211	2 (0.9%)	62 (29.4%)	147 (69.7%)
Pembudayaan ICT dalam Organisasi	211	-	71 (33.6%)	141 (66.4%)
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	211	5 (2.4%)	78 (37.0%)	128 (60.7%)
Pengurusan Dan Pentadbiran ICT	211	1 (0.5%)	56 (26.5%)	154 (73.0%)
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	211	3 (1.4%)	79 (37.4%)	129 (61.2%)
Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT	211	4 (1.9%)	79 (37.4%)	128 (60.7%)

Dapatan kajian seperti di dalam Jadual 4 menunjukkan melebihi 60% pemimpin sekolah berpendapat bahawa kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi iaitu: 73.0% bagi domain Pengurusan Dan Pentadbiran ICT; 69.7% bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT; 66.4% bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi; 61.2% bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi; 60.7% bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT serta domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.

Antara 26.5% hingga 37.4% pemimpin berpendapat bahawa mereka berada pada tahap sederhana iaitu: 37.4% bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi serta domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT; 37.0% bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT; 33.6% bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi; 29.4% bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT; dan 26.5% bagi domain Pengurusan Dan Pentadbiran ICT.

Terdapat kurang daripada 2.5% pemimpin sekolah berpendapat mereka berada pada tahap rendah iaitu: 2.4% bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT; 1.9% bagi domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT; 1.4% bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi; 0.9% bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT dan 0.5% bagi domain Pengurusan Dan Pentadbiran ICT. Tiada yang berpendapat bahawa mereka rendah dalam domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi.

Selain dapatan frekuensi mengikut setiap domain. Dapatan yang lebih terperinci juga diterangkan melalui skor min mengikut domain masing-masing dalam laporan yang seterusnya.

**Jadual 5: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap domain**

Domain dan Indikator	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Dasar dan Kepimpinan ICT	3.90	0.57	Tinggi
Pembudayaan ICT dalam Organisasi	3.89	0.57	Tinggi
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	3.79	0.61	Tinggi
Pengurusan Dan Pentadbiran ICT	3.89	0.57	Tinggi
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	3.80	0.59	Tinggi
Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT	3.79	0.64	Tinggi

Jadual 5 di atas menunjukkan skor min mengikut domain. Responden berpendapat mereka berada pada tahap tinggi dalam kesemua domain dengan skor min antara 3.79 hingga 3.90. Dapatan yang lebih terperinci diterangkan mengikut domain masing-masing.

## **Dasar dan Kepimpinan ICT**

Domain Dasar dan Kepimpinan ICT mengandungi dua aspek, iaitu (i) aspek dasar dan (ii) pelan strategik.

**Jadual 6: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap aspek domain Dasar dan Kepimpinan ICT**

<b>Aspek domain Dasar dan Kepimpinan ICT</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Dasar	4.04	0.56	Tinggi
Pelan Strategik	3.75	0.66	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT</b>	<b>3.90</b>	<b>0.57</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 6 menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat bahawa kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi dalam aspek dasar ( $\text{min}=4.04$ ,  $\text{SP}=0.56$ ) dan pelan strategik ( $\text{min}=3.75$ ,  $\text{SP}=0.66$ ). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT ( $\text{min}=3.90$ ,  $\text{SP}=0.57$ ). Nilai sisihan yang kecil menunjukkan pemimpin sekolah mempunyai pendapat yang tidak jauh berbeza terhadap aspek tersebut.

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, skor min setiap item bagi kedua-dua aspek ditunjukkan dalam Jadual 7 dan 8 di bawah.

**Jadual 7: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek dasar**

<b>Item bagi Aspek Dasar</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Saya memahami dasar ICT dalam pendidikan.	4.31	0.67	Tinggi
Saya memahami pekeliling yang berkaitan dasar ICT dalam pendidikan.	4.19	0.68	Tinggi
Saya melaksanakan dasar ICT dalam pendidikan.	4.09	0.71	Tinggi
Saya mematuhi pekeliling ICT dalam pendidikan.	4.21	0.67	Tinggi
Saya menyediakan garis panduan dan peraturan penggunaan ICT dalam organisasi.	3.84	0.85	Tinggi
Saya memantau penggunaan ICT dalam organisasi.	4.04	0.78	Tinggi
Saya mengamalkan dasar ICT dalam pendidikan.	4.03	0.70	Tinggi
Saya memberi input kepada pembangunan pengintegrasian ICT dalam pendidikan di pelbagai peringkat.	3.63	0.84	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek dasar</b>	<b>4.04</b>	<b>0.56</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 7, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi item aspek dasar (min di antara 3.84 hingga 4.31) yang meliputi memahami dasar ICT dalam pendidikan, mematuhi pekeliling ICT dalam pendidikan, memahami pekeliling yang berkaitan dasar ICT dalam pendidikan, melaksanakan dasar ICT dalam pendidikan, memantau penggunaan ICT dalam organisasi, mengamalkan dasar ICT dalam pendidikan serta menyediakan garis panduan dan peraturan penggunaan ICT dalam organisasi. Namun, respon bagi item memberi input kepada pembangunan pengintegrasian ICT dalam pendidikan adalah pada tahap sederhana (min=3.63). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek dasar (min=4.04, SP=0.56).

**Jadual 8: Skor min, sisihan piaawai dan tahap bagi aspek strategik**

Item bagi Aspek Strategik	Skor Min	Sisihan Piaawai	Tahap
Saya memahami bahawa penggunaan ICT memberi kesan positif terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) serta Pengurusan dan Pentadbiran (PDT)	4.65	0.52	Tinggi
Saya memahami bahawa pelan strategik ICT mesti disediakan.	4.25	0.74	Tinggi
Saya mengetuaui jawatankuasa penyediaan pelan strategik ICT organisasi.	3.98	0.89	Tinggi
Saya melaksanakan pelan strategik ICT organisasi.	3.71	0.87	Tinggi
Saya menyebar luas pelan strategik ICT organisasi kepada semua warga sekolah.	3.71	0.91	Tinggi
Saya memantau status pelaksanaan pelan strategik ICT organisasi.	3.67	0.87	Tinggi
Saya mengadakan mesyuarat menilai semula pelaksanaan pelan strategik ICT organisasi.	3.48	0.85	Sederhana
Saya mengambil tindakan susulan untuk menambah baik pelan strategik ICT organisasi.	3.64	0.91	Sederhana
Saya pernah membantu organisasi lain dalam menyediakan pelan strategik ICT.	2.67	1.03	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek strategik</b>	<b>3.73</b>	<b>0.64</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 8, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi item aspek strategik (min antara 3.67 hingga 4.65) yang meliputi memahami bahawa penggunaan ICT memberi kesan positif terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) serta Pengurusan dan Pentadbiran (PDT), memahami bahawa pelan strategik ICT mesti disediakan, mengetuaui jawatankuasa penyediaan pelan strategik ICT organisasi, melaksanakan pelan strategik ICT organisasi, menyebar luas pelan strategik ICT organisasi kepada semua warga sekolah, dan memantau status pelaksanaan pelan strategik ICT organisasi. Pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap sederhana bagi item mengadakan mesyuarat menilai semula pelaksanaan pelan strategik ICT organisasi, mengambil tindakan susulan untuk menambah baik pelan strategik ICT organisasi dan item pernah membantu organisasi lain dalam menyediakan pelan strategik ICT. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek strategik (min=3.73, SP=0.64).

## **Pembudayaan ICT dalam Organisasi**

Bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi, kompetensi ICT pemimpin sekolah adalah berdasarkan aspek (i) pembelajaran dan pengajaran, (ii) pengurusan pentadbiran ICT dan (iii) komunikasi ICT.

**Jadual 9: Skor min, sisihan piaawai dan tahap bagi setiap aspek domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi**

Domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi	Skor Min	Sisihan Piaawai	Tahap
Pembelajaran dan Pengajaran	3.81	0.66	Tinggi
Pengurusan Pentadbiran ICT	3.94	0.63	Tinggi
Komunikasi ICT	3.91	0.68	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi</b>	<b>3.89</b>	<b>0.57</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 9 menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat bahawa kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi dalam aspek pembelajaran dan pengajaran ( $\text{min}=3.81$ ,  $\text{SP}=0.66$ ), pengurusan pentadbiran ICT ( $\text{min}=3.94$ ,  $\text{SP}=0.63$ ) dan komunikasi ICT ( $\text{min}=3.91$ ,  $\text{SP}=0.68$ ). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi ( $\text{min}=3.89$ ,  $\text{SP}=0.57$ ).

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, skor min setiap item bagi ketiga-tiga aspek ditunjukkan dalam Jadual 17, 18 dan 19 di bawah.

**Jadual 10: Skor min, sisihan piaawai dan tahap bagi aspek pembelajaran dan pengajaran**

Item bagi Aspek pembelajaran dan pengajaran	Skor Min	Sisihan Piaawai	Tahap
Saya memahami bahawa ICT boleh meningkatkan kualiti PDP.	4.65	0.58	Tinggi
Saya menggunakan ICT sebagai alat bantu mengajar.	3.81	0.94	Tinggi
Saya memberi tugas yang memerlukan penggunaan ICT kepada murid.	3.39	0.92	Sederhana
Saya menyemak komponen pengintegrasian ICT dalam buku rekod persediaan pengajaran guru.	3.39	1.02	Sederhana
Saya mencerap pengintegrasian ICT dalam PDP.	3.67	0.90	Tinggi
Saya memuat naik bahan PDP dalam sistem pengurusan pembelajaran maya.	3.43	1.05	Sederhana
Saya menggalakkan guru berkongsi bahan PDP dalam sistem pengurusan pembelajaran maya.	4.06	0.79	Tinggi
Saya menggalakkan guru mengadakan aktiviti pembelajaran dalam sistem pengurusan pembelajaran maya.	4.07	0.80	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi aspek pembelajaran dan pengajaran</b>	<b>3.81</b>	<b>0.66</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 10, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang berbeza bagi item dalam aspek pembelajaran dan pengajaran (min antara 3.39 hingga 4.65). Pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi (min antara 3.67 hingga 4.65) yang meliputi memahami bahawa ICT boleh meningkatkan kualiti PDP, menggalakkan guru mengadakan aktiviti pembelajaran dalam sistem pengurusan pembelajaran maya, menggalakkan guru berkongsi bahan PDP dalam sistem pengurusan pembelajaran maya, menggunakan ICT sebagai alat bantu mengajar, dan mencerap pengintegrasian ICT dalam PDP. Pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap sederhana bagi item memuat naik bahan PDP dalam sistem pengurusan pembelajaran maya, memberi tugas yang memerlukan penggunaan ICT kepada murid, dan menyemak komponen pengintegrasian ICT dalam buku rekod persediaan pengajaran guru. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek pembelajaran dan pengajaran (min=3.81, SP=0.66).

**Jadual 11: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Pengurusan Pentadbiran ICT**

Item bagi Aspek Pengurusan Pentadbiran ICT	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memahami bahawa ICT boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan PDT.	4.53	0.63	Tinggi
Saya menggunakan ICT dalam PDT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan.	4.20	0.79	Tinggi
Saya menggunakan ICT dalam semua aspek pengurusan.	3.94	0.80	Tinggi
Saya boleh memberi input dalam mereka bentuk sistem pengurusan berbantuan ICT.	3.25	1.03	Sederhana
Saya menggunakan pelbagai alat pengurusan berbantuan ICT untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan PDT.	3.81	0.83	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi aspek Pengurusan Pentadbiran ICT</b>	<b>3.94</b>	<b>0.63</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 11, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi item aspek pengurusan pentadbiran ICT (min antara 3.81 hingga 4.53) yang meliputi memahami bahawa ICT boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan PDT, menggunakan ICT dalam PDT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan, menggunakan ICT dalam semua aspek pengurusan, dan menggunakan pelbagai alat pengurusan berbantuan ICT untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan PDT. Namun, respon bagi item boleh memberi input dalam mereka bentuk sistem pengurusan berbantuan ICT berada pada tahap sederhana (min=3.25). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek pengurusan pentadbiran ICT (min = 3.94, SP = 0.63).

**Jadual 12: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Komunikasi ICT**

Item bagi Aspek Komunikasi ICT	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya faham tentang fungsi e-mel.	4.48	0.66	Tinggi
Saya faham tentang fungsi media sosial.	4.27	0.73	Tinggi
Saya boleh menggunakan e-mel untuk berkomunikasi dan berkolaborasi.	4.20	0.87	Tinggi
Saya boleh menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi.	4.01	0.87	Tinggi
Saya berkomunikasi dengan warga sekolah melalui e-mel.	3.31	1.02	Sederhana
Saya berkomunikasi dengan pihak luar melalui e-mel.	3.60	1.00	Sederhana
Saya menggalakkan penggunaan media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi dalam organisasi.	3.82	0.86	Tinggi
Saya menggalakkan penggunaan media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak.	3.78	0.86	Tinggi
Saya boleh menggunakan lebih daripada satu media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi.	3.70	0.92	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi aspek komunikasi ICT</b>	<b>3.91</b>	<b>0.68</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 12, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi item aspek komunikasi ICT (min antara 3.70 hingga 4.48) yang meliputi faham tentang fungsi e-mel, faham tentang media sosial, boleh menggunakan e-mel untuk berkomunikasi dan berkolaborasi, menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi, menggalakkan penggunaan media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi dalam organisasi, menggalakkan penggunaan media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak, dan boleh menggunakan lebih daripada satu media sosial untuk berkomunikasi dan berkolaborasi. Pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap sederhana bagi item berkomunikasi dengan pihak luar melalui e-mel, dan berkomunikasi dengan warga sekolah melalui e-mel. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek komunikasi ICT (min=3.91, SP=0.68).

### **Pengetahuan dan Kemahiran ICT**

Bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT, kompetensi ICT pemimpin sekolah adalah berdasarkan empat aspek, iaitu (i) komponen komputer dan rangkaian, (ii) perisian aplikasi pengurusan, (iii) perisian produktiviti, dan (iv) literasi maklumat.

**Jadual 13: Skor min, sisihan piaawai dan tahap bagi setiap aspek dalam domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT**

Aspek dalam Domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT	Skor Min	Sisihan Piaawai	Tahap
Komponen Komputer dan Rangkaian	3.84	0.61	Tinggi
Perisian Aplikasi Pengurusan	3.90	0.67	Tinggi
Perisian Produktiviti	3.64	0.71	Sederhana
Literasi Maklumat	3.75	0.74	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT</b>	<b>3.79</b>	<b>0.61</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 13 menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi dalam item aspek komponen komputer dan rangkaian ( $\text{min}=3.84$ ,  $\text{SP}=0.61$ ), perisian aplikasi pengurusan ( $\text{min}=3.90$ ,  $\text{SP}=0.67$ ) dan literasi maklumat ( $\text{min}=3.75$ ,  $\text{SP}=0.74$ ). Namun, bagi aspek Perisian Produktiviti kompetensi pemimpin sekolah berada pada tahap sederhana ( $\text{min}=3.64$ ,  $\text{SP}=0.71$ ). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain komponen komputer dan rangkaian ( $\text{min}=3.79$ ,  $\text{SP}=0.61$ ).

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, skor min setiap item bagi ketiga-tiga aspek ditunjukkan dalam Jadual 14, 15, 16 dan 17 di bawah.

**Jadual 14: Skor min, sisihan piaawai dan tahap bagi aspek komponen komputer dan rangkaian**

Item bagi Aspek komponen komputer dan rangkaian	Skor Min	Sisihan Piaawai	Tahap
Saya memahami komponen asas komputer dan fungsinya.	4.14	0.82	Tinggi
Saya memahami rangkaian komputer dan fungsinya.	3.89	0.80	Tinggi
Saya menggunakan ICT dalam tugas-tugas pentadbiran.	4.17	0.78	Tinggi
Saya menggunakan rangkaian komunikasi untuk berkongsi maklumat dan data dengan warga sekolah.	3.82	0.87	Tinggi
Saya memastikan penggunaan peralatan ICT dalam pelbagai tugas organisasi.	4.10	0.73	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah menggunakan rangkaian komunikasi untuk berkongsi maklumat dan data dengan pihak luar.	3.91	0.76	Tinggi
Saya boleh membangunkan sistem pengkomputeran dan rangkaian mengikut keperluan organisasi.	2.89	1.01	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek komponen komputer dan rangkaian</b>	<b>3.84</b>	<b>0.61</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 14, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi item dalam aspek komponen komputer dan rangkaian (min antara 3.82 hingga 4.17). Ini menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat kompetensi mereka berada pada tahap tinggi bagi menggunakan ICT dalam tugas-tugas pentadbiran, memahami komponen asas komputer dan fungsinya, memastikan penggunaan peralatan ICT dalam pelbagai tugas organisasi, memastikan warga sekolah menggunakan rangkaian komunikasi untuk berkongsi maklumat dan data dengan pihak luar, memahami rangkaian komputer dan fungsinya dan menggunakan rangkaian komunikasi untuk berkongsi maklumat dan data dengan warga sekolah. Namun, bagi membangunkan sistem pengkomputeran dan rangkaian mengikut keperluan organisasi pula berada pada tahap sederhana (min=2.89). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek komponen komputer dan rangkaian (min=3.84, SP=0.61).

**Jadual 15: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek perisian aplikasi pengurusan**

Item bagi Aspek Perisian Aplikasi Pengurusan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memahami kegunaan setiap aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM (contoh : e-spkb, eG-tukar , e-disiplin, SMM, EMIS, SSDM dll).	4.17	0.79	Tinggi
Saya menggunakan aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM (contoh: e-spkb, eG-tukar, e-disiplin, SMM EMIS, SSDM dll).	4.18	0.83	Tinggi
Saya boleh menyediakan data dan maklumat yang diperolehi daripada aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM mengikut keperluan PPD/JPN/KPM.	3.87	0.87	Tinggi
Saya memastikan organisasi menggunakan data dan maklumat daripada aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM untuk memajukan organisasi.	4.24	0.74	Tinggi
Saya boleh menggabungkan data daripada beberapa aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM untuk menjana maklumat baru.	3.07	1.04	Sederhana
Saya boleh memberi input dalam membangunkan aplikasi pengurusan baru yang menepati keperluan organisasi.	3.03	1.05	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek perisian aplikasi pengurusan</b>	<b>3.90</b>	<b>0.67</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 15, pemimpin sekolah memberikan respon bagi semua item dalam aspek perisian aplikasi pengurusan pada tahap yang tinggi (min antara 3.87 hingga 4.24). Ini menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat kompetensi mereka berada pada tahap tinggi bagi organisasi menggunakan data dan maklumat daripada aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM untuk memajukan organisasi, Saya menggunakan aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM, memahami kegunaan setiap aplikasi pengurusan

yang dibekalkan oleh KPM dan boleh menyediakan data dan maklumat yang diperolehi daripada aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM mengikut keperluan PPD/JPN/KPM. Bagi item menggabungkan data daripada beberapa aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM untuk menjana maklumat baru ( $\text{min}=3.07$ ) dan item memberi input dalam membangunkan aplikasi pengurusan baru yang menepati keperluan organisasi ( $\text{min}=3.03$ ) pula adalah pada tahap sederhana. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek perisian aplikasi pengurusan ( $\text{min}=3.90$ ,  $\text{SP}=0.67$ ).

**Jadual 16: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek perisian produktiviti**

Item bagi Aspek perisian produktiviti	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya tahu menggunakan perisian produktiviti asas (contoh: pemprosesan kata, hamparan elektronik, persembahan elektronik dan pangkalan data).	3.42	1.07	Sederhana
Saya boleh menggunakan sidang video ( <i>video conferencing</i> ).	2.88	1.04	Sederhana
Saya boleh menggunakan forum laman web.	3.06	1.09	Sederhana
Saya boleh menggunakan sistem pesanan ringkas (sms).	4.64	0.63	Tinggi
Saya menggunakan perisian pemprosesan kata untuk menyediakan dokumen dan laporan.	3.97	1.04	Tinggi
Saya menggunakan perisian hamparan elektronik untuk menyediakan unjuran prestasi sekolah.	3.79	1.00	Tinggi
Saya menggunakan perisian persembahan multimedia untuk menyediakan bahan pembentangan	4.14	0.94	Tinggi
Saya menggunakan perisian pangkalan data untuk mengumpul, menganalisis dan menyediakan laporan.	3.70	1.01	Tinggi
Saya memastikan organisasi menggunakan perisian produktiviti asas untuk menyediakan dokumen dan laporan.	4.10	0.78	Tinggi
Saya memastikan organisasi menggunakan perisian produktiviti asas untuk menyediakan bahan persembahan.	4.10	0.73	Tinggi
Saya boleh mereka bentuk templat menggunakan perisian hamparan elektronik untuk tujuan pemantauan dan penilaian pencapaian akademik.	3.04	1.15	Sederhana
Saya boleh mereka bentuk templat menggunakan perisian hamparan elektronik untuk tujuan pemantauan prestasi kewangan sekolah.	2.88	1.08	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek perisian produktiviti</b>	<b>3.64</b>	<b>0.71</b>	<b>Sederhana</b>

Berdasarkan Jadual 16, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi semua item dalam aspek perisian produktiviti ( $\text{min}$  antara 3.70 hingga 4.64). Ini menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat kompetensi mereka berada pada tahap tinggi bagi menggunakan sistem pesanan ringkas (sms), menggunakan perisian persembahan

multimedia untuk menyediakan bahan pembentangan, memastikan organisasi menggunakan perisian produktiviti asas untuk menyediakan dokumen dan laporan, memastikan organisasi menggunakan perisian produktiviti asas untuk menyediakan bahan persembahan, menggunakan perisian pemprosesan kata untuk menyediakan dokumen dan laporan, menggunakan perisian hamparan elektronik untuk menyediakan unjuran prestasi sekolah dan menggunakan perisian pangkalan data untuk mengumpul, menganalisis dan menyediakan laporan. Terdapat lima item berada pada tahap sederhana iaitu item menggunakan perisian produktiviti asas (contoh: pemprosesan kata, hamparan elektronik, persembahan elektronik dan pangkalan data) ( $\text{min} = 3.42$ ), item menggunakan sidang video (*video conferencing*) ( $\text{min} = 2.88$ ), item menggunakan forum laman web ( $\text{min} = 3.06$ ), item mereka bentuk templat menggunakan perisian hamparan elektronik untuk tujuan pemantauan dan penilaian pencapaian akademik ( $\text{min} = 3.04$ ) dan item mereka bentuk templat menggunakan perisian hamparan elektronik untuk tujuan pemantauan prestasi kewangan sekolah ( $\text{min} = 2.88$ ). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap sederhana terhadap aspek perisian produktiviti ( $\text{min} = 3.64$ ,  $\text{SP} = 0.71$ ).

**Jadual 17: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek literasi maklumat**

Item bagi aspek literasi maklumat	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya tahu maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah.	3.54	1.00	Sederhana
Saya tahu menilai kesesuaian dan kebolehpercayaan maklumat.	3.72	0.91	Tinggi
Saya tahu mencari, mengumpul, menilai, dan memproses maklumat yang diperlukan dari sumber yang sesuai.	3.67	0.92	Tinggi
Saya tahu menyampaikan maklumat yang relevan kepada pihak yang berkenaan untuk membuat keputusan.	3.83	0.84	Tinggi
Saya boleh mencari maklumat dari sumber yang boleh dipercayai.	4.00	0.87	Tinggi
Saya boleh menyusun maklumat yang diperolehi secara sistematik.	3.65	0.96	Sederhana
Saya boleh menganalisis dan mensintesis pelbagai maklumat untuk menyelesaikan masalah.	3.47	1.00	Sederhana
Saya boleh menggunakan maklumat yang betul untuk menyelesaikan masalah.	3.81	0.91	Tinggi
Saya boleh menjana idea baru berdasarkan maklumat dari pelbagai sumber.	3.71	0.89	Tinggi
Saya boleh memberi justifikasi untuk menyelesaikan sesuatu masalah.	3.73	0.88	Tinggi
Saya memastikan masalah dalam organisasi diselesaikan menggunakan maklumat yang tepat.	4.12	0.76	Tinggi
Saya mengubah suai idea yang diperolehi dari pelbagai sumber untuk dilaksanakan di sekolah.	3.63	0.88	Sederhana
Saya melaksanakan program pembangunan organisasi berdasarkan maklumat yang tepat.	3.94	0.78	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi aspek literasi maklumat</b>	<b>3.75</b>	<b>0.74</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 17 pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi semua item dalam aspek literasi maklumat (min antara 3.67 hingga 4.12). Kompetensi pemimpin sekolah adalah tinggi bagi memastikan masalah dalam organisasi diselesaikan menggunakan maklumat yang tepat, mencari maklumat dari sumber yang boleh dipercayai, melaksanakan program pembangunan organisasi berdasarkan maklumat yang tepat, menyampaikan maklumat yang relevan kepada pihak yang berkenaan untuk membuat keputusan. memberi justifikasi untuk menyelesaikan sesuatu masalah, menjana idea baru berdasarkan maklumat dari pelbagai sumber serta mencari, mengumpul, menilai, dan memproses maklumat yang diperlukan dari sumber yang sesuai. Namun, terdapat 4 item adalah pada tahap sederhana, iaitu item tahu maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah (min=3.54), item menyusun maklumat yang diperolehi secara sistematis (min=3.65), item menganalisis dan mensintesis pelbagai maklumat untuk menyelesaikan masalah (min=3.47) dan item mengubah suai idea yang diperolehi dari pelbagai sumber untuk dilaksanakan di sekolah (min=3.63). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek literasi maklumat (min=3.75, SP=0.74).

### **Pengurusan dan Pentadbiran ICT**

Bagi domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT, kompetensi ICT pemimpin sekolah adalah berdasarkan aspek (i) mengurus infrastruktur teknologi, (ii) mengakses sumber ICT dan (iii) keselamatan data dan perkakasan ICT.

**Jadual 18: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap aspek pengurusan dan pentadbiran ICT**

<b>Aspek domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Mengurus Infrastruktur Teknologi	4.01	0.57	Tinggi
Mengakses Sumber ICT	3.73	0.64	Tinggi
Keselamatan Data dan Perkakasan ICT	3.94	0.67	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT</b>	<b>3.89</b>	<b>0.57</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 18 menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat bahawa kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi dalam aspek mengurus infrastruktur teknologi (min=4.01, SP=0.57), mengakses sumber ICT (min=3.73, SP=0.64) dan keselamatan data dan perkakasan ICT (min=3.94, SP=0.67). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT (min=3.89, SP=0.57).

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, skor min setiap item bagi ketiga-tiga aspek ditunjukkan dalam Jadual 19, 20 dan 21 di bawah.

**Jadual 19: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek mengurus infrastruktur teknologi**

Item bagi Aspek Mengurus Infrastruktur Teknologi	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mengetahui tentang infrastruktur ICT asas yang diperlukan untuk pembelajaran dan pengurusan.	4.11	0.72	Tinggi
Saya berusaha menyediakan kepelbagaiannya infrastruktur teknologi yang terkini dalam organisasi.	4.03	0.80	Tinggi
Saya menggunakan infrastruktur teknologi bagi menyokong PDP dan PDT.	3.97	0.82	Tinggi
Saya memastikan penggunaan infrastruktur teknologi bagi menyokong PDP dan PDT.	4.06	0.74	Tinggi
Saya mengetahui prosedur pengurusan aset ICT, penyelenggaraan, pelupusan, penggantian dan keselamatan fizikal infrastruktur ICT.	3.91	0.81	Tinggi
Saya mengetahui jenis-jenis kerosakan peralatan ICT.	3.11	0.96	Sederhana
Saya menyemak senarai aset dan inventori ICT secara berkala.	3.82	0.80	Tinggi
Saya memastikan kemudahan ICT sentiasa berfungsi.	4.26	0.70	Tinggi
Saya memastikan pelupusan aset mengikut prosedur.	4.26	0.77	Tinggi
Saya memastikan penerimaan perkakasan ICT dijalankan mengikut prosedur.	4.40	0.69	Tinggi
Saya menyelia penyenggaraan peralatan ICT.	4.07	0.80	Tinggi
Saya memastikan rekod pengurusan aset dan inventori ICT sentiasa dikemas kini.	4.28	0.72	Tinggi
Saya menerapkan budaya kitar semula peralatan ICT dalam organisasi.	3.78	0.85	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi aspek Mengurus Infrastruktur Teknologi</b>	<b>4.01</b>	<b>0.57</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 19, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi semua item dalam aspek mengurus infrastruktur ICT (min antara 3.78 hingga 4.28), kecuali item mengetahui jenis-jenis kerosakan peralatan ICT pada tahap sederhana (min=3.11). Secara keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek mengurus infrastruktur teknologi (min=4.01, SP=0.57).

**Jadual 20: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek mengakses sumber ICT**

Item bagi Aspek Mengakses Sumber ICT	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mengetahui pelbagai sumber ICT yang boleh diakses.	3.66	0.80	Sederhana
Saya menyediakan pelbagai sumber ICT untuk keperluan warga sekolah.	3.95	0.82	Tinggi
Saya boleh menjadi pakar runding dalam mengakses sumber ICT.	2.59	1.00	Rendah
Saya memastikan semua warga sekolah boleh mengakses kemudahan ICT mengikut keperluan.	4.05	0.82	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah boleh mengakses Internet.	4.43	0.72	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi aspek mengakses sumber ICT</b>	<b>3.73</b>	<b>0.64</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 20, pemimpin sekolah berpendapat kompetensi ICT mereka adalah pada tahap tinggi bagi item memastikan warga sekolah boleh mengakses Internet, semua warga sekolah boleh mengakses kemudahan ICT mengikut keperluan dan menyediakan pelbagai sumber ICT untuk keperluan warga sekolah. Kompetensi pemimpin sekolah bagi pelbagai sumber ICT yang boleh di akses adalah pada tahap sederhana. Pemimpin sekolah juga memberikan skor yang lebih rendah bagi item menjadi pakar runding dalam mengakses sumber ICT (min 2.59). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap konstruk pengetahuan dan kemanhiran ICT (min = 3.73, SP = 0.64).

**Jadual 21: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek keselamatan data dan perkakasan ICT**

Item bagi Aspek Keselamatan Data dan Perkakasan ICT	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mengetahui dasar keselamatan ICT.	4.06	0.84	Tinggi
Saya mengamalkan kaedah penjagaan keselamatan data organisasi .	4.01	0.80	Tinggi
Saya menjaga keselamatan maklumat peribadi dalam persekitaran siber.	4.03	0.85	Tinggi
Saya menyediakan garis panduan mengenai keselamatan ICT dalam organisasi .	3.83	0.85	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah mematuhi Dasar Keselamatan ICT KPM.	4.20	0.76	Tinggi
Saya melaksanakan inovasi dalam amalan keselamatan ICT organisasi.	3.49	0.90	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek keselamatan data dan perkakasan ICT</b>	<b>3.94</b>	<b>0.67</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 21 menunjukkan selain melaksanakan inovasi dalam amalan keselamatan ICT organisasi ( $\text{min}=3.49$ ) pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi item aspek keselamatan data dan perkakasan ICT (min antara 3.83 hingga 4.20) yang meliputi dasar keselamatan ICT ( $\text{min}=4.06$ ), kaedah penjagaan keselamatan data organisasi (4.01), keselamatan maklumat peribadi dalam persekitaran siber ( $\text{min}=4.03$ ), sediakan garis panduan keselamatan ICT ( $\text{min}=3.83$ ), mematuhi dasar keselamatan ICT ( $\text{min}=4.20$ ). Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek keselamatan data dan perkakasan ICT ( $\text{min}=3.94$ , SP=0.67).

### **Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi**

Bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi, kompetensi ICT pemimpin sekolah adalah ditinjau daripada empat aspek, iaitu, (i) Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan, (ii) Pengurusan Perubahan, (iii) Kerjasama Pintar, dan (iv) Komuniti Pembelajaran.

**Jadual 22: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap aspek domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi**

Aspek	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan	3.88	0.66	Tinggi
Pengurusan Perubahan	3.97	0.62	Tinggi
Kerjasama Pintar	3.62	0.67	Sederhana
Komuniti Pembelajaran	3.72	0.67	Tinggi
<b>Keseluruhan domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi</b>	<b>3.80</b>	<b>0.59</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 22 menunjukkan bahawa respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi ( $\text{min}=3.80$ , SP=0.59). Ini menunjukkan pemimpin sekolah berpendapat kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi dalam aspek Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan ( $\text{min}=3.88$ , SP=0.66), Pengurusan Perubahan ( $\text{min}=3.97$ , SP=0.62) dan Komuniti Pembelajaran ( $\text{min}=3.72$ , SP=0.67). Persepsi responden tentang kompetensi mereka dalam aspek Kerjasama Pintar berada pada tahap sederhana ( $\text{min}=3.62$ , SP=0.67). Secara keseluruhannya respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi ( $\text{min}=3.80$ , SP=0.59). Nilai sisihan piawai yang kecil menunjukkan pemimpin sekolah mempunyai pendapat yang tidak jauh berbeza terhadap aspek tersebut.

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, skor min setiap item bagi kesemua empat aspek ditunjukkan dalam Jadual 23, 24, 25 dan 26 di bawah.

**Jadual 23: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan**

Item bagi aspek Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan (PKOU)	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mempunyai kemudahan untuk meneroka teknologi terkini.	3.77	0.98	Tinggi
Saya berminat untuk meningkatkan pengetahuan teknologi terkini.	4.39	0.72	Tinggi
Saya menyediakan bajet untuk mendapatkan latihan dalam teknologi terkini.	3.37	0.92	Sederhana
Saya menilai kesesuaian teknologi dalam PDP dan PDT.	3.81	0.83	Tinggi
Saya sentiasa mengintegrasikan ICT dalam tugas.	3.98	0.83	Tinggi
Saya memberi pendedahan teknologi terkini kepada warga sekolah .	3.72	0.94	Tinggi
Saya menggalakkan warga sekolah menggunakan teknologi baru.	4.47	0.59	Tinggi
Saya boleh menggunakan teknologi secara kreatif dan inovatif.	3.73	0.90	Tinggi
Saya memanipulasi teknologi untuk disesuaikan dalam PDP dan PDT organisasi .	3.64	0.88	Sederhana
<b>Min keseluruhan aspek Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan</b>	<b>3.88</b>	<b>0.66</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 23 pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi kebanyakan item dalam aspek pembangunan keupayaan ICT berterusan (min antara 3.37 hingga 4.47), ‘Saya menggalakkan warga sekolah menggunakan teknologi baru’, ‘Saya berminat untuk meningkatkan pengetahuan teknologi terkini’, ‘Saya sentiasa mengintegrasikan ICT dalam tugas’, ‘Saya menilai kesesuaian teknologi dalam PDP dan PDT’, ‘Saya mempunyai kemudahan untuk meneroka teknologi terkini’, ‘Saya boleh menggunakan teknologi secara kreatif dan inovatif’, dan ‘Saya memberi pendedahan teknologi terkini kepada warga sekolah’. Respon pada tahap sederhana bagi item-item ‘Saya memanipulasi teknologi untuk disesuaikan dalam PDP dan PDT organisasi’, dan ‘Saya menyediakan bajet untuk mendapatkan latihan dalam teknologi terkini’. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek pembangunan keupayaan ICT berterusan (min=3.88, SP=0.66).

**Jadual 24: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Pengurusan Perubahan**

Item bagi aspek Pengurusan Perubahan (PKOC)	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya peka dengan inisiatif ICT KPM sedia ada dan terkini.	4.21	0.71	Tinggi
Saya membuat analisis persekitaran untuk meningkatkan keupayaan ICT organisasi.	3.48	0.84	Sederhana
Saya membuat perancangan perubahan untuk meningkatkan keupayaan ICT organisasi.	3.57	0.84	Sederhana
Saya menggunakan inisiatif ICT KPM.	3.84	0.79	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah mendapat pendedahan teknologi terkini secara optimum.	4.24	0.72	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah menerima teknologi .	4.38	0.66	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah mengikuti kursus ICT.	4.33	0.71	Tinggi
Saya memastikan warga sekolah mengintegrasikan ICT secara inovatif .	4.13	0.71	Tinggi
Saya menjadi pemangkin kepada pengurusan perubahan ICT dalam organisasi.	3.93	0.85	Tinggi
Saya menjadi pemangkin dalam penggunaan teknologi dan inisiatif ICT KPM secara kreatif dan inovatif.	3.76	0.91	Tinggi
Saya boleh menerapkan penggunaan teknologi melalui teladan.	3.77	0.94	Tinggi
<b>Min keseluruhan aspek Pengurusan Perubahan</b>	<b>3.97</b>	<b>0.62</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 24 pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi kebanyakan item dalam aspek pengurusan perubahan (min antara 3.48 hingga 4.38), ‘Saya memastikan warga sekolah menerima teknologi’, ‘Saya memastikan warga sekolah mengikuti kursus ICT’, ‘Saya memastikan warga sekolah mendapat pendedahan teknologi terkini secara optimum’, ‘Saya peka dengan inisiatif ICT KPM sedia ada dan terkini’, ‘Saya memastikan warga sekolah mengintegrasikan ICT secara inovatif’, ‘Saya menjadi pemangkin kepada pengurusan perubahan ICT dalam organisasi’, ‘Saya menggunakan inisiatif ICT KPM’, ‘Saya boleh menerapkan penggunaan teknologi melalui teladan’, dan ‘Saya menjadi pemangkin dalam penggunaan teknologi dan inisiatif ICT KPM secara kreatif dan inovatif;. Respon pada tahap sederhana bagi item-item ‘Saya membuat perancangan perubahan untuk meningkatkan keupayaan ICT organisasi’, dan ‘Saya membuat analisis persekitaran untuk meningkatkan keupayaan ICT organisasi’. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek Pengurusan Perubahan (min=3.97, SP=0.62).

**Jadual 25: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Kerjasama Pintar**

Item bagi aspek Kerjasama Pintar (PKOS)	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mengetahui bahawa pihak luar dapat menyumbang material dan kepakaran untuk meningkatkan keupayaan ICT.	4.13	0.84	Tinggi
Saya memahami komuniti setempat dapat menyumbang resos (bahan sumber) untuk meningkatkan keupayaan ICT.	3.82	0.87	Tinggi
Saya dapat mengenal pasti pihak luar dalam membantu membangunkan ICT organisasi.	3.66	0.87	Sederhana
Saya dapat mengenal pasti aktiviti kerjasama pintar dengan pihak luar dalam menyokong membangunkan keupayaan ICT.	3.64	0.86	Sederhana
Saya menggalakkan perkongsian ilmu dalam kalangan warga sekolah dengan pihak luar bagi membangunkan keupayaan ICT.	3.94	0.80	Tinggi
Saya menggalakkan warga sekolah meneroka peluang kerjasama dengan pihak luar bagi meningkatkan keupayaan ICT.	4.06	0.74	Tinggi
Saya mencari sumbangan dana untuk menghantar guru-guru bagi menghadiri seminar di peringkat nasional/antarabangsa bagi membangunkan keupayaan ICT.	2.98	1.00	Sederhana
Saya memastikan wujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai pihak luar bagi pembangunan kaasiti (contoh: syarikat swasta, IPTA, IPTS, kolej dll)	3.44	0.89	Sederhana
Saya menjadikan organisasi saya sebagai penanda aras di peringkat nasional / antarabangsa bagi membangunkan keupayaan ICT.	2.88	0.99	Sederhana
<b>Min keseluruhan aspek Kerjasama Pintar</b>	<b>3.62</b>	<b>0.67</b>	<b>Sederhana</b>

Berdasarkan Jadual 25, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang sederhana bagi kebanyakan item dalam aspek Kerjasama Pintar (min antara 2.98 hingga 4.13). Respon pada tahap tinggi hanya pada item-item ‘Saya mengetahui bahawa pihak luar dapat menyumbang material dan kepakaran untuk meningkatkan keupayaan ICT’, ‘Saya menggalakkan warga sekolah meneroka peluang kerjasama dengan pihak luar bagi meningkatkan keupayaan ICT’, ‘Saya menggalakkan perkongsian ilmu dalam kalangan warga sekolah dengan pihak luar bagi membangunkan keupayaan ICT’, dan ‘Saya memahami komuniti setempat dapat menyumbang resos (bahan sumber) untuk meningkatkan keupayaan ICT’. Respon pada tahap sederhana bagi item-item ‘Saya dapat mengenal pasti pihak luar dalam membantu membangunkan ICT organisasi.’, ‘Saya dapat mengenal pasti aktiviti kerjasama pintar dengan pihak luar dalam menyokong membangunkan keupayaan ICT’, ‘

Saya memastikan wujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai pihak luar bagi pembangunan kaasiti (contoh: syarikat swasta, IPTA, IPTS, kolej dll)', 'Saya mencari sumbangan dana untuk menghantar guru-guru bagi menghadiri seminar di peringkat nasional/antarabangsa bagi membangunkan keupayaan ICT', dan 'Saya menjadikan organisasi saya sebagai penanda aras di peringkat nasional/antarabangsa bagi membangunkan keupayaan ICT. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap sederhana terhadap aspek Kerjasama Pintar (min=3.62, SP=0.67).

**Jadual 26: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Komuniti Pembelajaran**

Item bagi aspek Komuniti Pembelajaran (PKOK)	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memahami pentingnya penglibatan komuniti pembelajaran dalam bidang ICT.	4.07	0.68	Tinggi
Saya mengikuti perkembangan terkini dalam bidang ICT melalui blog dan forum.	3.48	0.91	Sederhana
Saya memastikan komuniti pembelajaran ICT dalam kalangan guru dan kaki tangan diwujudkan di sekolah.	3.94	0.88	Tinggi
Saya memastikan komuniti pembelajaran ICT dalam kalangan pelajar melalui kelab/persatuan diwujudkan di sekolah.	3.90	0.84	Tinggi
Saya menggalakkan perkembangan komuniti pembelajaran ICT di antara warga sekolah dengan sekolah-sekolah lain.	3.61	0.87	Sederhana
Saya mewujudkan kerjasama dengan pihak luar untuk meningkatkan perkongsian pengetahuan ICT terkini dalam kalangan warga sekolah.	3.51	0.86	Sederhana
Saya membentuk kumpulan inovasi dan kreatif dalam bidang ICT di peringkat sekolah	3.47	0.90	Sederhana
Saya menggalakkan warga sekolah menyertai pertandingan inovasi dan kreatif dalam bidang ICT anjuran KPM atau pihak luar	3.81	0.83	Tinggi
<b>Min keseluruhan aspek Komuniti Pembelajaran</b>	<b>3.72</b>	<b>0.67</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 26, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi kebanyakan item dalam aspek Komuniti Pembelajaran (min antara 3.47 hingga 4.07). Respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap item-item 'Saya memahami pentingnya penglibatan komuniti pembelajaran dalam bidang ICT', 'Saya memastikan komuniti pembelajaran ICT dalam kalangan guru dan kaki tangan diwujudkan di sekolah', 'Saya memastikan komuniti pembelajaran ICT dalam kalangan pelajar melalui kelab/persatuan diwujudkan di sekolah', dan 'Saya menggalakkan warga sekolah menyertai pertandingan inovasi dan kreatif dalam bidang ICT anjuran KPM atau pihak luar'. Respon pada tahap sederhana pada item-item 'Saya menggalakkan perkembangan komuniti pembelajaran ICT di antara warga sekolah dengan sekolah-sekolah lain', 'Saya mewujudkan

kerjasama dengan pihak luar untuk meningkatkan perkongsian pengetahuan ICT terkini dalam kalangan warga sekolah', 'Saya mengikuti perkembangan terkini dalam bidang ICT melalui blog dan forum', dan 'Saya membentuk kumpulan inovasi dan kreatif dalam bidang ICT di peringkat sekolah'. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek Komuniti Pembelajaran ( $\text{min}=3.72$ ,  $\text{SP}=0.67$ ).

### **Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT**

Domain ini terdiri daripada tiga aspek, iaitu (i) isu sosial, (ii) perundangan dan (iii) etika ICT.

**Jadual 27: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap aspek dalam Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT**

<b>Isu sosial perundangan dan etika ICT</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Isu Sosial	3.71	0.67	Tinggi
Perundangan	3.71	0.69	Tinggi
Etika ICT	3.96	0.72	Tinggi
<b>Min keseluruhan bagi domain isu social, perundangan dan etika ICT</b>	<b>3.79</b>	<b>0.64</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 27 menunjukkan bahawa respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi bagi domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT ( $\text{min}=3.79$ ,  $\text{SP}=0.64$  ). Ini menunjukkan bahawa pemimpin sekolah berpendapat kompetensi ICT mereka berada pada tahap tinggi dalam aspek isu sosial ( $\text{min}=3.71$ ), aspek perundangan ( $\text{min}=3.71$ ) dan etika ICT( $\text{min}=3.96$ ). Skor min bagi setiap item bagi kesemua aspek dalam domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT ditunjukkan dalam Jadual 28, 29 dan 30 di bawah.

**Jadual 28: Skor min, sisisian piawai dan tahap bagi aspek Isu Sosial**

Item bagi Aspek Isu Sosial	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya tahu maksud isu-isu sosial berkaitan dengan komunikasi, kolaborasi dan penggunaan jaringan sosial.	3.82	0.92	Tinggi
Saya melindungi maklumat peribadi di alam siber	4.09	0.86	Tinggi
Saya menukar kata laluan setiap bulan.	2.53	1.01	Sederhana
Saya hanya menyebarkan maklumat yang benar di alam siber.	4.18	0.93	Tinggi
Saya menyebarkan maklumat yang boleh membangunkan minda pembaca alam siber	3.93	0.95	Tinggi
Saya menasihati warga sekolah supaya tidak menyebarkan maklumat peribadi di alam siber.	4.19	0.87	Tinggi
Saya menasihati warga sekolah supaya menukar kata laluan setiap bulan.	2.84	1.08	Sederhana
Saya menasihati warga sekolah menggunakan bahasa yang sesuai di alam siber.	4.15	0.90	Tinggi
Saya menasihati warga sekolah supaya menyebarkan maklumat yang benar di alam siber.	4.27	0.86	Tinggi
Saya menasihati warga sekolah menyebarkan maklumat yang membangunkan minda pembaca alam siber.	4.19	0.84	Tinggi
Saya menggunakan <i>protection tools</i> untuk melindungi pengguna.	3.18	1.05	Sederhana
Saya mewujudkan <i>content filtering</i> untuk menapis maklumat siber.	3.09	1.13	Sederhana
Saya mewujudkan <i>Internet security</i> untuk keselamatan siber.	3.22	1.12	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek isu sosial</b>	<b>3.71</b>	<b>0.67</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 28, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi kebanyakan item dalam aspek Isu Sosial (min antara 3.82 hingga 4.27). ‘Saya menasihati warga sekolah supaya menyebarkan maklumat yang benar di alam siber’, ‘Saya menasihati warga sekolah supaya tidak menyebarkan maklumat peribadi di alam siber’, ‘Saya menasihati warga sekolah menyebarkan maklumat yang membangunkan minda pembaca alam siber’, ‘Saya hanya menyebarkan maklumat yang benar di alam siber’, ‘Saya menasihati warga sekolah menggunakan bahasa yang sesuai di alam siber’, ‘Saya melindungi maklumat peribadi di alam siber’, ‘Saya menyebarkan maklumat yang boleh membangunkan minda pembaca alam siber’, dan ‘Saya tahu maksud isu-isu sosial berkaitan dengan komunikasi, kolaborasi dan penggunaan jaringan sosial’. Respon pada tahap sederhana pada item-item ‘Saya mewujudkan *Internet security* untuk keselamatan siber’, ‘Saya menggunakan *protection tools* untuk melindungi pengguna’, ‘Saya mewujudkan *content filtering* untuk menapis maklumat siber’, ‘Saya menasihati warga sekolah supaya menukar kata laluan setiap bulan’, dan ‘Saya menukar kata laluan setiap bulan’ Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek Isu Sosial (min=3.71, SP=0.67).

**Jadual 29: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek Perundangan**

Item bagi Aspek Perundangan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya patuh kepada akta jenayah ICT, <i>trademark, patent</i> .	4.23	0.78	Tinggi
Saya patuh kepada hak milik intelektual, hak milik ( <i>copyright, software licensing</i> ).	4.14	0.84	Tinggi
Saya mematuhi perundangan siber.	4.01	0.81	Tinggi
Saya memahami tentang hak milik intelektual dan akta jenayah ICT (perisian cetak rompak; sebar maklumat palsu, fitnah), hak milik ( <i>copyright, trademark, patent, software licensing</i> ,dll.	3.88	0.96	Tinggi
Saya hanya menggunakan perisian berlesen.	3.86	0.93	Tinggi
Saya memahami implikasi perundangan terhadap penyalahgunaan ICT.	3.85	0.99	Tinggi
Saya memantau pematuhan kepada hak milik intelektual, hak milik ( <i>copyright, software licensing</i> ) dalam kalangan warga sekolah.	3.69	1.01	Tinggi
Saya membuat peraturan penggunaan Internet dalam organisasi.	3.59	0.98	Sederhana
Saya memantau pematuhan kepada Akta jenayah ICT, <i>trademark, patent</i> dalam kalangan warga sekolah	3.55	1.02	Sederhana
Saya memberi idea untuk menambahbaik perundangan siber.	3.04	1.02	Sederhana
Saya boleh mendapatkan perisian sumber terbuka untuk mengganti perisian berlesen.	2.95	1.09	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek perundangan ICT</b>	<b>3.71</b>	<b>0.69</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 29, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi kebanyakan item dalam aspek perundangan ICT (min antara 3.69 hingga 4.23). ‘Saya patuh kepada akta jenayah ICT, trademark, patent.’, ‘Saya patuh kepada hak milik intelektual, hak milik (*copyright, software licensing*)’, ‘Saya mematuhi perundangan siber’, ‘Saya memahami tentang hak milik intelektual dan akta jenayah ICT (perisian cetak rompak; sebar maklumat palsu, fitnah), hak milik (*copyright, trademark, patent, software licensing*,dll.)’, ‘Saya hanya menggunakan perisian berlesen.’, ‘Saya memahami implikasi perundangan terhadap penyalahgunaan ICT’, dan ‘Saya memantau pematuhan kepada hak milik intelektual, hak milik (*copyright, software licensing*) dalam kalangan warga sekolah’. Respon pada tahap sederhana bagi item-item ‘Saya membuat peraturan penggunaan Internet dalam organisasi’, ‘Saya memantau pematuhan kepada Akta jenayah ICT, trademark, patent dalam kalangan warga sekolah’, ‘Saya memberi idea untuk menambahbaik perundangan siber’, dan ‘Saya boleh mendapatkan perisian sumber terbuka untuk mengganti perisian berlesen’. Pada keseluruhannya, respon pemimpin sekolah adalah pada tahap tinggi terhadap aspek perundangan ICT (min=3.71, SP=0.69).

**Jadual 30: Skor min, sisihan piawai dan tahap bagi aspek etika ICT**

Item bagi Aspek Etika ICT	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memastikan warga sekolah menggunakan ICT secara beretika dalam PDP dan PDT.	4.22	0.78	Tinggi
Saya menggunakan ICT secara beretika.	4.20	0.82	Tinggi
Saya memantau penggunaan ICT secara beretika dalam organisasi.	4.00	0.85	Tinggi
Saya tahu etika penggunaan ICT.	3.94	0.89	Tinggi
Saya menyatakan sumber rujukan bagi bahan yang digunakan.	3.82	0.91	Tinggi
Saya mengamalkan etika penulisan teks dalam alam siber.	3.58	1.03	Sederhana
<b>Min keseluruhan bagi aspek etika ICT</b>	<b>3.96</b>	<b>0.72</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 30, pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi bagi kebanyakan item dalam aspek Etika ICT (min antara 3.58 hingga 4.22). ‘Saya memastikan warga sekolah menggunakan ICT secara beretika dalam PDP dan PDT’. ‘Saya menggunakan ICT secara beretika’, ‘Saya memantau penggunaan ICT secara beretika dalam organisasi’, dan ‘Saya tahu etika penggunaan ICT’. Respon tahap sederhana diberikan terhadap item ‘Saya mengamalkan etika penulisan teks dalam alam siber.’. Pada keseluruhannya pemimpin sekolah memberikan respon pada tahap yang tinggi terhadap aspek etika ICT (min=3.96, SP=0.72).

#### **Tahap Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah Mengikut Enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Terpilih**

#### **Soalan 2: Apakah tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah di enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terpilih?**

Kajian ini hanya melibatkan pemimpinan sekolah daripada enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terpilih, iaitu PPD Petaling Perdana, Selangor; PPD Seremban, Negeri Sembilan; PPD Kota Setar, Kedah; PPD Kuantan, Pahang; PPD Kuala Terengganu, Terengganu; PPD Petaling Perdana, Selangor; dan PPD Kota Bharu, Kelantan. Bilangan responden yang terlibat bagi setiap PPD adalah seperti jadual 38 di bawah.

**Jadual 31: Bilangan responden mengikut PPD**

PPD Kota Setar	PPD Kota Bharu	PPD Seremban	PPD Petaling Perdana	PPD Kuala Terengganu	PPD Kuantan
n=40	n=36	n=33	n=35	n=30	n=37

**Jadual 32: Tahap dan skor min keseluruhan bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD	PPD	PPD	PPD	PPD	PPD
		Kota Setar	Kota Bharu	Seremban	Petaling Perdana	Kuala Terengganu	Kuantan
	Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37	Tahap (Skor Min) n=37
Tahap / Min keseluruhan	Tinggi (3.94)	Tinggi (3.91)	Tinggi (3.75)	Tinggi (3.98)	Tinggi (3.77)	Tinggi (3.68)	

**Jadual 33: Tahap dan skor min mengikut domain Dasar dan Kepimpinan ICT bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD	PPD	PPD	PPD	PPD	PPD
		Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37
Dasar dan Kepimpinan ICT	Dasar	Tinggi (4.10)	Tinggi (3.91)	Tinggi (3.82)	Tinggi (3.98)	Tinggi (3.92)	Tinggi (3.63)
	Kepimpinan	Tinggi (4.27)	Tinggi (4.07)	Tinggi (4.01)	Tinggi (4.05)	Tinggi (3.97)	Tinggi (3.86)

Pada keseluruhannya, Jadual 32 menunjukkan bahawa responden daripada keenam-enam PPD tersebut berpandangan mereka mempunyai tahap kompetensi ICT yang tinggi dengan min skor antara 3.68 hingga 3.98. Walau bagaimanapun, dapatan responden mengikut PPD menunjukkan bahawa tahap kompetensi ICT responden berbeza-beza jika dilihat mengikut aspek bagi setiap domain.

Bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT, Jadual 33 menunjukkan bahawa kebanyakan responden berada pada tahap yang tinggi dengan skor min antara 3.82 hingga 4.10 kecuali responden daripada PPD Kuantan dengan skor min=3.65. Responden daripada PPD Kuantan (skor min=3.41) dan PPD Seremban (skor min=3.63) berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Kepimpinan Strategik.

Bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi, Jadual 34 menunjukkan bahawa tahap kompetensi di keenam-enam PPD adalah pada tahap tinggi dengan skor min antara 3.74 hingga 4.07. Responden daripada PPD Terengganu (skor min=3.63) dan PPD Kuantan (skor min=3.57) berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Pembelajaran dan Pengajaran. Aspek Pengurusan Pentadbiran ICT dan komunikasi ICT pula berada pada tahap tinggi dengan skor min antara 3.73 hingga 4.80.

Bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT, Jadual 35 menunjukkan bahawa responden yang berada pada tahap tinggi terdiri daripada responden daripada PPD Kota Setar (skor min=3.84), PPD Kota Bharu (skor min=3.76), PPD Seremban (skor min=3.69) dan PPD Petaling Perdana (skor min=3.89) manakala responden PPD Kuala Terengganu berpendapat mereka berada pada tahap sederhana dengan skor min=3.63 dan 3.65. Responden daripada PPD Terengganu berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Komponen Komputer dan Rangkaian (skor min=3.61), Perisian Aplikasi Pengurusan (skor min=3.66), dan Perisian Produktiviti (skor min=3.57). Responden daripada PPD Seremban berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Perisian Aplikasi Pengurusan (skor min=3.65), dan Perisian Produktiviti (skor min=3.57). Responden daripada PPD Kuantan pula berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Perisian Produktiviti (skor min=3.58) dan Literasi Maklumat (skor min=3.54).

Bagi domain Pengurusan Pentadbiran ICT, Jadual 36 menunjukkan bahawa tahap kompetensi di keenam-enam PPD adalah pada tahap tinggi dengan skor min antara 3.76 hingga 4.01. Ketiga-tiga aspek mencapai tahap tinggi bagi responden daripada keenam-enam PPD dengan skor min antara 3.67 hingga 4.11 kecuali responden daripada PPD Terengganu berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Mengakses Sumber ICT dengan skor min=3.54.

Bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi, Jadual 37 menunjukkan bahawa tahap kompetensi di keenam-enam PPD adalah pada tahap tinggi dengan skor min antara 3.67 hingga 3.97. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden daripada PPD Kota Setar (skor min=3.62), PPD Seremban (skor min=3.52), PPD Terengganu (skor min=3.45), dan PPD Kuantan (skor min=3.42) berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Kerjasama Pintar. Responden daripada PPD Seremban (skor min=3.61), PPD Terengganu (skor min=3.65) dan PPD Kuantan (skor min=3.54) pula berada pada tahap sederhana dalam aspek Komuniti Pembelajaran ICT.

Bagi domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT, Jadual 38 menunjukkan bahawa kebanyakan responden berada pada tahap yang tinggi dengan skor min antara 3.70 hingga 3.93 kecuali responden daripada PPD Kuantan dengan skor min=3.57. Responden daripada PPD Seremban (skor min=3.65), PPD Terengganu (skor min=3.61) dan PPD Kuantan (skor min=3.51) berpendapat tahap kompetensi ICT mereka berada pada tahap sederhana dalam aspek Isu Sosial. Responden daripada PPD Kuantan (skor min=3.47) berada pada tahap sederhana dalam aspek Perundangan.

**Jadual 34: Tahap dan skor min mengikut domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD Kota Setar	PPD Kota Bharu	PPD Seremban	PPD Petaling Perdana	PPD Kuala Terengganu	PPD Kuantan
Pembudayaan ICT dalam Organisasi		Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37
Pembelajaran dan Pengajaran		Tinggi (4.07)	Tinggi (3.87)	Tinggi (3.80)	Tinggi (4.01)	Tinggi (3.80)	Tinggi (3.74)
Pengurusan Pentadbiran ICT		Tinggi (4.06)	Tinggi (3.82)	Tinggi (3.82)	Tinggi (3.90)	Sederhana (3.63)	Sederhana (3.57)
Komunikasi ICT		Tinggi (4.07)	Tinggi (3.85)	Tinggi (3.84)	Tinggi (4.04)	Tinggi (4.00)	Tinggi (3.86)
		Tinggi (4.08)	Tinggi (3.95)	Tinggi (3.73)	Tinggi (4.08)	Tinggi (3.78)	Tinggi (3.79)

**Jadual 35: Tahap dan skor min mengikut domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD Kota Setar	PPD Kota Bharu	PPD Seremban	PPD Perdama	PPD Kuala Terengganu	PPD Kuantan
	Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	Komponen Komputer Dan Rangkaian	Tinggi (3.84)	Tinggi (3.76)	Tinggi (3.69)	Tinggi (3.89)	Sederhana (3.63)	Sederhana (3.65)
	Perisian Aplikasi Pengurusan	Tinggi (3.99)	Tinggi (3.78)	Tinggi (3.84)	Tinggi (4.00)	Sederhana (3.61)	Tinggi (3.79)
	Perisian Produktiviti	Tinggi (3.86)	Tinggi (3.83)	Sederhana (3.65)	Tinggi (3.84)	Sederhana (3.66)	Tinggi (3.68)
	Literasi Maklumat	Tinggi (3.62)	Tinggi (3.68)	Sederhana (3.57)	Tinggi (3.83)	Sederhana (3.57)	Sederhana (3.58)
		Tinggi (4.07)	Tinggi (3.76)	Tinggi (3.71)	Tinggi (3.91)	Tinggi (3.70)	Sederhana (3.54)

**Jadual 36: Tahap dan skor min mengikut domain Pengurusan Pentadbiran ICT bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD Kota Setar	PPD Kota Bharu	PPD Seremban	PPD Petaling Perdana	PPD Kuala Terengganu	PPD Kuantan
Pengurusan Pentadbiran ICT	Mengurus Infrastruktur Teknologi	Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37
	Mengakses Sumber ICT	Tinggi (4.01)	Tinggi (3.99)	Tinggi (3.76)	Tinggi (3.97)	Tinggi (3.84)	Tinggi (3.88)
	Keselamatan data dan Perkakasan ICT	Tinggi (4.11)	Tinggi (4.08)	Tinggi (3.82)	Tinggi (4.10)	Tinggi (4.02)	Tinggi (3.83)
				Sederhana (3.54)	Tinggi (3.78)	Tinggi (3.67)	Tinggi (3.71)
					Tinggi (3.95)	Tinggi (3.93)	Tinggi (3.94)

**Jadual 37: Tahap dan skor min mengikut domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD Kota Setar	PPD Kota Bharu	PPD Seremban	PPD Perdana	PPD Kuala Terengganu	PPD Kuantan
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	Pembangunan Keupayaan ICT Berterusan	Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37
	Pengurusan Perubahan	Tinggi (3.81)	Tinggi (3.97)	Tinggi (3.67)	Tinggi (3.97)	Tinggi (3.71)	Sederhana (3.62)
	Kerjasama Pintar	Tinggi (3.89)	Tinggi (4.04)	Tinggi (3.74)	Tinggi (4.06)	Tinggi (3.79)	Tinggi (3.71)
	Komuniti Pembelajaran	Tinggi (4.00)	Tinggi (4.14)	Tinggi (3.81)	Tinggi (4.08)	Tinggi (3.96)	Tinggi (3.81)
		Sederhana (3.62)	Tinggi (3.80)	Sederhana (3.52)	Tinggi (3.86)	Sederhana (3.45)	Sederhana (3.42)
		Tinggi (3.74)	Tinggi (3.92)	Sederhana (3.61)	Tinggi (3.86)	Sederhana (3.65)	Sederhana (3.54)

**Jadual 38: Tahap dan skor min mengikut domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT bagi enam Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Domain	Aspek	PPD Kota Setar	PPD Kota Bharu	PPD Seremban	PPD Petaling Perdana	PPD Kuala Terengganu	PPD Kuantan
Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT	Isu Sosial	Tahap (Skor Min) n=40	Tahap (Skor Min) n=36	Tahap (Skor Min) n=33	Tahap (Skor Min) n=35	Tahap (Skor Min) n=30	Tahap (Skor Min) n=37
	Perundangan	Tinggi (3.84)	Tinggi (3.93)	Tinggi (3.76)	Tinggi (3.91)	Tinggi (3.70)	Sederhana (3.57)
	Etika ICT	Tinggi (3.71)	Tinggi (3.87)	Sederhana (3.65)	Tinggi (3.81)	Sederhana (3.61)	Sederhana (3.51)

## Tahap Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah Mengikut Peringkat Pengintegrasian ICT

**Soalan 3: Apakah tahap kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah berdasarkan peringkat pengintegrasian ICT iaitu peringkat kesediaan, penggunaan, penerapan dan transformasi?**

**Jadual 39: Skor min mengikut peringkat pengintegrasian ICT**

Peringkat Pengintegrasian ICT	Jumlah Responden (n)	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kesediaan	211	4.01	0.51	Tinggi
Penggunaan	211	3.86	0.56	Tinggi
Penerapan	211	3.92	0.51	Tinggi
Transformasi	211	3.48	0.60	Sederhana

Pada keseluruhannya, Jadual 39 menunjukkan bahawa responden berpendapat mereka berada pada tahap tinggi dalam peringkat Kesediaan, Penggunaan dan Penerapan tetapi tahap sederhana dalam peringkat Transformasi, iaitu: peringkat kesediaan (min=4.01, SP=0.51), diikuti dengan peringkat penerapan (3.92, SP=0.51), dan peringkat penggunaan (min=3.86, SP=0.56) manakala sederhana dalam peringkat transformasi (min=3.48, SP=0.60).

**Jadual 40: Frekuensi peringkat pengintegrasian ICT**

Peringkat Pengintegrasian ICT	Jumlah Responden (n)	Tahap (Bilangan / Peratus)		
		Rendah	Sederhana	Tinggi
Kesediaan	211	-	50 (23.7%)	161 (76.3%)
Penggunaan	211	-	70 (33.2%)	141 (66.8%)
Penerapan	211	-	65 (30.8%)	146 (69.2%)
Transformasi	211	6 (2.8%)	122 (57.8%)	83 (39.3%)

Jika dilihat dari segi frekuensi seperti dalam Jadual 40 di atas, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden berpendapat mereka berada pada tahap yang tinggi dalam peringkat pengintegrasian ICT, iaitu peringkat kesediaan (76.3%), penggunaan (66.8%), penerapan (69.2%) kecuali peringkat transformasi (39.3%). Sebanyak 57.8% responden berpendapat mereka sederhana dalam peringkat transformasi dan hanya 2.8% responden berada pada tahap rendah.

## Peringkat Kesediaan

Jadual 41: Frekuensi peringkat kesediaan

Domain	Jumlah Responden (n)	Tahap (Bilangan / Peratus)		
		Rendah (1 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5)
Dasar dan Kepimpinan ICT	211	0	14 (6.6%)	197 (93.4%)
Pembudayaan ICT dalam Organisasi	211	0	15 (7.1%)	196 (92.9%)
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	211	5 (2.4%)	81 (38.4%)	125 (59.2%)
Pengurusan Dan Pentadbiran ICT	211	3 (1.4%)	86 (40.8%)	122 (57.8%)
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	211	1 (0.5%)	41 (19.4%)	169 (80.1%)
Isu Sosial, Perundungan dan Etika ICT	211	8 (3.8%)	65 (30.8%)	138 (65.4%)

Jadual 41 menunjukkan pada peringkat kesediaan, 197 (93.4%) responden berpendapat mereka berada pada tahap tinggi dalam domain Dasar dan Kepimpinan ICT, 196 (92.9%) dalam domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi dan 169 (80.1%) dalam domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi.

Bagi tahap kesediaan dalam domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT, 81 responden (38.4%) berpendapat mereka berada pada tahap sederhana dan 125 (59.2%) berada pada tahap tinggi. Bagi peringkat kesediaan dalam domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT, 86 (40.8%) responden berpendapat mereka berada pada tahap sederhana dan 122 (57.8%) berada pada tahap tinggi. Bagi peringkat kesediaan dalam domain Isu Sosial, Perundungan dan Etika ICT, 8 (3.8%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap rendah, 65 (30.8%) berada pada tahap sederhana dan 138 (65.4%) berpendapat mereka berada pada tahap tinggi.

## Peringkat Penggunaan

**Jadual 42: Frekuensi peringkat penggunaan**

Domain	Jumlah Responden (n)	Tahap (Bilangan / Peratus)		
		Rendah (1 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5)
Dasar dan Kepimpinan	211	4 (1.9%)	71 (33.6%)	136 (64.5%)
Pembudayaan ICT dalam Organisasi	211	6 (2.8%)	64 (30.3%)	141 (66.8%)
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	211	8 (3.8%)	75 (35.5%)	128 (60.7%)
Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT	211	0 (0%)	63 (29.8%)	148 (70.1%)
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	211	4 (1.9%)	93 (44.1%)	114 (54.0%)
Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT	211	3 (1.4%)	54 (25.6%)	154 (73.0%)

Jadual 42 di atas menunjukkan peratus peringkat penggunaan ICT bagi enam domain. Dapat dilihat menunjukkan 136 (64.5%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi dalam domain Dasar dan Kepimpinan. Ia diikuti dengan peringkat sederhana, 33.6% dan 1.9% pada peringkat rendah. Seterusnya, data menunjukkan 141 (66.8%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi dalam domain Pembudayaan ICT dalam organisasi diikuti dengan peringkat sederhana, 30.3% dan 2.8% pada peringkat rendah.

Data kajian dalam domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT menunjukkan 128 (60.7%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi, diikuti dengan peringkat sederhana, 35.5% dan 3.8% pada peringkat rendah. Data kajian dalam domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT menunjukkan lebih 148 (70.1%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi diikuti dengan peringkat sederhana, 29.8% dan 0% pada peringkat rendah.

Data kajian dalam domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi menunjukkan lebih 114 (73.0%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi, diikuti dengan peringkat sederhana, 44.1% dan 1.9% pada peringkat rendah. Data kajian dalam domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT menunjukkan lebih 154 (54.0%) responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi, diikuti dengan peringkat sederhana, 25.6% dan 1.4% pada peringkat rendah.

## Peringkat Penerapan

**Jadual 43: Frekuensi peringkat penerapan**

Domain	Jumlah Responden (n)	Tahap (Bilangan / Peratus)		
		Rendah (1 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5)
Dasar dan Kepimpinan ICT	211	10 (4.7%)	69 (32.7%)	132 (62.6%)
Pembudayaan ICT dalam Organisasi	211	10 (4.7%)	91 (43.1%)	110 (52.1%)
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	211	0 (0%)	63 (29.8%)	148 (70.1%)
Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT	211	2 (0.9%)	28 (13.3%)	181 (85.8%)
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	211	1 (0.5%)	75 (35.5%)	135 (64.0%)
Isu Sosial, Perundungan dan Etika ICT	211	6 (2.8%)	60 (28.4%)	145 (68.7%)

Jadual 43 menunjukkan bahawa pada peringkat penerapan, didapati kesemua domain berada di peringkat penerapan yang tinggi, iaitu 132 (62.6%) untuk domain Dasar dan Kepimpinan ICT, 110 (52.1%) dalam domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi, 148 (70.1%) dalam domain Pengetahuan dan kemahiran ICT, 181 (85.8%) untuk domain pengurusan dan pentadbiran sumber ICT, 135 (64.0%) untuk domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi dan 145 (68.7%) untuk domain Isu Sosial, Perundungan dan Etika ICT. Daripada keenam-enam domain itu, didapati domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT paling dominan pada tahap tinggi.

Bagi penerapan pada tahap sederhana, didapati domain Dasar dan Kepimpinan ICT 69 (32.7%), domain pembudayaan ICT dalam Organisasi 91 (43.1%), Pengetahuan dan Kemahiran ICT 63 (29.8%), domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT 28 (13.3 %), domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi 75 (35.5%) dan domain Isu Sosial Perundungan dan Etika ICT 60 (28.4%). Didapati domain Pembudayaan ICT Dalam Organisasi paling dominan pada tahap sederhana di dalam peringkat penerapan integrasi ICT.

Peringkat penerapan pada tahap rendah menunjukkan domain Dasar dan Kepimpinan ICT 10 (4.7%), Pembudayaan ICT dalam Organisasi 10 (4.7 %), Pengetahuan dan Kemahiran ICT 0 (0.0 %), Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT 2 (0.9 %), Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi 1 (0.5 %) dan Isu Sosial, Perundungan dan Etika ICT 6 (2.8 %). Domain Dasar dan Kepimpinan ICT dan Pembudayaan ICT dalam Organisasi merupakan domain yang paling dominan pada tahap rendah di dalam peringkat penerapan ICT.

## Peringkat Transformasi

**Jadual 44: Frekuensi peringkat transformasi**

Domain	Jumlah Responden (n)	Tahap (Bilangan / Peratus)		
		Rendah (1 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5)
Dasar dan Kepimpinan	211	23 (10.9%)	141 (66.8%)	47 (22.3%)
Pembudayaan ICT dalam Organisasi	211	3 (1.4%)	83 (44.1%)	115 (54.5%)
Pengetahuan dan Kemahiran ICT	211	3 (1.4%)	93 (44.1%)	115 (54.5%)
Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT	211	26 (12.3%)	104 (49.3%)	81 (38.4%)
Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi	211	9 (4.3%)	83 (39.3%)	119 (56.4%)
Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT	211	28 (13.3%)	110 (52.1%)	73 (34.6%)

Jadual 44 menunjukkan pada peringkat transformasi terdapat dalam tiga domain di mana responden yang berpendapat mereka berada pada tahap tinggi iaitu 115 (54.5%) dalam domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi, 115 (54.5%) dalam domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT dan 119 (56.4%) dalam domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi.

Terdapat tiga domain di mana responden berpendapat mereka berada pada tahap sederhana iaitu 141 (66.8%) dalam domain Dasar dan Kepimpinan ICT, 104 (49.3%) dalam domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT dan 110 (52.1%) dalam domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.

Juga didapati tiga domain di mana responden berpendapat mereka berada pada tahap rendah iaitu 23(10.9%) bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT, 26 (12.3%) dalam domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT dan 28 (13.3%) dalam domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.

## Fokus Latihan ICT

### Soalan 4: Apakah fokus latihan ICT untuk meningkatkan kompetensi ICT pemimpin sekolah?

Dapatan kajian menunjukkan responden berpandangan mereka mempunyai tahap kompetensi ICT yang tinggi pada semua domain dan aspek kecuali dua iaitu ‘Pemimpin sekolah menggunakan perisian produktiviti bagi tujuan meningkatkan kualiti kerja’ ( $\text{min}=3.64$ ) dan ‘Pemimpin sekolah mewujudkan kerjasama pintar dengan pihak luar ( $\text{min}=3.63$ ) untuk menyokong pembangunan keupayaan ICT organisasi’.

Walau bagaimana pun, jika ditinjau mengikut item bagi setiap domain dan aspeknya secara terperinci maka dapat dirumuskan bahawa terdapatnya sesetengah item berada tahap sederhana. Bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT, terdapat empat item dengan tahap sederhana (skor min antara 2.67 hingga 3.64) seperti dalam Jadual 14 dan Jadual 15, iaitu ‘Saya memberi input kepada pembangunan pengintegrasian ICT dalam pendidikan di pelbagai peringkat.’, ‘Saya mengadakan mesyuarat menilai semula pelaksanaan pelan strategik ICT organisasi.’, ‘Saya mengambil tindakan susulan untuk menambah baik pelan strategik ICT organisasi.’ dan ‘Saya pernah membantu organisasi lain dalam menyediakan pelan strategik ICT.’

Bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi, terdapat enam item dengan tahap sederhana (skor min antara 3.25 hingga 3.60) seperti dalam Jadual 17 hingga 19, iaitu ‘Saya memberi tugas yang memerlukan penggunaan ICT kepada murid.’, ‘Saya menyemak komponen pengintegrasian ICT dalam buku rekod persediaan pengajaran guru.’, ‘Saya memuat naik bahan PdP dalam sistem pengurusan pembelajaran maya.’, ‘Saya boleh memberi input dalam mereka bentuk sistem pengurusan berbantuan ICT.’, ‘Saya berkomunikasi dengan warga sekolah melalui e-mel.’ dan ‘Saya berkomunikasi dengan pihak luar melalui e-mel.’

Bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT, terdapat 12 item dengan tahap sederhana (skor min antara 2.88 hingga 3.65) seperti dalam Jadual 21 hingga Jadual 24, iaitu ‘Saya boleh menggabungkan data daripada beberapa aplikasi pengurusan yang dibekalkan oleh KPM untuk menjana maklumat baru.’, ‘Saya boleh memberi input dalam membangunkan aplikasi pengurusan baru yang menepati keperluan organisasi.’, ‘Saya tahu menggunakan perisian produktiviti asas (contoh: pemprosesan kata, hamparan elektronik, persembahan elektronik dan pangkalan data).’, ‘Saya boleh menggunakan forum laman web.’, ‘Saya boleh mereka bentuk templet menggunakan perisian hamparan elektronik untuk tujuan pemantauan dan penilaian pencapaian akademik.’, ‘Saya tahu maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah.’, ‘Saya boleh menyusun maklumat yang diperolehi secara sistematik.’, ‘Saya boleh menganalisis dan mensintesis pelbagai maklumat untuk menyelesaikan masalah.’, ‘Saya mengubah suai idea yang diperolehi dari pelbagai sumber untuk dilaksanakan di sekolah.’, ‘Saya boleh membangunkan sistem pengkomputeran dan rangkaian mengikut keperluan organisasi.’, ‘Saya boleh menggunakan sidang video (*video conferencing*).’, dan

‘Saya boleh mereka bentuk templat menggunakan perisian hamparan elektronik untuk tujuan pemantauan prestasi kewangan sekolah.’

Bagi domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT Organisasi, terdapat empat item dengan tahap sederhana (skor min antara 2.59 hingga 3.66) seperti dalam Jadual 26 hingga Jadual 28, iaitu ‘Saya mengetahui jenis-jenis kerosakan peralatan ICT.’, ‘Saya mengetahui pelbagai sumber ICT yang boleh diakses.’, ‘Saya melaksanakan inovasi dalam amalan keselamatan ICT organisasi.’ dan ‘Saya boleh menjadi pakar runding dalam mengakses sumber ICT.’

Bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi, terdapat sembilan item dengan tahap sederhana (skor min antara 2.88 hingga 3.66) seperti dalam Jadual 30 hingga 33, iaitu ‘Saya dapat mengenal pasti pihak luar dalam membantu membangunkan ICT organisasi’, ‘Saya dapat mengenal pasti aktiviti kerjasama pintar dengan pihak luar dalam menyokong membangunkan keupayaan ICT.’ ‘Saya memastikan wujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai pihak luar bagi pembangunan kapasiti (contoh: syarikat swasta, IPTA, IPTS, kolej dll)’, ‘Saya mengikuti perkembangan terkini dalam bidang ICT melalui blog dan forum.’, ‘Saya menggalakkan perkembangan komuniti pembelajaran ICT di antara warga sekolah dengan sekolah-sekolah lain.’, ‘Saya mewujudkan kerjasama dengan pihak luar untuk meningkatkan perkongsian pengetahuan ICT terkini dalam kalangan warga sekolah.’, ‘Saya membentuk kumpulan inovasi dan kreatif dalam bidang ICT di peringkat sekolah’, ‘Saya mencari sumbangan dana untuk menghantar guru-guru bagi menghadiri seminar di peringkat nasional/antarabangsa bagi membangunkan keupayaan ICT’, dan ‘Saya menjadikan organisasi saya sebagai penanda aras di peringkat nasional / antarabangsa bagi membangunkan keupayaan ICT.’


Bagi domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT, terdapat lima item dengan tahap sederhana (skor min antara 2.59 hingga 3.66) seperti dalam Jadual 35 hingga Jadual 37, iaitu ‘Saya menggunakan *protection tools* untuk melindungi pengguna.’, ‘Saya mewujudkan *content filtering* untuk menapis maklumat siber.’, ‘Saya mewujudkan *Internet security* untuk keselamatan siber.’, ‘Saya menukar kata laluan setiap bulan’, dan ‘Saya menasihati warga sekolah supaya menukar kata laluan setiap bulan’.

Pada keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa latihan ICT kepada pemimpin sekolah berfokus kepada kategori seperti berikut:

- Pengintegrasian ICT dalam PdP dan PdT
- Komunikasi - emel, forum, *video conferencing*
- Komputer dan rangkaian
- Mengakses sumber ICT
- Pengurusan pangkalan data
- Perisian produktiviti
- Literasi maklumat
- Kerjasama pintar
- Komuniti pembelajaran (ICT)

## RUMUSAN


Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemimpin sekolah berpendapat mereka mempunyai kompetensi tinggi dalam semua aspek keenam-enam domain pengurusan ICT. (Rajah 4).



Rajah 4: Tahap kompetensi mengikut domain

Pemimpin sekolah memahami dasar ICT dalam pendidikan dan pekeliling yang berkaitan dengan ICT. Mereka boleh melaksanakan dasar, memantau serta mengamalkan dasar ICT dalam pendidikan; menyediakan garis panduan dan peraturan penggunaan ICT dalam organisasi serta memberi input kepada pembangunan ICT di sekolah. Mereka memahami bahawa ICT boleh meningkatkan kualiti PDP dan menggalakkan penggunaan pembelajaran maya dalam PDP. Mereka mempunyai kefahaman tinggi mengenai komponen asas dan fungsi peralatan ICT; mengurus infrastruktur teknologi dan menggunakan rangkaian komunikasi untuk berkongsi maklumat dan data. Mereka boleh membangunkan keupayaan ICT organisasi secara berterusan, menguruskan perubahan dan mewujudkan komuniti pembelajaran.

Dua aspek di mana pemimpin sekolah berkompetensi sederhana ialah aspek pengetahuan tentang jenis-jenis kerosakan ICT dan kerjasama pintar.



Rajah 5: Tahap keseluruhan mengikut PPD terpilih

Walau bagaimanapun, tahap kompetensi ICT responden berbeza-beza mengikut domain dan aspek. Bagi domain Dasar dan Kepimpinan ICT, responden daripada PPD Kuantan berada pada tahap sederhana manakala PPD yang lain berada pada tahap yang tinggi. Dari aspek kepimpinan didapati PPD Seremban dan PPD Kuantan berada pada tahap sederhana.

Bagi domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi, responden daripada semua PPD didapati berada pada tahap yang tinggi. Manakala bagi aspek pembelajaran dan pengajaran PPD Kuala Terengganu dan PPD Kuantan berada pada tahap sederhana. Bagi aspek pengurusan pentadbiran ICT dan komunikasi ICT semua PPD dalam kajian berada pada tahap tinggi.

Bagi domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT, PPD Kuantan dan PPD Kuala Terengganu berada pada tahap sederhana, manakala PPD lain berada pada tahap tinggi. Bagi aspek komponen komputer dan rangkaian, PPD Kuala Terengganu berada pada tahap sederhana berbanding dengan responden PPD-PPD lain yang berada pada tahap tinggi. Bagi aspek perisian aplikasi pengurusan, responden dari PPD Seremban dan PPD Kuala Terengganu berada pada tahap sederhana manakala responden PPD-PPD lain berada pada tahap tinggi. Untuk aspek perisian produktiviti, responden PPD Seremban, PPD Kuala Terengganu dan PPD Kuantan berada pada tahap sederhana manakala responden PPD-PPD lain berada pada tahap tinggi. Bagi aspek literasi maklumat, didapati PPD Kuantan berada pada tahap sederhana jika dibandingkan dengan responden PPD-PPD lain yang berada pada tahap tinggi.

Bagi domain Pengurusan Pentadbiran ICT, didapati semua PPD berada pada tahap tinggi. Bagi aspek mengurus infrastruktur teknologi dan keselamatan data dan perkakasan ICT, semua PPD berada pada tahap tinggi. Untuk aspek mengakses sumber ICT, PPD Seremban berada pada tahap sederhana, manakala responden PPD-PPD lain berada pada tahap tinggi.

Bagi domain Pembangunan Keupayaan ICT Organisasi, PPD Kuantan berada pada tahap sederhana manakala responden dari PPD lain berada pada tahap yang tinggi. Untuk aspek pembangunan keupayaan ICT berterusan dan pengurusan perubahan, semua responden dari PPD berada pada tahap tinggi. Untuk aspek kerjasama pintar, PPD Kota Setar, PPD Seremban, PPD Kuala Terengganu dan PPD Kuantan berada pada tahap sederhana. Manakala PPD Kota Bharu dan Petaling Perdana berada pada tahap tinggi. Responden dari PPD Seremban, PPD Kuala Terengganu dan PPD Kuantan berada dalam tahap sederhana untuk aspek komuniti pembelajaran dalam domain pembangunan keupayaan ICT organisasi.

Bagi domain Isu, Sosial, Perundangan dan Etika ICT, PPD Kuantan berada pada tahap sederhana berbanding PPD-PPD lain yang berada pada tahap tinggi. PPD Seremban, PPD Kuala Terengganu dan PPD Kuantan berada pada tahap sederhana dalam aspek isu sosial berbanding dengan PPD-PPD lain yang berada pada tahap tinggi. Bagi aspek perundangan, hanya PPD kuantan sahaja yang berada pada tahap sederhana, manakala PPD-PPD lain berada pada tahap tinggi. Untuk aspek Etika ICT, semua responden dari PPD berada pada tahap tinggi.

Dari segi peringkat pengintegrasian ICT, didapati bahawa responden berpendapat mereka berada pada tahap tinggi bagi peringkat Kesediaan, Penggunaan dan Penerapan tetapi berada di tahap sederhana bagi peringkat Transformasi. Terdapat lebih daripada 50% responden berada pada tahap tinggi bagi semua domain di semua peringkat pengintegrasian ICT kecuali tiga domain iaitu domain Dasar dan Kepimpinan ICT, domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT dan domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.

Walaupun terdapat responden yang berada pada tahap rendah di semua peringkat pengintegrasian ICT bagi semua domain, peratus responden yang berada pada tahap rendah amat sedikit kecuali bagi peringkat transformasi, di mana peratus berada pada tahap rendah adalah lebih tinggi terutamanya dalam domain Dasar dan Kepimpinan ICT, domain Pengurusan dan Pentadbiran Sumber ICT serta domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT. Responden berpendapat bahawa mereka berada pada tahap tinggi dalam domain Pembudayaan ICT dalam Organisasi dan domain Pengurusan dan Pentadbiran ICT manakala kompetensi mereka paling rendah dalam domain Pengetahuan dan Kemahiran ICT dan domain Isu Sosial, Perundangan dan Etika ICT.

Berdasarkan analisis ke atas item-item tahap sederhana, dapat dirumuskan bahawa untuk meningkatkan kompetensi ICT pemimpin sekolah, fokus latihan ICT perlu bertumpu kepada aspek-aspek (i) pengintegrasian ICT dalam PDP dan PDT, (ii) komunikasi melalui emel, forum, video conferencing, (iii) sistem komputer dan rangkaian, (iv) mengakses sumber ICT, (v) pengurusan pangkalan data, (vi) penggunaan perisian produktiviti, (vii) penguasaan literasi maklumat, (viii) kerjasama pintar, (ix) komuniti pembelajaran dalam bidang ICT, dan (x) keselamatan ICT.

Mengikut Brodin (2012), jika pemimpin sekolah mempunyai pandangan yang positif dan berpengetahuan tentang komputer dan ICT, mereka akan menanamkan sikap yang positif terhadap pengintegrasian ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru. Ringkasnya, pemimpin sekolah harus literat dalam bidang ICT untuk memimpin penerapan ICT dalam proses pengajaran-pembelajaran serta pentadbiran sekolah.

## CADANGAN

Sampel kajian ini terdiri daripada 211 orang responden daripada enam buah PPD terpilih. Dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada semua pemimpin sekolah Malaysia sama ada daripada PPD atau negeri. Oleh yang demikian, pasukan penyelidik mencadangkan supaya saiz sampel ditambahkan bagi kajian lanjutan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh kompetensi ICT dalam kalangan pemimpin sekolah Malaysia.

Pasukan penyelidik juga mencadangkan supaya kajian yang lebih mendalam dijalankan ke atas peringkat pengintegrasian ICT sekolah bagi mendapatkan gambaran sejauh manakah pemimpin sekolah mengintegrasikan ICT dalam PDP dan PDT.

Selain itu, kurikulum latihan ICT hendaklah disemak semula untuk meningkatkan kompetensi ICT pemimpin sekolah bagi menyokong pelaksanaan tugas di sekolah sejarar dengan anjakan ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

## RUJUKAN

- Anderson, J. (2010). *ICT transforming Education: A regional guide*. UNESCO, Bangkok.
- Balakrishnan Muniady, Rossafri Mohammad dan Ahmad Moghni Salbani. (2009). Integrasi teknologi dalam institusi pendidikan: panduan kepada pentadbir. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki, Jil 19 Bil 02, ms.37-49*
- Brodin, J. (2010). Can ICT give children with disabilities equal opportunities in school? *Improving Schools*, 13: 99. The online version of this article can be found at: <http://imp.sagepub.com/content/13/1/99>. doi: 10.1177/1365480209353483.
- Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E., (1996). How to design and evaluate research. USA: Mc. Fraw-Hill Inc.
- Halaris, A., & Sloan, L. (1985). Towards a definition of computing literacy for the liberal arts environment. Proceedings of the 16th SIGCSE Technical Symposium on Computer Science Education, New Orleans, LA, USA, 320-326.
- Immel, Tracy. (2011). Teacher Professional Development. Retrieved from <https://edutechdebate.org/teacher-professional-development/time-to-move-to-competency-based-continuing-professional-development/> on 22 July 2013.
- International Society for Technology in Education (ISTE). (2002). *National educational technology standards for administrators*. Eugene, OR: Author.
- International Society for Technology in Education. (2007). *National educational technology standards for administrators (NETS-T)*. USA:Washington.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Anuar Abd Rahman, M. Al-Muzammil Yassin dan Phoon Ai Ling. (2010). Penilaian guru sekolah rendah terhadap peranan Guru Besar sekolah sebagai pemimpin teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 169–188.
- Mason, J., & Morrow, R. M. (2006). YACLD: Yet another computer literacy definition. *Journal of Computing in Small Colleges*, 21(5), 94-100.
- Mohd. Majid Konting. (1993). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. c.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perez, J. & Murray, M. C. (2010). Generativity: The New Frontier for Information and Communication Technology Literacy. *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management. Volume 5*.

- Spence, R., & Smith, M. (2009). A dialogue on ICTs, human development, growth and poverty reduction: A background paper. The Harvard Forum. Berkman Center for Internet & Society at Harvard University and Canada's International Development Research Centre. Retrieved January 31, 2010, from: [http://publius.cc/dialogue\\_icts\\_human\\_development\\_growth\\_and\\_poverty\\_reduction/091109](http://publius.cc/dialogue_icts_human_development_growth_and_poverty_reduction/091109)
- Stuart, L.H., Mills, A. H. & Remus, U. (2009). School leaders, ICT competence and championing innovations. *Computer and Education*. 53 (2009). P. 733-741. Retrieved 27 September 2012 from <http://www.elsevier.com/locate/compedu>
- UNESCAP. (2009). *Competency-based training guidelines for ICT initiatives at the community level*. ESCAP Technical Paper. Retrieved 22 February 2012, from: [http://www.unescap.org/idd/working%20papers/IDD\\_TP\\_09\\_04\\_of\\_WP\\_7\\_2\\_914.pdf](http://www.unescap.org/idd/working%20papers/IDD_TP_09_04_of_WP_7_2_914.pdf)
- U.S. Department of Education. (1996). *Technological literacy*. Retrieved January 31, 2010, from: <http://www.ed.gov/updates/PresEDPlan/part11.html>
- UNESCO. (2002). *Information and communication technology in education. A curriculum for schools and programme of teacher development*. Paris: UNESCO.

